



**PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGAL KEDUA
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 21

Isnin

1 Julai 2019

K A N D U N G A N

MENGANGKAT SUMPAH:

- Yang Berhormat Cik Vivian Wong Shir Yee (Sandakan) (Halaman 1)

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

- Mengalu-alukan Ahli Baru (Halaman 1)
- Memperkenankan Akta-akta (Halaman 2)
- Perutusan Daripada Dewan Negara (Halaman 2)

**UCAPAN TAKZIAH KEPADA KE BAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG DAN
SELURUH KERABAT ATAS KEMANGKATAN KE BAWAH DULI
YANG MAHA MULIA PADUKA AYAHANDA SULTAN HAJI AHMAD
SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH IBNI ALMARHUM SULTAN ABU BAKAR
RI'AYATUDDIN AL-MUADZAM SHAH**

(Halaman 3)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Halaman 4)

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

(Halaman 42)

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat (Halaman 43)

**USUL MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
DI BAWAH P.M. 27(3):**

- Pengisytiharan Harta Semua Ahli Dewan Rakyat (Halaman 43)

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGAL KEDUA
MESYUARAT KEDUA**

Isnin, 1 Julai 2019

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

MENGANGKAT SUMPAAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat sumpah:

- Yang Berhormat Cik Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

MENGALU-ALUKAN AHLI-AHLI BARU

Tuan Yang di-Pertua: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Cik Vivian Wong Shir Yee, Ahli Parlimen Sandakan yang telah mengangkat sumpah sebentar tadi. Saya juga mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat yang telah memenangi Pilihan Raya Kecil Sandakan pada Sabtu, 11 Mei 2019 yang lalu. *[Tepuk]* Dewan Rakyat ini mempunyai kedudukan yang tertinggi dalam menentukan undang-undang negara dengan bertujuan memberikan manfaat terbesar kepada seluruh rakyat Malaysia. Ia mempunyai wibawanya sendiri dan melengkapkan cabang-cabang pemerintahan yang lain. Justeru, peranan Parlimen sebagai medan perbincangan dan perdebatan yang bebas mesti dihayati sebaiknya. Saya yakin, Ahli Yang Berhormat akan melaksanakan tugas sebagai wakil rakyat ini dengan terhormat seperti yang dituntut oleh keluhuran institusi ini.

Oleh yang demikian, saya berharap Ahli Yang Berhormat dapat meneruskan lagi legasi jasa dan pengorbanan mendiang ayahanda Yang Berhormat iaitu bekas Yang Berhormat Sandakan Datuk Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh. *[Tepuk]* Saya juga berkeyakinan lantikan ini merupakan kepercayaan dan pengiktirafan rakyat serta generasi muda untuk menyuarakan aspirasi dan harapan mereka. Saya juga berharap agar Yang Berhormat dapat memberikan sumbangan yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini serta seterusnya kepada negara. Semoga Yang Berhormat dapat berkhidmat dengan cemerlangnya. Tahniah sekali lagi. *[Tepuk]*

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen Keempat Belas dalam Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua, Parlimen Keempat Belas yang lalu seperti berikut:

1. Akta Perbekalan Tambahan (2018) 2019;
2. Akta Undang-undang Sivil (Pindaan) 2019; dan
3. Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2019.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam sidang Parlimen Keempat Belas, Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua 2019 yang lalu. Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan perutusan]

Perutusan Daripada Dewan Negara kepada Dewan Rakyat

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah meluluskan rang undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. DR 1/2019 Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2018) 2019;
2. DR 2/2019 Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) 2019;

■1010

3. Rang Undang-undang Eksais (Pindaan) 2019
4. Rang Undang-undang Zon Bebas (Pindaan) 2019
5. Rang Undang-undang Sivill (Pindaan) 2018
6. Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 2019
7. Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2019
8. Rang Undang-undang Levi Pelepasan 2019
9. Rang Undang-undang Pentadbiran Undang-undang Islam Wilayah-wilayah Persekutuan (Pindaan) 2018

Yang Ikhlas,

t.t

“YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA”

**UCAPAN TAKZIAH KEPADA KE BAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI
PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG DAN SELURUH KERABAT ATAS
KEMANGKATAN KE BAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA AYAHANDA
SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH IBNI ALMARHUM SULTAN
ABU BAKAR RI'AYATUDDIN AL-MUADZAM SHAH**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini merakamkan perasaan yang amat dukacita dan sedih di atas kemangkatan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Ayahanda Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Muadzam Shah pada hari Rabu, 22 Mei 2019 bersamaan 17 Ramadhan 1440 Hijrah. Bagi pihak Majlis Dewan Rakyat, saya ingin mengucapkan takziah kepada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke-16, Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah di atas kemangkatan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Ayahanda dan mengucapkan takziah kepada seluruh Kerabat Diraja Negeri Pahang Darul Makmur.

Almarhum Baginda adalah Sultan dan Raja Pemerintah Negeri Pahang Darul Makmur bermula dari 7 Mei 1974 hingga 11 Januari 2019. Almarhum Baginda pernah

dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong Ketujuh untuk tempoh 26 April 1979 hingga 25 April 1984. Upacara ini hendaklah disimpan di dalam Arkib Parlimen dan satu salinannya dihantar kepada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultanah Hajah Kalsom binti Abdullah. Semoga roh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Ayahanda Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Muadzam Shah dicucuri rahmat dan ditempatkan di kalangan orang-orang yang soleh.

Oleh yang demikian, saya menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, bangun. Kepada yang beragama Islam diminta menghadihkan Al-Fatihah kepada roh Almarhum Baginda dan kepada bukan yang beragama Islam diminta untuk bertafakur selama satu minit. Terima kasih.

[Ahli-ahli bangun bertafakur]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]** minta Perdana Menteri menyatakan kesan dan peningkatan yang telah dihadapi oleh Tabung Haji (TH) setelah perubahan tampuk pengurusan tertinggi dan langkah penjimatan yang telah diambil sejak Mei 2018.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa]:

Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, di atas soalan pertama yang diajukan oleh Yang Berhormat Port Dickson.

"Hidangan ditutup tudung saji,

Lazatnya rasa tidak terperi,

Bermula sesi soalan haji,

Hamba sambut soalan Dato' Seri". [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengurusan tertinggi Lembaga Tabung Haji telah mengambil langkah sewajarnya melalui pelaksanaan Pelan Pemulihan dan Penstrukturan Tabung Haji. Pelan ini melibatkan pemindahan aset-aset yang mengalami kejatuhan nilai dan memberi pulangan rendah kepada sebuah syarikat iaitu Syarikat Tujuan Khas milik penuh Kerajaan Malaysia. Transaksi ini adalah bertujuan untuk memulihkan kedudukan kewangan supaya nilai aset melebihi nilai liabiliti yang merupakan teras permasalahan yang menuntut kita mengadakan pemulihan ini. Langkah dan inisiatif yang diambil menyebabkan hibah

telah diagihkan, setelah kita dapat imbangkan itu kepada pendeposit pada 5 April 2019 berlandaskan kepada Akta Tabung Haji.

Tabung Haji punya hak keutamaan atau *first right of refusal* terhadap aset-aset yang telah dipindahkan sekiranya SPV ingin melupuskan aset-aset tersebut, pada masa yang sama membantu fleksibiliti kewangan kerajaan. Sukuk mempunyai terma yang membenarkan kerajaan untuk menebus semula sukuk, bukan sahaja melalui tunai tetapi juga dengan melalui aset-aset yang telah dipindahkan. Antara langkah penjimatan yang telah dan sedang diambil oleh Tabung Haji untuk pengetahuan Yang Berhormat Port Dickson, membatalkan inisiatif yang kurang memberi manfaat dan berpotensi rendah seperti pelaburan di dalam mesin ATM. TH mengambil langkah dengan usaha sama dengan Bank Islam Malaysia Berhad serta membuat pelaburan di dalam perbankan *internet* dan digital bagi kemudahan pendeposit.

Merunding semula kontrak-kontrak terdahulu supaya dapat memberi penjimatan yang optimum kepada Tabung Haji, terutamanya di dalam bidang perbekalan infrastruktur teknologi maklumat. Untuk pengetahuan, kita telah menjimat untuk setahun RM9.3 juta dengan pendekatan runding semula kontrak-kontrak ini. Mengurangkan perbelanjaan mengurus seperti mengurus kos pentadbiran dan perolehan di ibu pejabat Tabung Haji dan semua cawangan seluruh Malaysia, apa yang kita namakan sebagai *centralized procurement*, yang telah membawa penjimatan sebanyak RM2 juta setahun. Penjimatan dalam penganjuran majlis dengan skala yang lebih kecil telah menjimatkan RM1.5 juta setahun.

Usaha sama strategik dengan anak-anak syarikat juga telah memberikan impak yang besar dalam penjimatan kita. *Refinancing* kepada projek tertentu dapat mengurangkan kos kewangan. Sebagai contoh, apabila kita membuat pembiayaan semula, kita telah menjimatkan daripada kenaan 3.7 peratus kepada 1.9 peratus yang telah membawa penjimatan sebanyak RM86,000. Meningkatkan dan membaik pulih program latihan kakitangan Tabung Haji. Demikianlah jawapan kepada apa yang telah dicapai dan peningkatan yang telah dibuat daripada soalan yang diajukan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Tuan Yang di-Pertua, ada perkara yang mendesak dari sudut menunggu giliran dan juga kuota. Akan tetapi saya terpanggil untuk menekankan satu soal yang lebih mendesak iaitu keselamatan jemaah dalam masa singkat. Ini kerana sikap keras dan provokatif Presiden Amerika Syarikat untuk menyerang Iran dalam tempoh terdekat dan keselamatan jutaan jemaah itu akan

terjejas. Jadi, saya mohon pendirian kerajaan untuk menjamin keselamatan jemaah dalam menjangkau perkara yang menghadapi keganasan ataupun ofensif Amerika Syarikat terhadap Iran.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Terima kasih kepada soalan tambahan Yang Berhormat Port Dickson. Kerajaan dari sudut operasi para jemaah haji sememangnya meletakkan keutamaan yang paling tinggi dalam menjamin keselamatan para *hujjaj* kita. Jadi, bagi pihak kita dan juga Kerajaan Arab Saudi, dalam soal menjaga keselamatan jemaah haji ini, apatah lagi dibangkitkan dan dikaitkan dengan isu Timur Tengah yang sedang bergolak.

■1020

Kami daripada pihak Tabung Haji sentiasa berurusan dengan keselamatan Saudi kerana apabila para jemaah haji berada di bumi Mekah di bawah kuasa keselamatan Saudi, sudah tentulah mereka juga punya satu obligasi yang tinggi dan tanggungjawab bagi menjamin keselamatan para jemaah haji seluruh dunia termasuklah daripada jemaah haji Malaysia dan *rest assured*, kita akan pastikan perkara itu *insya-Allah*.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan ini adalah berkaitan dengan menyatakan kesan dan peningkatan yang tidak dijawab oleh Yang Berhormat Menteri dan kita tahu dalam urusan Tabung Haji ini, banyak sekali keresahan di kalangan rakyat di luar sana yang sangsi dengan pendekatan yang telah diambil kerana kecenderungan kerajaan sekarang ini banyak melakukan *manipulative accounting*. Jadi daripada keresahan-keresahan ini, adakah kerajaan bersedia untuk mewujudkan *Royal Commission of Inquiry (RCI)* bagi menjawab persoalan-persoalan dan kesangsian yang timbul di kalangan rakyat? Satu Suruhanjaya Diraja patut dibentuk untuk mengemukakan laporan sepenuhnya tentang kedudukan Tabung Haji.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Terima kasih kepada Yang Berhormat Ketereh. Sepanjang maklumat saya, rakyat di bawah tidak resah, yang resah hanyalah pembangkang saja. Jadi ...

Beberapa Ahli: Ya. [Tepuk] [Riuh]

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ulang lagi sekali.

Seorang Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Ya, saya sudah. Pihak yang memanipulasikan ...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Lemah, lemah, lemah.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Tidak, tidak, tidak, bukan. Pihak yang memanipulasi.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Ini betul-betul lemah otak lah Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Kejap dulu, kita ada fakta. Yang ...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Rahmatan Lil Alamin.*

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Terima kasih. Pihak yang memanipulasi bukan kerajaan. Pihak yang buat *creative accounting* pun bukan kerajaan hari ini. Semua itu kami warisi daripada kerajaan yang terdahulu.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Berubah Yang Berhormat Menteri. Jangan pakai modal itu, tidak laku sudah.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Jadi ...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Orang sudah tidak hendak dengar sudah itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, teruskan.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Saya ingin memberi jaminan di sini bahawa jawapan kepada soalan, saya ambil satu contoh Yang Berhormat Ketereh ya. Suku pertama tahun 2019, perbelanjaan operasi haji yang kami *handle* berbanding dengan suku pertama tahun 2018, yang pengerusi dia pun ada di depan sini, Yang Berhormat Baling, kedua-duanya amat berbeza iaitu tahun 2018 sebanyak RM262 juta operasi haji. Bila kami ambil alih, kami telah kurangkan sebanyak RM58 juta iaitu RM204 juta. Jadi saya tidak tahu, saya tidak tahu atas ...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jumlah pergi haji berapa orang? Berapa orang pergi haji?

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Atas asas. Saya tidak faham.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jumlah orang pergi haji berapa?

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Kuota tidak ...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tidak tahu.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: 30,200 orang.

Tan Sri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Jumlah pergi haji berapa? Jumlah pergi haji?

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Jadi, saya ingin menyebut di sini bahawa manipulasi dan segala *creative accounting* yang disebut itu bukan daripada kami tetapi sebab merekalah, maka kami terpaksa buat.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jawab politik lagi, jawab politik lagi.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat, kalau berani bentuk RCI saja Tabung Haji. Jangan cakap begini. Bentuk RCI.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kepala Batas mengemukakan soalan tambahan.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta soalan tambahan.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Kalau macam ini, bentuk RCI. Suruhanjaya Diraja, siasat betul-betul. Itu baru *gentleman*. Kalau tidak wujudkan persepsi untuk apa.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Tidak jawab soalan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kepala Batas bangun lebih awal. Silakan.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Soalan tambahan sebagai bekas Pengerusi Tabung Haji.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Saya tanya RCI, dia tidak hendak jawab.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Bagi saya bekas Pengerusi Tabung Haji. Tuan Yang di-Pertua, ...

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Bagi Timbalan ini. Tuan Yang di-Pertua, bagi pada bekas Pengerusi Tabung Haji lah pula.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Kepala Batas.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Dapat berapa? 50 peratus kah KPI?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kepala Batas, beri kebenaran untuk menyoal.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat Menteri tidak pandai jawab, bagi saya tolong jawabkan, saya tahu. Bagi saya jawab. Izin soalan tambahan. Bagi saya soalan tambahan. [*Dewan Riu*h]

Tuan Yang di-Pertua: Silakan. Kalau tidak saya akan ...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Ini kerana Yang Berhormat Menteri menjawab tanpa fakta.

Tuan Yang di-Pertua: Minta dikemukakan soalan yang kedua.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Menteri menjawab hanya jawapan politik semata-mata. Saya minta beri peluang kepada saya. Ini tidak adil.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, oleh kerana Dewan riu rendah, saya menjemput Yang Berhormat Sik untuk mengemukakan soalan kedua.

2. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] minta Perdana Menteri menyatakan apakah perancangan kementerian untuk menyelesaikan masalah pendaftaran pelarian Rohingya yang diselia oleh UNHCR ketika ini dan berapakah jumlah pelarian terkini yang didaftarkan di bawah agensi ini.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Menteri tidak berani buat PAC, Yang Berhormat Menteri tidak buat, tidak berani buat RCI. Yang Berhormat Menteri takut.

Seorang Ahli: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan kedua, ya silakan.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Jangan cabar pagi-pagi hari pertama.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan kedua.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tidak patut, ini tidak adil. Bagi saya sebagai bekas Pengerusi Tabung Haji. Ini tidak adil.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Tabung Haji sudah hidup sudah. Jangan cari jalan hendak tumpang duit.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan soalan kedua.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Ini kerana Yang Berhormat Menteri sudah sebut nama saya sudah setahun lebih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Timbalan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail]: Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Pandai-pandai lagi.

Menteri Wilayah Persekutuan [Tuan Khalid bin Abd Samad]: Jawab kepada SPRM saja, jawab kepada SPRM saja.

Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tidak payah, ini tidak ada kena mengena dengan SPRM. Ini kena mengena Tabung Haji.

Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail: Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Adakah bekas Pengerusi Tabung Haji curi duit Tabung Haji? Saya hendak Yang Berhormat Menteri, jawab!

Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Baling, ini sesi soal jawab ya. Silakan.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Duduk, duduk.

Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Penakut, jangan jadi Yang Berhormat Menteri lah.

Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail: Saya hendak menjawab soalan nombor dua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, *Bismillahi Rahmani Rahim*.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Menteri cap ayam.

Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail: *[Membaca sepotong doa]*. Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh *United Nations High Commissioner for Refugees (UNHCR)* sehingga 31 Mei tahun ini, jumlah pelarian dan pemohon suaka yang berdaftar ialah 173,731 orang merangkumi 124,753 orang pelarian dan 48,978 pemohon suaka. Proses penentuan status pelarian ini dijalankan oleh pihak UNHCR berdasarkan Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 dan Protokol 1967. Berhubung dengan perancangan kerajaan untuk menyelesaikan masalah pendaftaran

pelarian Rohingya di negara ini, didapati bahawa 93,138 orang daripada pelarian itu adalah daripada etnik Rohingya, merangkumi 53.6 peratus dan 80,435 orang pelarian dan pemohon suaka ialah 12,763 orang.

Jadi kerajaan hendak menyelesaikan masalah pendaftaran pelarian Rohingya di negara ini, kerajaan telah berunding dengan UNHCR untuk menempatkan pegawai Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Imigresen (JIM) dalam proses *Refugee Status Determination* yang dijalankan oleh pihak UNHCR. Sekarang ini dibuat secara unilateral, UNHCR sahaja yang mendaftar. Namun, rundingan tersebut masih belum dapat dimuktamadkan tetapi kerajaan komited untuk memastikan penempatan pegawai PDRM dan JIM tersebut dapat direalisasikan. Dalam pada itu, proses pembaharuan kad-kad UNHCR yang mempunyai ciri-ciri keselamatan yang lebih baik juga sedang giat dilaksanakan oleh UNHCR. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan pertama Yang Berhormat, sila.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sebelum itu saya mengalu-alukan kedatangan pesara polis negeri Johor Darul Takzim yang bersama kita pada pagi ini. [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Selamat datang.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Soalan tambahan saya, adakah pihak kerajaan bersedia untuk mewujudkan satu unit yang rasmi, yang khas di bawah mana-mana jabatan untuk menjalin kerjasama yang lebih erat dengan UNHCR dalam proses pendaftaran pelarian-pelarian ini? Ini kerana data-data yang ada sekarang adalah sepenuhnya dimiliki oleh UNHCR dan tidak dimiliki oleh agensi-agensi kerajaan yang ada. Jadi itu menyebabkan ada pelarian ini yang terpaksa menunggu begitu lama proses pendaftaran.

Perkara yang kedua, soalan saya, adakah kerajaan bersedia untuk menjadikan pelarian Rohingya ini sebagai pekerja asing yang didaftarkan secara sah melalui saluran undang-undang yang ada dan tidaklah kita memberi pandangan yang agak pelik untuk mengambil pekerja asing daripada Afrika yang sangat janggal kita dengar pada hari ini? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Amat Berhormat.

Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sik yang bertanya ini. Memang saya ingat tidak akan dapat rasanya daripada Afrika setakat *la* inilah. Daripada UNHCR itu memanglah kita hendak berikan kad status untuk mereka. Satu jawatankuasa belum lagi ditubuhkan. Namun kita

ada kerjasama untuk menjalin bahawa kita hendak tingkatkan supaya ada penempatan PDRM yang saya kata tadi dengan JIM untuk mengesahkan kerana memanglah unit – UNHCR telah boleh mengeluarkan status pelarian ini dan UNHCR menjalankan proses pengeluaran berdasarkan kes.

Justeru, ada antara pelarian yang mendapat kelulusan dalam sehari dan juga ada yang perlu menunggu setahun. Kita tahu masalahnya. Namun bagaimana kita hendak membuatkan pendaftaran ini berjalan dengan baik kerana kita tahu juga bahawa Rohingya ada kekangan untuk datang ke pejabat UNHCR di Kuala Lumpur dan tidak mampu untuk mengesahkan juga identiti mereka pada pihak UNHCR sahaja.

■1030

Tentang memberikan mereka pekerjaan ini, memang kita ada projek rintis diberikan pekerja untuk membenarkan pelarian bekerja di negara kita ini sedang dikaji dan diperhalusi oleh kerajaan bagi mengenal pasti sama ada perlu dikekalkan atau dipinda. Ini kerana sekarang ini kita kena buat dengan teliti bagaimana kita hendak memberikan *jobs* ataupun pekerjaan kepada mereka kerana kita tidak mahu menjejaskan kepentingan rakyat sendiri dalam negara supaya kita pelihara peluang pekerjaan untuk rakyat sendiri pun, itu adalah salah satunya. Akan tetapi kita ada juga seperti mana yang saya katakan projek rintis kebenaran bekerja dalam sektor perladangan Sime Darby Plantation Berhad. Namun, ada juga masalah apabila pelarian Rohingya ini tidak sesuai dengan pekerjaan begitu. Namun, kita juga ada dalam sektor perkilangan dalam *Gardenia Bakeries*, tidak ramai lebih daripada 100 orang sahaja seperti mana keputusan Jemaah Menteri yang telah dibuat pada bulan Mac 2016 itu.

Kita mahu mereka bekerja, namun ada juga cara-cara bagaimana mereka boleh bekerja di Malaysia tanpa menjejaskan peluang pekerjaan orang Malaysia sendiri. Bagaimana kita hendak tentukan mereka betul-betul pelarian supaya memberikan kad UNHCR itu dan bukan pelarian ekonomi ataupun *economic migrant*. Terima kasih.

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya tentang peluang pekerjaan kepada pelarian juga. Ini kerana kita tahu bahawa dalam penggal yang lepas itu Parlimen ini sudah buat pindaan atas undang-undang. Justeru pelarian yang pegang kad yang sah itu sebenarnya boleh kerja di sini tetapi...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jejebu]: Pelarian. Pelarian, bukan pelari.

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Pelarian. *Good*. Pelarian itu boleh bekerja di negara kita. Akan tetapi salah satu masalah adalah nampaknya undang-undang yang

sudah dipinda ini tidak dimaklumkan kepada polis atau penguat kuasa yang menjalankan tugas *on the ground*. Justeru, saya masih dapat terlalu banyak laporan dari pelarian tentang penangkapan mereka atau *arrestment* terhadap mereka yang dapat kerja ataupun peluang pekerjaan. Justeru, majikan mereka pun takut untuk mengupah pelarian yang sudah dapat pengesahan. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana soalan itu memberikan kita menjawab bahawa memang kita hendakkan mereka diberi peluang pekerjaan supaya mereka *sustain*, boleh menjalani hidup di sini sebagai pelarian. Namun, ada juga masalah kerana kad itu kadangkala disalahgunakan dan apabila ditangkap dengan ada apa-apa lain, mereka hanya tunjuk kad dan menunjukkan bahawa mereka itu *immune*. Kalau mereka dapatkan peraturan-peraturan hanya untuk pekerjaan-pekerjaan yang tertentu sahaja yang dibenarkan. Ini dalam salah satu perbincangan kita juga untuk meluaskan tetapi dengan syarat-syarat kalau pelarian-pelarian ini diberikan peluang untuk bekerja mereka mestilah memenuhi syarat-syarat ini supaya tidaklah merasakan bahawa kita melebihi mereka yang datang sebagai pelarian tidak memberikan peluang pekerjaan untuk rakyat Malaysia sendiri. Terima kasih.

3. Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli] minta Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli menyatakan keluasan tanah yang telah diteroka untuk pembalakan bagi tahun 2017 dan 2018 secara berlesen dan haram. Sejauh manakah pembalakan yang berlesen dan haram telah menjejaskan keadaan alam sekitar.

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli [Dr. Xavier Jayakumar]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan dari Yang Berhormat Jeli. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara umumnya terdapat dua kategori pelesenan pembekalan di negara ini iaitu:

- (i) Pembalakan dalam kawasan hutan simpanan kekal (HSK); dan
- (ii) Pembalakan di luar HSK iaitu di tanah kerajaan (TK) dan tanah bermilik (TM).

Bagi aktiviti pembalakan dalam HSK, ia hanya dilaksanakan dalam kawasan yang dikelaskan sebagai hutan pengeluaran dan penebangan dilakukan secara terkawal melalui amalan sistem pengurusan pemilik (*selective management system*). Bagi tanah kerajaan pula, dan tanah bermilik, pelesenan pembalakan dilakukan untuk tujuan pembangunan tanah dan lazimnya dilakukan secara tebang habis.

Kawasan yang telah dilesenkan di dalam HSK oleh Jabatan Perhutanan Negeri pada tahun 2017 dan 2018 masing-masing adalah seluas 35,264 hektar dan 34,833 hektar. Bagi kawasan luar HSK iaitu di TK dan TM, Jabatan Perhutanan Negeri juga telah melesenkan kawasan seluas 10,627 hektar pada tahun 2017 dan 36,720 hektar kawasan bagi tahun 2018. Aktiviti pembalakan haram dalam HSK bagi tahun 2017 dan 2018 adalah masing-masing keluasannya 269 hektar dan 110 hektar telah direkodkan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) di mana jumlah ini adalah kurang daripada satu peratus daripada keluasan HSK di Semenanjung Malaysia. Lazimnya aktiviti pembalakan haram yang dikesan melibatkan tebangan pokok-pokok yang terpilih yang berpasaran tinggi dan bilangan yang sedikit dalam satu-satu kawasan.

Oleh yang demikian, kesan kepada alam sekitar secara amnya juga adalah minimum. Keadaan ini berbeza dengan pembalakan di TK dan juga TM sama ada berlesen atau tidak berlesen apabila melibatkan penebangan habis. Walau bagaimanapun, pelesenan pembalakan secara sah di TK dan TM adalah tertakluk kepada keperluan penilaian impak alam sekitar atau *environmental impact assessment (EIA)* sebelum aktiviti pembalakan dilakukan. Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Tuan Yang di-Pertua, lima enam tahun kebelakangan ini adalah *from media* terdapat pembalakan haram di beberapa buah negeri di Sabah, Sarawak, Pahang, Kelantan, Kedah dan Perak antara lainnya. Yang Berhormat Menteri ada umum tahun lepas bahawa Akta Hutan akan dipinda. Apakah perkembangan terkini? Yang Berhormat Menteri juga umumkan bahawa garis panduan pembalakan kawasan sensitif juga akan dikeluarkan.

Jadi, apakah perkembangan terkini? Setakat mana kementerian yakin tentang kepatuhan kerajaan negeri? Ini kerana hutan ini di bawah tanggungjawab negeri. Setakat mana kementerian yakin negeri akan patuh kepada garis panduan yang bakal dikeluarkan oleh kementerian dalam hal ini? Khususnya pembalakan haram dan juga kawasan sensitif. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Xavier Jayakumar: Terima kasih Yang Berhormat Jeli. Memang betul kita sedang kaji untuk membuat satu akta ataupun memperbaharui akta yang ada lama itu tetapi sekarang kita ada perbincangan dengan negeri masing-masing. Akan tetapi garis panduan yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Jeli itu pun sudah siap sedia untuk kita maklumkan kepada negeri. Ini ialah satu cadangan dari JPSM untuk kita pastikan bahawa bila negeri mengeluarkan tanah-tanah yang sensitif itu untuk pembalakan, ia mengikut garis panduan yang kita telah ditetapkan. Akan tetapi, adakah tidak negeri

akan ikut garis panduan yang kita cuba keluarkan itu ialah *responsibility liaise on the state government* untuk berbuat demikian. Akan tetapi kita akan keluarkan garis panduan itu sebagai satu cara untuk berbuat demikian.

Saya hendak maklumkan ialah untuk pembalakan haram ini di dalam negeri masing-masing, penguatkuasaan ini ialah untuk negeri lakukan. Akan tetapi Kerajaan Pusat kita memang ada juga Forest Monitoring Remote Sensing (FMRS) untuk Semenanjung sahaja bukan untuk Sabah dan Sarawak. Saya fikir untuk kerjasama dengan kita sekali di kerajaan sekarang, kerajaan negeri kena mematuhi bahawa kawasan-kawasan sensitif itu tidak diberikan untuk pembalakan pada masa hadapan yang akan datang. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan Selamat Hari Raya.

■1040

Saya hendak minta supaya Dewan betulkan dulu, pembalakan dalam ejaan supaya betul di Dewan yang mulia. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya tentang pendirian kerajaan dan juga pendirian kerajaan negeri. Selain daripada kawasan pembalakan haram, tetapi kawasan pembalakan yang menjejaskan kawasan rayau Orang Asli. Kebanyakan kawasan pembalakan ia melibatkan kawasan rayau masyarakat Orang Asli. Apakah pendirian kerajaan termasuk kerajaan negeri untuk menyelamatkan kawasan rayau Orang Asli ini daripada pupus hasil daripada pembalakan yang telah diluluskan ataupun pembalakan yang tidak diluluskan? Terima kasih.

Dr. Xavier Jayakumar: Kalau kita ikut undang-undang yang kita ada sekarang, kerajaan negeri lah yang ada kuasa untuk memberi pembalakan hutan di kawasan itu. So, kita kena bagi tumpuan ini kepada kerajaan negeri, apa yang kerajaan negeri hendak lakukan. Kalau kerajaan negeri hendak buat demikian, itu ialah hak kerajaan negeri untuk buat. Akan tetapi kalau kerajaan negeri tidak hendak bagi, itu pun hak kerajaan negeri. Akan tetapi sekarang kita hendak adakan perundingan dengan kerajaan negeri masing-masing untuk pastikan bahawa tanah-tanah adat ataupun tanah-tanah yang dimiliki ataupun yang kita nampak orang-orang asal kita gunakan, kita kena bincang dengan mendalam lagi cara macam mana kita hendak selesaikan isu ini yang kita nampak di beberapa negeri sekarang terutama sekali di Kelantan, di Perak dan juga di kawasan-kawasan Sabah dan Sarawak. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekarang saya menjemput Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Tuan Yang di-Pertua,

Jawab soalan biar tepat,

Jangan tiru Parit Buntar,

Soalan saya nombor empat,

Sila Menteri jangan tersasar. [Ketawa]

4. Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh] minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan status Program Pembangunan Bola Sepak Negara (NFDP) yang telah masuk tahun ke-5 dan apakah aspek penambahbaikan yang telah dibuat.

Menteri Belia dan Sukan [Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman]: Terima kasih Yang Berhormat Ketereh. Program yang baik wajib dikekalkan, yang tidak begitu baik kita perbaiki. Program NFDP di bawah Kementerian Belia dan Sukan akan terus diperbaiki dan dikekalkan. Saya kena ucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Kemaman pada tahun 2009 kerana memulakan Pelan Pembangunan Bola Sepak Negara (PPBN) yang dimulakan oleh Yang Berhormat Dato' Sri Ahmad Shabery bin Cheek dan diteruskan oleh Yang Berhormat Rembau, Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar pada tahun 2013 dengan program *National Football Development Programme*.

Pada hari ini kita ada tujuh penambahbaikan yang telah pun kita bawa. Sebaik sahaja saya masuk ke Kementerian Belia dan Sukan, selepas mengadakan sesi dialog bersama dengan ibu bapa, anak-anak yang melalui kem AMD, mereka maklumkan bahawa saya patut lakukan lawatan mengejut kerana ada beberapa masalah yang agak daif yang harus diselesaikan. Sebaik sahaja saya lakukan lawatan mengejut tersebut, saya dapati bahawa ada pelbagai *major defect*. Sebagai contoh, apabila hujan lebat, kelas-kelas akan banjir, padang bola sepak akan turut banjir kerana ada sistem perparitan yang lemah dan sistem *hydrotherapy pool* yang tidak berfungsi langsung dan *gym* yang tidak ada peralatan dan makanan yang tidak ikut spek ISN.

Dalam tempoh terdekat ini, masalah-masalah tersebut telah pun diselesaikan. Sebagai contoh, kita telah pun menempatkan tujuh pegawai sepenuh masa yang berkhidmat bersama dengan ISN dengan sistem sains sukan. Perkara-perkara *major*

defect yang lain turut telah diselesaikan kecuali peralatan *gym* yang akan masuk dalam tempoh masa sebulan ke dua bulan lagi.

Penambahbaikan kedua, adalah kementerian juga telah memperkenalkan skim gaji yang lebih berstruktur di mana mereka perlu melalui Akademi Kejurulatihan Kebangsaan dan Institut Sukan Negara di mana skim gaji yang baru ini adalah mengikut kelayakan Skim Pensijilan Kejurulatihan Kebangsaan dan setiap jurulatih juga perlu memenuhi keperluan pensijilan sukan spesifik dan sains sukan.

Ketiga, kita telah pun melibatkan FAM dengan lebih mendalam iaitu di mana mereka mengepalai jawatankuasa teknikal dan pada masa yang sama sedang bersama dengan kementerian untuk mencari pemain naturalisasi selaras dengan apa Qatar telah pun lakukan iaitu *Aspire Academy* di mana kita tidak boleh bergantung dengan pemain naturalisasi tetapi pada masa yang sama kita mahukan dengan izin, *diversification in training* daripada umur yang sangat muda supaya kita dapatkan pelatih yang terbaik.

Keempat, kita juga telah pun menambahkan peruntukan kepada Akademi Bola Sepak Negara Mokhtar Dahari dan juga sistem NFDP secara menyeluruh. Pada tahun lepas, peruntukan berjumlah RM3.5 juta telah pun diperuntukkan tetapi pada tahun ini, kita telah pun *carve aside budget* yang berjumlah RM15 juta.

Kelima, baru minggu lepas kita telah pun menandatangani satu perjanjian dengan *Regent International School* yang telah pun mendapat tajaan berjumlah RM5 juta selama lima tahun. Di mana anak-anak di AMD akan dapat pensijilan peringkat antarabangsa di bawah *Regent International School* di mana sekarang mereka boleh belajar di Akademi Bola Sepak Negara Mokhtar Dahari dan tidak perlu lagi setiap pagi berjalan kaki keluar ke sekolah sains dan pada belah petang datang balik. Mereka boleh belajar di sana dan mereka akan dapat pensijilan peringkat antarabangsa.

Keenam. Lagi dua sahaja Tuan Yang di-Pertua. Keenam adalah penempatan di piala belia dan piala presiden. Kita telah pun memastikan bahawa anak-anak kita di AMD *under 16* mereka bermain dengan pemain *under 19* dan *under 17* bermain dengan *under 21*. Pada hari ini kita lihat prestasi mereka sangat baik walaupun mereka - jurang umur itu tiga ke empat tahun tetapi mereka tetap dalam *top three*, mereka berjaya menewaskan skuad-skuad terbaik dari Johor, Selangor, Kedah walaupun ada jurang umur tiga tahun. Pada peringkat awal, ada tentangan, mungkin ada kata mereka akan *injured* tetapi selepas mendapat maklum balas daripada pihak ISN, mereka dapat bergerak ke hadapan dengan sangat berjaya.

Oleh itu, yang terakhir adalah pemeraksanaan *system thinking athletes*. Di mana apa akan terjadi kepada mereka selepas mereka tamatkan pengajian di AMD? Kita telah pun berikan *priority* utama kepada mereka untuk dapat biasiswa sukan dan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan di mana empat *priority* anak muda yang akan masuk ke universiti dan politeknik, salah satu daripada kategori tersebut adalah atlet muda. Atlet muda ini tidak lain tidak bukan daripada atlet dari AMD dan NFDP yang juga akan terjamin masa depan mereka daripada sistem pendidikannya, latihannya dan pada masa yang sama penempatan ke kelab-kelab terbaik di Malaysia. Terima kasih Yang Berhormat.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat mengumumkan peruntukan RM15 juta. Adakah Yang Berhormat sedar, RM15 juta itu adalah peruntukan yang terendah pernah diterima oleh program ini? Ini kerana pada tahun 2015, peruntukannya RM16 juta, tahun 2016 RM18 juta dan 2017 sebanyak RM19 juta.

Kedua, Yang Berhormat mengumumkan menandatangani dengan *Regent International School* yang menggunakan sistem kokurikulum IGCSE. Adakah Yang Berhormat sedar ini akan menimbulkan masalah kepada pelajar sebab mereka bukan untuk keluar negara? Selain itu, difahamkan Yang Berhormat tidak berunding dengan Kementerian Pendidikan terlebih dahulu tentang impak daripada IGCSE sedangkan Kementerian Pendidikan adalah anggota kepada Jawatankuasa NFDP.

Akhir sekali Yang Berhormat, banyak sekali pusat-pusat ini makin ditutup. PLD Besut, Seberang Perai, Kubang Pasu, Belaga, Labuan, Arau, Temerloh, Kota Bharu, Sentul. PLD-PLD ini telah ditutup dan semakin kecil. Apakah alasan penutupan ini menjadikan program ini semakin tidak mendapat *priority* di kementerian?

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman: Yang Berhormat, saya rasa maklumat Yang Berhormat dapat tidak betul. Ini kerana kalau lihat peruntukan pada tahun lepas ia berjumlah RM3.5 juta. Saya semak semula. Pada peringkat awal apabila NFDP ditubuhkan, mereka dijanjikan peruntukan RM20 juta setiap tahun. Akan tetapi pada tahun pertama sahaja mereka hanya diperuntukkan RM10 juta. Mana dana tambahan itu datang? Dana tambahan diambil daripada MSN yang sepatutnya dipertanggungjawabkan untuk menjaga pelbagai persatuan sukan yang lain. Apa kerajaan pada hari ini buat adalah untuk lakukan *carving aside budget* untuk didedikasikan pada NFDP. Tahun lepas *dedicated budget* RM3.5 juta dan tambahan

diambil oleh MSN. Sekarang *dedicated budget* khas untuk NFDP sahaja berjumlah RM15 juta. Perbezaan RM3.5 juta ke RM15 juta.

Kedua, berkenaan penutupan Pusat Latihan Daerah sebelum ini, perkara ini telah pun dibawa ke perhatian saya dan baru minggu lepas apabila saya mempengerusikan jawatankuasa bersama dengan Yang Hormat Dato' Haji Hamidin Presiden FAM, kita telah pun membuat keputusan untuk tidak menutup dan meneruskan 13 buah PLD yang sebelum ini dikatakan ditutup.

Saya hendak beri maklumat tambahan. Kenapa dikatakan ditutup? Bukan kita tutup, tetapi kita hendak berikan *priority* kepada PLD ini untuk melatih contoh skuad futsal ataupun pada masa yang akan datang skuad bola sepak wanita yang selama ini tidak diberikan perhatian yang secukupnya. Ia tidak ditutup, tetapi *priority*-nya diubah.

Ketiga, dikatakan sistem pendidikan kita tidak berunding dengan Kementerian Pendidikan. Dalam jawatankuasa teknikal kita, ada wakil daripada Kementerian Pendidikan. Ia bukan sahaja berkenaan dengan Akademi Bola Sepak Negara Mokhtar Dahari di Gambang. Walhal Akademi Badminton Malaysia (ABM) yang terletak di Bukit Kiara pun kalau boleh kita hendak ada *pairing up*, kerana mereka dapat sistem pensijilan antarabangsa.

■1050

Akan tetapi yang paling mustahak, hari ini kalau Yang Berhormat pergi ke Gambang, setiap pagi mereka kena bangun awal, kena jalan jauh pergi ke sekolah di luar dan selepas itu datang balik. *It taxes their physical strength* dan mengambil masa. Akan tetapi pada hari ini dengan pensijilan antarabangsa, cikgu-cikgu itu akan datang ke sekolah, mengajar mereka di sana dan akhirnya akan dapat pensijilan peringkat antarabangsa supaya mereka boleh di tempatkan di kelab-kelab antarabangsa bila tibanya masanya. Saya rasa ini bukan sistem yang sangat baik, kita berunding dengan semua dan kalau ada kritikan, saya terima dan ingin mencari jalan pertemuan untuk kita langkah ke hadapan bersama. Yang Berhormat dulu pernah mengepalai Kafa, buat pertama kali melalui sistem AMD dan NFDP di peringkat negeri kita telah pun sertakan sekali FA negeri dan juga Jabatan Pendidikan bersama untuk berbincang hala tuju selepas anak-anak ini tamat pengajian mereka di AMD dan NFDP. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih. Mengenai pembangunan bola sepak, kita lihat kalau dahulu pasukan bola sepak negara digeruni di Asia. Di mana kita ada pemain-pemain seperti Dato' Mokhtar Dahari, Dato' Soh Chin

Aun, Datuk Santokh Singh, Datuk Arumugam Rengasamy yang terdiri daripada berbilang bangsa. Dewasa ini kita lihat bahawa prestasi bola sepak kebangsaan semakin tercorot. Akan tetapi kita lihat pasukan Johor Southern Tigers begitu cemerlang dan dapat menarik pemain-pemain daripada seluruh negara. Apakah ciri-ciri yang terdapat dalam cara penyediaan *training* dan sebagainya? Adakah Kementerian Belia dan Sukan akan melihat kepada sistem *training* dan sebagainya Johor Southern Tigers yang dibimbing oleh Tengku Mahkota Johor? Ini kerana kita melihat prestasi mereka begitu baik dewasa ini. Terima kasih. Walaupun saya merupakan seorang penyokong tegar *Liverpool*. Saya ingin tanya, apakah cadangan kementerian membawa masuk pemain-pemain daripada *Manchester City* untuk memberi bimbingan?

Tuan Yang di-Pertua: Untuk soalan kedua tidak dibenarkan, jawab soalan pertama. *[Ketawa]*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Mungkin Menteri boleh jawab perkara itu, terima kasih. *You never walk alone.*

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman: Saya kena ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dan juga kepada Tengku Mahkota Johor kerana memainkan peranan yang sangat penting dan mustahak dalam membangunkan landskap bola sepak, khususnya melalui pembangunan di Johor itu sendiri. Oleh kerana akhirnya, pemain-pemain yang dilatih di Johor akan mewakili negara untuk mengharumkan nama Malaysia di persada dunia. Persoalan berkenaan penambahbaikan, saya kena juga ucapkan terima kasih kepada pimpinan profesional Dato' Haji Hamidin bin Haji Mohd Amin, Presiden FAM yang baharu. Di mana bawah pimpinan beliau, telah wujudnya lonjakan yang amat baik daripada *ranking* Malaysia, *nine ranking up* daripada sebelum ini yang merupakan lonjakan yang agak baik. Jangka masa panjang adalah untuk kita melaburkan sebanyak duit yang mungkin, tenaga dan usaha untuk membangunkan *Youth Footballers* di Malaysia melalui NFDP dan AMD ini.

Oleh sebab itu, pelan jangka masa panjang akan ada *possible tie-up* dengan salah satu *sponsor* yang agak besar untuk pastikan kita bukan sahaja melatih yang terbaik di Akademi Mokhtar Dahari. Akan tetapi paling mustahak sekali, *feeder* kepada AMD iaitu di setiap Pusat Latihan Daerah (PLD) itu dapat dipertingkatkan lagi. Apabila saya berjumpa dengan pimpinan Yakult yang ada *tie-up* bersama dengan *Japanese Football League*, mereka katakan di PLD iaitu *Feeder Group credible* AMD, *exposure* kepada *football* itu masih tidak mencukupi tetapi perlukan dana tambahan. Oleh sebab itu, kita mengalu-alukan FA negeri dan juga pihak penaja yang lain yang ingin bersama

dengan kita untuk membangunkan pembangunan bola sepak di peringkat akar umbi, khususnya di setiap satu Pusat Latihan Daerah. Saya bukan penyokong *Manchester City, Manchester United*, soalan itu saya jawab di luar. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Itu yang terbaik. Silakan Yang Berhormat Dato' Johari bin Abdul.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya kemukakan soalan, saya mohon maklumkan pada Tuan Yang di-Pertua, kehadiran MPKK Kampung Manis, Parlimen Batu Kawan. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Selamat datang.

5. Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta Menteri Hal Ehwal Ekonomi menyatakan Kertas Putih Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) telah pun dibentangkan di Parlimen:-

- (a) adakah kerajaan merasakan tindakan undang-undang terhadap mereka yang melakukan penyelewengan agak terlalu lambat ; dan
- (b) jika tindakan telah diambil, berapa yang telah dibawa ke mahkamah.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin]: Tuan Yang di-Pertua, objektif Kertas Putih FELDA adalah untuk memberi maklumat mengenai situasi sebenar dan isu yang dihadapi oleh FELDA. Kertas Putih ini juga menganalisis prestasi kewangan serta menggariskan hala tuju baharu untuk kelestarian FELDA. Tumpuan telah diberikan kepada penambahbaikan tadbir urus, penstrukturan semula dan pengukuhan kewangan serta operasi FELDA. Antara komponen utama Kertas Putih ini adalah kajian audit forensik yang telah dilaksanakan oleh firma profesional bebas terhadap pembelian dan pelaburan yang meragukan. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji secara mendalam proses perolehan dan pelaburan serta mengenal pasti sekiranya terdapat salah laku oleh pihak yang terlibat.

Kajian ini turut bertujuan untuk mengenal pasti corak dan trend kelemahan tadbir urus FELDA bagi membolehkan langkah pengukuhan dibuat. Tumpuan telah diberikan kepada lapan kes pembelian dan pelaburan yang signifikan dalam Kumpulan FELDA. Hasil kajian audit forensik ini telah dilaporkan dalam Bab 3 Kertas Putih FELDA. Susulan daripada kajian audit forensik, FELDA pada 8 April 2019 telah melaporkan kepada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dua daripada lapan urus niaga tersebut iaitu pembelian saham syarikat perdagangan Indonesia *Eagle High Plantations (EHP)* dan projek pembangunan Kuala Lumpur Vertical City (KLVC). Lanjutan daripada itu, PDRM sedang

melakukan siasatan terperinci terhadap EHP dan KLVC. FELDA memberi kerjasama penuh kepada pihak PDRM dalam siasatan kes-kes ini. FELDA komited membantu PDRM daripada pelbagai aspek supaya proses penyiasatan berjalan dengan lancar.

Sebagai sebuah kerajaan yang menekankan kepada pemerintahan mengikut undang-undang, adalah wajar pihak berkuasa diberi ruang bagi melengkapkan siasatan untuk memastikan proses perundangan berjalan berdasarkan *rule of law*, dengan izin. Untuk baki enam kes pembelian dan pelaburan yang dibentangkan dalam Kertas Putih, FELDA akan mengambil tindakan susulan dalam masa terdekat. Walaupun hanya lapan urusan niaga diberikan fokus di dalam Kertas Putih, ianya tidak bermakna FELDA mengabaikan mana-mana pembelian atau pelaburan lain yang meragukan. FELDA akan memastikan tadbir urus korporat yang berasaskan ketelusan dan akauntabiliti terus diperkasakan untuk mengembalikan keyakinan dan kepercayaan pemegang taruh, khususnya peneroka FELDA. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan pertama, Yang Berhormat Sungai Petani.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Pontian.

Tuan Yang di-Pertua: Belum lagi, soalan tambahan pertama.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Sungai Petani dulu.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Okey.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Tuan Yang di-Pertua, selepas Kertas Putih dibentangkan, rakyat menunggu-nunggu apakah tindakan daripada kerajaan selanjutnya. Nampaknya persepsi dalam pemikiran rakyat ini, *government is dragging the leg*. Jadi, saya hendak dapat penjelasan daripada Menteri, adakah ini bersangkut paut dengan badan-badan penyiasat yang mengambil masa sama ada polis, SPRM ataupun *auditors* ataupun apakah masalah-masalah kekangan yang lain? Ini kerana harus ada penerangan dan penjelasan daripada kementerian kepada rakyat. Kalau paling tidak pun dari semasa ke semasa melalui Kementerian Multimedia ataupun kepada media-media yang lain. Apakah yang sedang dilakukan, kerana rakyat melihat seolah-olah tidak ada tindakan dan ini akan memberikan persepsi seolah-olah kita sedang *covering up*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Terima kasih Yang Berhormat. Tidak ada istilah ataupun tidak ada unsur untuk *cover up*, dengan izin, apa-apa dalam kes ini. Seperti mana yang saya sebut tadi bahawa kita menghormati proses undang-undang, kita menghormati *rule of law*. Apa yang dilakukan oleh FELDA adalah melaporkan

berdasarkan kajian audit forensik iaitu satu penelitian berdasarkan fakta dan ini telah disampaikan kepada pihak polis. Untuk makluman Yang Berhormat, pada hari ini pun pihak FELDA bekerjasama rapat dengan polis dan cukup banyak masa dan tenaga di gunakan untuk dua kes ini buat masa ini. Berkaitan tentang maklumat kepada umum iaitu satu cadangan yang baik dan kita akan mengambil kira cadangan tersebut. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Pendang.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan kedua, Yang Berhormat Pontian silakan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih. Dalam Kertas Putih FELDA antara cadangan utamanya ialah tanah-tanah peneroka akan disewa oleh FELDA. Saya ingin tahu, berapa banyak tanah-tanah yang akan disewa?

■1100

Berapakah sewaan sebulan? Berapa ramai peneroka yang telah bersetuju untuk menyewakan tanahnya kepada FELDA dan apa yang berlaku kepada mereka yang telah memiliki tanah dan juga geran jika mereka tidak ingin menyewakan tanah itu? Dalam kes *Eagle High*, jumlah 37 peratus daripada saham yang dimiliki itu, nilai kawasan ialah empat kali Singapura. Adakah FELDA akan menjual kawasan sawit sejumlah empat kali luas Singapura itu? Berapa banyak aset FELDA telah dijual dan apakah langkah-langkah FELDA untuk membeli aset-aset untuk kebaikan peneroka?

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Bukan satu soalan, 10 soalan itu.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Terima kasih, itu lebih ...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Satu lagi, Menteri mana, Menteri? Menteri mana?

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Yang Berhormat Menteri baru berlepas ke Vienna untuk persidangan OPEC malam tadi.

Pertamanya, tentang isu tanah bersama dengan peneroka. Sesi libat urus sedang diadakan antara FELDA dengan peneroka untuk mendapat satu persetujuan bagaimana kaedah yang terbaik dalam melaksanakan cadangan yang telah disebut dalam Kertas Putih tempoh hari. Apa yang kita inginkan adalah sebarang perancangan yang dibuat, sebarang kaedah yang akan dilaksanakan, mendapat persetujuan awal dari pihak peneroka supaya proses itu dapat dilaksanakan dengan efektif dan efisien.

Seterusnya, berkaitan dengan *Eagle High Plantations*. Ini merupakan satu kes yang disebut dan dijelaskan di dalam Kertas Putih. Saya ingin sebut kepada Yang

Berhormat Pontian, 30 peratus pegangan yang dibeli pada 23 Disember 2016 pada harga yang 95.86 peratus lebih tinggi daripada harga pasaran. Itu pada harga *transaction date*, pada hari belian. Akan tetapi sewaktu diluluskan oleh lembaga pengarah pada 7 Disember 2015, harga pada waktu itu adalah IDR135 iaitu 344.12 peratus lebih tinggi daripada harga pasaran. Ini adalah fakta dan harga pasaran sewaktu kita menyiapkan Kertas Putih pada 4 April 2019 adalah IDR176. Kita beli pada harga IDR584. Pada tahun 2016, harga pada 4 April 2019 adalah IDR176. Berapa banyak kejatuhan tersebut dan saya baru periksa harga tadi, pada harga IDR167.

Apa yang kita lihat, pelaburan ini adalah daripada pinjaman RM2.3 bilion daripada Kementerian Kewangan melalui GOVCO. RM2.3 bilion ini membawa kadar faedah yang perlu dibayar balik. Jadi apa yang berlaku, FELDA pinjam daripada GOVCO, kena bayar balik kadar faedah, dapat daripada *Eagle High, the 'put option'* yang hendak kena dapat *six percent*, tolak balik apa yang perlu dibayar kepada GOVCO, tinggal lebih kurang satu peratus. Adakah berbaloi *investment* dengan *risk* begitu tinggi diberi pada harga IDR584, hari ini tinggal IDR167?

Jika kita tengok daripada harga saham dan harga saham ini *reflect future value company* ini. Maknanya pada hari ini sahaja, pada hari ini harga IDR167, *future value* pasaran tidak melihat *future value* yang ada pada *Eagle High*. Jadi sebab itulah perkara ini telah dibawa pihak FELDA ingin *exercise* kan, dengan izin, *'put option'* tersebut, tetapi *Eagle High instead of*, dengan izin *exercise the 'put option'* minta dibawa ke *Arbitration*. Jadi kita perlu lihat setiap *investment* ini, jumlah yang besar RM2.3 bilion melibatkan wang rakyat. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dijemput ...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Aset yang ingin dibeli? FELDA hendak beli aset, apa FELDA hendak beli aset?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Apakah Yang Berhormat rasa bahawa kejatuhan pasaran kerana mulut-mulut yang tidak betul daripada Menteri-menteri PH?

6. Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat] minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan apakah status terkini 97 transaksi lot tanah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang disiasat oleh Jawatankuasa Khas di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan serta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Menteri Wilayah Persekutuan [Tuan Khalid bin Abd Samad]: Baik, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. *Bismillahir Rahmanir Rahim. [Membaca sepotong doa]*

Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tumpat atas soalan berhubung dengan transaksi tanah yang melibatkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, 97 transaksi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Tumpat, pada 31 Julai 2018, Kementerian Wilayah Persekutuan telah menubuhkan satu Jawatankuasa Transaksi Tanah Milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bagi meneliti semula 97 transaksi penjualan tanah DBKL dengan diketuai oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dan dianggotai bersama Pejabat Menteri Wilayah Persekutuan, DBKL dan wakil Jabatan Peguam Negara sebagai ahli jemputan. Menteri Wilayah Persekutuan sendiri tidak duduk dalam jawatankuasa itu ya.

Terma rujukan jawatankuasa tersebut adalah seperti yang berikut:

- (i) urusan jual beli iaitu semakan ke atas proses mendapatkan persetujuan dan kelulusan, penetapan harga serta penelitian ke atas urusan nilai tanah dan dokumen perjanjian jual beli;
- (ii) kelulusan teknikal iaitu semakan ke atas proses untuk mendapatkan kelulusan Perintah Pembangunan, Pelan Bangunan Densiti dan Kebenaran Mendirikan Bangunan; dan,
- (iii) pematuhan peraturan semasa, penelitian ke atas peraturan, dasar dan garis panduan yang telah dikuatkuasakan.

Jawatankuasa telah pun selesai membuat semakan semula ke atas 97 transaksi penjualan tanah DBKL pada November 2018. Maknanya daripada Julai sampai November di mana status semasa adalah seperti berikut:

- (i) 14 transaksi telah dibatalkan secara *mutual agreement* antara pihak DBKL dan syarikat;
- (ii) 81 transaksi diteruskan. Walau bagaimanapun, terdapat satu daripada transaksi berkenaan di mana pihak ketiga telah membawa transaksi tersebut ke mahkamah. Bukan pihak pemaju berkenaan, bukan DBKL tetapi pihak ketiga;
- (iii) dua transaksi gagal mencapai persetujuan yang mana satu transaksi di peringkat mediasi di Mahkamah Tinggi ekoran pemaju tidak berpuas hati dengan pembatalan projek; dan,

- (iv) satu transaksi lagi masih menunggu tindakan maklum balas daripada pihak syarikat yang berkemungkinan akan mengambil tindakan mahkamah ekoran pihak DBKL memutuskan untuk tidak meneruskan transaksi berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam masa yang sama, 64 transaksi daripada 97 transaksi tersebut telah berada dalam siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia mulai dari Jun 2018. Pada 7 Ogos 2018, pihak SPRM memaklumkan hasil siasatan kepada DBKL bahawa kesemua 64 transaksi penjualan tanah berkenaan telah mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh DBKL dan semua transaksi tersebut boleh diteruskan. Itu pandangan SPRM. Namun walaupun SPRM kata sudah *clear*, pihak jawatankuasa terus diarahkan untuk melakukan siasatan seperti mana *terms of reference* yang telah diberikan. Terima kasih.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan yang telah diberikan. Kita memberi sokongan terhadap sebarang pendedahan salah laku yang berlaku supaya ia diadili sebaiknya oleh mahkamah yang adil dan bukannya di dalam media sosial. Saya difahamkan bahawa tanah-tanah ini sebahagiannya bukan milik DBKL tetapi milik PTG Wilayah Persekutuan dan waktu Menteri yang dahulu, beliau telah pulangkan kuasa pemberian tanah kepada Jabatan Perdana Menteri yang dipengerusikan oleh KSN. Mohon penjelasan.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Betul. Ada sebahagiannya memang milik daripada PTG dan ia telah ada yang mana yang telah diberikan secara apa yang dikatakan pemberimilikan, secara pemberimilikan di mana tanah itu hanya dibayar premium ke atasnya.

■1110

Akan tetapi ia turut melibatkan DBKL oleh sebab selepas itu bila hendak lakukan pembangunan, maka permohonan bagi pembangunan itu terpaksa diserahkan kepada DBKL untuk diluluskan.

Tanah-tanah ini ada yang mana diberikan pemberimilikan itu dan pembayaran premium adalah jauh lebih rendah daripada harga tanah di pasaran. Ini adalah kerana mereka disyaratkan untuk melakukan pembangunan-pembangunan yang tertentu dengan densiti dan *plot ratio* yang tertentu. Oleh sebab itu, ia difaktorkan dalam pengiraan nilai tanah itu termasuklah juga sekiranya ada masalah berhubung dengan setinggan dan sebagainya. Maka akhirnya, kesemuanya terpaksa ditangani oleh DBKL

yang mana oleh itu persoalan rundingan bersama dengan pemaju dilakukan dengan syarat mereka tambahkan harga nilai tanah ataupun perintah pembangunan itu tidak akan dikeluarkan. Terima kasih.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri menyebutkan dari 97 kes, 64 disiasat oleh SPRM dan telah selesai. Ada 33 lagi kes ataupun 33 lagi transaksi tanah yang belum lagi disiasat. Adakah Yang Berhormat Menteri mengarahkan SPRM, meminta SPRM untuk menyiasat?

Kedua, kita faham banyak daripada isu ini berkait dengan kegagalan pihak Yang Berhormat Menteri Wilayah sebelum ini untukewartakan Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020. Memandangkan kita akanewartakan Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2040 pada tahun hadapan, adakah kita mempunyai satu *stopgap measure* untuk memastikan transaksi-transaksi yang mencurigakan, yang dikhuatiri umum ataupun disyaki bermasalah boleh ditahan dahulu sebelum diberikan sebarang DO, sebelum ataupun sehingga diwartakan Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2040? Terima kasih.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Oleh sebab hendak mengawal dan menentukan bahawa tidak ada lagi kes-kes penjualan tanah dengan harga-harga yang tidak munasabah atas janji akan diberikan densiti yang tinggi ataupun *plot ratio* yang tinggi, maka saya telah membuat keputusan untukewartakan Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 pada hujung tahun 2018. Walaupun ada berbeza pandangan, tetapi ini akan menjamin bahawa tanah-tanah yang belum lagi disentuh tidak dapat dijual ataupun tidak dapat dilalukan sesuka hati.

Bagi kes-kes yang 97 di mana sebahagiannya tidak dilaporkan kepada SPRM dan tidak disiasat oleh SPRM, maka jawatankuasa itu telah membuat siasatan sendiri dan yang mana yang kita rasa perlu disiasat daripada 33 kes yang tidak masuk dalam 64 itu, kita akan bawa kepada SPRM. Akan tetapi secara amnya, apa yang kita telah dapati, kebanyakan daripadanya boleh diterima secara prinsip. Akan tetapi yang mana yang tidak boleh, kita runding dan kita cari penyelesaian di antara DBKL dan pihak pemaju. Itu dianggap sebagai pendekatan yang lebih praktikal dan lebih pragmatik. Terima kasih.

7. Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta Menteri Pengangkutan menyatakan status permohonan mesyuarat membabitkan tiga pihak iaitu Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri Kedah dan Kementerian berhubung pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (KXP). Apakah perkembangan terkini membabitkan cadangan pembinaan KXP dan juga dua proposal lapangan terbang baru yang telah dibentangkan kepada Pejabat Perdana Menteri pada awal tahun ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Kamarudin Jaffar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Tanjong. *Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian Pengangkutan yang telah dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian pada 24 Februari tahun 2019 telah memutuskan supaya kertas cadangan pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (KXP) dibentangkan oleh Kerajaan Negeri Kedah kepada Majlis Perancangan Fizikal Negara (MPFN) yang akan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk pertimbangan Kerajaan Pusat. MPFN akan meneliti cadangan pembinaan KXP ini dan akan mengemukakan nasihat berkaitan seperti mana yang dikehendaki di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2017. Kementerian Pengangkutan seterusnya akan mempertimbangkan permohonan pembinaan KXP setelah mengambil kira nasihat daripada MPFN tersebut.

Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri ke-133 yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 26 Februari 2019 seterusnya telah bersetuju supaya Kementerian Pengangkutan mengadakan perbincangan bersama dengan Kerajaan Negeri Kedah dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhubung cadangan pembangunan KXP ini. Mesyuarat membabitkan tiga pihak iaitu Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri Kedah dan Kementerian Pengangkutan berhubung pembinaan telah diadakan di Kementerian Pengangkutan pada 28 Mei 2019. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan. Mesyuarat ini telah membincangkan cadangan pembinaan KXP untuk makluman lanjut kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Berhubung cadangan pembinaan lapangan terbang baharu di Pulau Pinang seperti yang telah disiarkan di akhbar *The Star* pada 10 Jun 2019 yang lalu, Kementerian Pengangkutan tidak pernah dimaklumkan mengenai cadangan-cadangan ini dan tidak pernah dilibatkan dalam sebarang perbincangan mengenainya. Kementerian juga tidak pernah menerima sebarang kertas cadangan berkaitan dengannya. Terima kasih.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, adakah cadangan ini akan melambatkan projek naik taraf *Penang International Airport*? Bilakah ia dijangka mula dilaksanakan di tapak? Sekian.

Dato' Kamarudin Jaffar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tanjong. Setakat yang kami maklum, projek pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang sedang berjalan dan ia adalah di bawah pengurusan MAHB (*Malaysia Airports Holdings Berhad*). Jadi, cadangan-cadangan yang ditanya dalam soalan asal tadi tidak menjejaskan perancangan untuk Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang yang sedang dalam proses perancangan untuk dibesarkan. Terima kasih.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bangkitkan soalan berkenaan dengan KXP dalam negeri Kedah ini yang telah dicadangkan oleh Menteri Besar Kerajaan Negeri Kedah. Adakah KXP ini telah dimasukkan ke dalam butiran *Economic Planning Unit*? Ini perkara penting, sebab apa? Walaupun kita difahamkan peruntukkan ini mungkin daripada luar, tidak melibatkan wang kerajaan, tetapi ia mesti ada butiran yang diluluskan di mana boleh pihak negeri Kedah memohon sedikit geran atau sebagainya untuk projek KXP ini. Di sini juga terlibat *value management lab* yang keseluruhan kos lapangan terbang ini. Adakah ini semua telah dilakukan oleh pihak kerajaan terutamanya pihak *Economic Planning Unit*, kalau sudah ada butirannya? Sekian, terima kasih.

Dato' Kamarudin Jaffar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Pendang. Sebagaimana yang kita ikuti daripada ulasan-ulasan beberapa bulan yang lalu daripada pelbagai pihak dan kementerian, daripada laporan berkenaan dengan cadangan itu sendiri dalam media massa, adalah jelas sebagaimana Yang Berhormat Pendang juga bayangkan tadi, ia jika dicadangkan dan jika dilaksanakan adalah dengan pembiayaan swasta yang sepenuhnya. Jadi oleh sebab itu, maka implikasi kewangan kepada Kerajaan Pusat atau negeri tidak berbangkit dalam hal ini. Ini sama ada ia telah pun dimasukkan dalam perancangan oleh Unit Pembangunan Ekonomi Negara (EPU), ia saya fikir tertakluk kepada keputusan yang akan dibuat apabila ia dibentangkan kepada Majlis Perancangan Fizikal Negara nanti. Terima kasih.

8. Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong] minta Menteri Industri Utama menyatakan pendirian kerajaan dalam penerapan pensijilan *Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO)* yang akan diwajibkan pelaksanaannya Disember ini, dan bagaimana falsafah tersebut dapat memberi kebaikan dari aspek ekonomi kepada pekebun-pekebun kecil yang semakin terkesan dengan penurunan harga minyak sawit.

Menteri Industri Utama [Puan Teresa Kok Suh Sim]: Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Salam Sayangi Sawitku. Izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Parit pada 1 Julai, Yang Berhormat Jelebu pada 4 Julai, Yang Berhormat Padang Terap dan Yang Berhormat Kemaman pada 10 Julai yang juga menyentuh mengenai pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO); dari aspek bentuk bantuan pekebun kecil; statistik terkini; pencapaian dan peranan MSPO terhadap tohmahan Kesatuan Eropah (EU).

■1120

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan tetap dengan pendirian untuk terus melaksanakan pensijilan MSPO bagi industri sawit negara dan memandatorikannya bermula 1 Januari 2020. Ini selaras dengan kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa ucapan beliau dalam Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pada 29 September 2018 iaitu Malaysia akan pastikan semua minyak sawitnya mematuhi standard MSPO menjelang 2020. Pelaksanaan MSPO ini merupakan langkah utama kerajaan ke arah mewujudkan sistem kemampanan bagi menjenamakan minyak sawit Malaysia di peringkat antarabangsa.

Usaha juga dilakukan untuk memastikan penerimaan dan pengiktirafan pensijilan MSPO secara global. Kerajaan yakin daripada segi ekonomi, MSPO akan membuka akses pasaran yang lebih luas untuk pasaran minyak sawit mampan Malaysia di negara-negara pengimport. Ini kerana kebanyakan negara-negara pengimport di dunia pada masa ini amat mementingkan aspek kemampanan dalam proses pengeluaran produk.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian melalui agensi seperti Lembaga Minyak Malaysia (MPOB) dan Majlis Pensijilan Minyak Sawit Malaysia (MPOCC) sedang menyediakan latihan secara percuma kepada mereka bagi memahami dan mematuhi keperluan piawaian pensijilan. Selain itu, pegawai tunas MPOB juga bersedia memberi khidmat nasihat teknikal mengenai amalan pertanian baik kepada para pekebun kecil. Program Jelajah MSPO ke seluruh negara telah diadakan sebagai usaha turun padang

bagi memberi penerangan dan bantuan teknikal kepada para pekebun kecil ke arah pensijilan.

Untuk makluman, kerajaan telah menyediakan dana tambahan RM100 juta bagi membantu pekebun kecil tersusun dan semua pekebun di bawah 1,000 hektar untuk mendapatkan pensijilan MSPO yang merangkumi kos yuran pensijilan, pembelian peralatan perlindungan diri (PPE) dan pembinaan rak bahan kimia. Selain itu, kerajaan juga turut menanggung kos latihan dan taklimat yang diberikan kepada pekebun kecil sawit di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga Mei tahun ini, status pensijilan hanya mencapai 36 peratus. Statistik juga menunjukkan 104,354 pekebun kecil telah mendapat pensijilan MSPO. Kerajaan yakin usaha pensijilan MSPO ini akan dapat menjawab tohmahan yang dilemparkan pihak EU ke atas industri sawit negara. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, eksport minyak sawit dan produk berasaskan sawit ke Negara Kesatuan Eropah telah meningkat 3.3 peratus daripada 971,670 tan dalam tempoh Januari ke Mac pada tahun lepas kepada 1,004,140 tan dalam tempoh Januari hingga Mac pada tahun ini.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat ada memaklumkan bahawa setakat hari ini terdapat 36 peratus sahaja daripada kawasan tanaman kelapa sawit yang telah mendapat pensijilan MSPO. Akan tetapi kerajaan telah berjanji menjelang hujung tahun ini, 100 peratus kawasan tanaman sawit ini akan disijilkan dengan MSPO.

Justeru soalan tambahan saya adalah, bagaimana kementerian yakin yang sasaran ini realistik memandangkan sekarang ini dah hujung bulan enam, dah lebih setengah tahun, dah berlalu dah. Adakah kerajaan bercadang untuk mengkaji semula sasaran ini dan mengemukakan satu naratif baru kepada pembeli-pembeli strategik terutamanya daripada Kesatuan Eropah, India dan juga China? Sejauh mana pensijilan ini pula nanti mampu untuk meningkatkan harga sawit ini menjadikan komuniti ini lebih kompetitif terutama di peringkat antarabangsa? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan kedua, Yang Berhormat Libaran. Silakan.

Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Jawab ini dululah, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Oh belum lagi? Silakan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ya, ya.

Tuan Yang di-Pertua: Maafkan saya.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Satu soalan yang memang saya rasa yang patut dijawab di Dewan yang mulia ini. Sebenarnya, sasaran yang 100 peratus pensijilan MSPO untuk kesemua tanaman sawit negara ini ditetapkan oleh Barisan Nasional sebelum kita mengambil alih. Jadi saya ikut lagu ini sampai tahun ini kerana kita mesti tunjuk kepada dunia... *[Disampuk]*

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Itu Yang Berhormat dalam jawapan kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada mengumumkan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Yalah, memang... *[Disampuk]*

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat jawab sahajalah. Sekarang ini baru 36 peratus, dah nak hujung tahun dah ini. Cuba cerita naratif baru oleh pihak kerajaan sekarang.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ini adalah janji... *[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Biar Yang Berhormat Menteri menjawab. Silakan Yang Berhormat Menteri, silakan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah janji Malaysia kepada dunia. Apa yang saya katakan bukan salah atau betul. Yang Berhormat, dengar betul-betul. Ini adalah janji Malaysia kepada dunia, itu sebab sampai sekarang kementerian saya dan juga pihak saya masih ikut janji Malaysia kepada dunia, 100 peratus pensijilan MSPO pada akhir tahun ini. Itu sebab saya turun padang sendiri, saya begitu tekun untuk cuba mencapai *target* ini. Saya rasa ini bukan masa yang mana yang bila harga minyak sawit kita menghadapi pelbagai cabaran dan juga persaingan dengan negara jiran, waktu sekarang kita tukar *target*. Tidak boleh, kita mesti tunjukkan kita ini sangat serius dan saya sebenarnya Yang Berhormat Parit Sulong ini datang dari Johor, Johor sampai sekarang hanya 34 peratus daripada jumlah tanah penanaman sawit, dipersijilkan. Saya nak mohon Yang Berhormat tolonglah kerjasama minta penanam-penanam sawit di Johor capaikan *target* ini.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *[Bangun]*

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya juga minta Yang Berhormat Arau dari Perlis. Perlis ada... *[Disampuk]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya minta bilakah nak bagi tahu dunia tentang penanaman buluh?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduklah. Sila duduk.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Eh! Jangan. Eh! *please*. Yang Berhormat Arau. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Arau. Di negeri Perlis ada 681 hektar tanah penanaman sawit, sampai sekarang kosong, tahu? Peratusan kosong dipersijilkan di bawah MSPO.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat punya kementerian tak turun padang betul-betul.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kami nak cadang tanam buluh.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Jadi Yang Berhormat perlu tolong. Yang Berhormat Parit Sulong juga perlu tolong.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Pilih selektif sahaja, Timbalan Menteri fokus Melaka sahaja. Pergilah negeri-negeri lain.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sebab kami cadang nak tanam buluh.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Ini Malaysia besar, bukan hanya Kuala Lumpur dengan Melaka sahaja. Bukan. Pergi, turun bawah. Turun bawah.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Pada minggu lepas, saya pergi ke Johor Bahru.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Berjumpa. Terangkan kenapa keperluan ini ada.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Memang, sudah dan tengah dibuat. Pada minggu lepas sahaja, saya pergi Johor Bahru, saya pergi Bintulu. Masuk kampung, terang kepada pekebun kecil. Saya hanya nak minta Yang Berhormat di sebelah sana...
[Disampuk]

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Bintulu dekat pasar sahajalah, mana ada dia masuk ladang.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya hanya nak minta Yang Berhormat macam Arau, Yang Berhormat Parit Sulong tolonglah bagi kerjasama kerana ini apa yang sasaran kita nak capai adalah sasaran untuk Malaysia kepada kesemua, kepada industri sawit negara. Jadi, sampai sekarang saya rasa kita perlu ikut naratif. Tidak patut bagi kita untuk tukar *dateline* yang kita tetapkan itu dan saya mohon kesemua Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini tolonglah bagi kerjasama, beri keterangan kepada para penanam sawit dan saya rasa dengan kerjasama seperti ini, kita akan capai 100 peratus pada akhir tahun ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Libaran, silakan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kami sokong Yang Berhormat, tetapi bilakah kita nak tanam buluh? Itu sahaja.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]: Soalan tambahan, Libaran, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan, Yang Berhormat Libaran.

Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]: Terima kasih. Sabah juga satu daripada negeri pengeluar sawit yang terbanyak. Hari ini, saya ingin mencadangkan beberapa cadangan. Soalan tambahan, apakah usaha kerajaan bagi membantu para pekebun kecil yang gagal untuk mendapatkan Sijil Minyak Sawit Mampan Malaysia atau MSPO menjelang 1 Januari 2020 memandangkan hasil mereka berkemungkinan tidak dapat dipasarkan. Sejauh manakah juga penghasilan minyak sawit mampan Malaysia (MSPO) ini mampu untuk meningkatkan harga sawit sekali gus juga merupakan menjana pendapatan lebih tinggi bagi pekebun kecil di seluruh negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1130

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Yang Berhormat. Kita tahu yang sekarang dunia ini *trendnya* adalah *sustainability*. Apa-apa barangan *consumer* yang dikeluarkan adalah mereka suka letak, ada label *sustainability* dan juga *traceability*. Jadi, untuk makluman Yang Berhormat dari Sabah ini, saya hendak juga beritahu di Sabah hanya 34 peratus daripada jumlah kawasan penanaman sawit di pensijilkan di bawah MSCO sebagai...

Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]: Libaran, Libaran.

Puan Teresa Kok Suh Sim: ...sehingga hari ini. Jadi, ini saya juga minta Yang Berhormat tolong. Saya rasa yang sekarang memang harga minyak sawit rendah tetapi ini tidak bermaksud pada bulan depan ataupun tahun depan ia akan masih rendah. Jadi, bila kita hendak capai pasaran yang lebih besar, lebih banyak, khususnya Kesatuan Eropah dan malah di negara-negara lain, kita harus serius dari segi pensijilan ini. Sebenarnya bagi kementerian saya, bagi pekebun kecil walaupun mereka sampai hari ini mungkin tidak dapat pensijilan MSCO, selagi mereka mendaftar di bawah *Sustainable Palm Oil Cluster (SPOC)* ini, jadi kita akan pastikan *we are going to be hand holding* dengan mereka untuk memastikan mereka mendapat harga yang lumayan bila mereka hantar minyak sawit mereka ke kilang sawit. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Boleh tambah.

Tuan Yang di-Pertua: Sesi soal jawab kita mula hari ini pada pukul 10.15 pagi, jadi saya tambah 15 minit lagi.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Tambah lagi satu.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Okey, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Dato'Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: *Bismilaahir Rahmaanir Rahiim*, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*Rumah terbuka kita jalan-jalan,
Bertemu dengan rakan taulan,
Kisah politik tetap menjadi bualan.*

*Tuan Yang di-Pertua, sudah lama jadi bualan,
Kereta terbang jadi harapan,
Tidak salah memasang impian,
Soalan saya nombor sembilan.*

9. Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta Menteri Belia Dan Sukan menyatakan adakah kementerian menggunakan khidmat Legenda Badminton Negara, Datuk Lee Chong Wei bagi melahirkan lebih ramai pemain badminton berprestasi tinggi.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan Lee Chong Wei mana ada ...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasin Salak]: AP, AP dapat tambah tidak?

Menteri Belia dan Sukan [Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman]: Soalan lain. *[Ketawa]* Terima kasih Yang Berhormat Tanah Merah, saya dimaklumkan Yang Berhormat Tanah Merah ini peminat tegar badminton, sebab itu persoalannya berkait rapat dengan landskap badminton negara. Untuk maklumat Yang Berhormat, seperti yang kita semua maklum, pada 13 Jun 2019 kita telah pun kehilangan sebuah permata yang menyinari landskap badminton negara iaitu Datuk Lee Chong Wei. Rentetan daripada pengumuman tersebut, kementerian selepas berbincang dan berdialog bersama dengan Majlis Olimpik Malaysia telah pun bersetuju untuk melantik

Datuk Lee Chong Wei sebagai *Chef-de-Mission* bagi Temasya Sukan Olimpik Tokyo 2020. Walaupun beliau tidak akan hadir sebagai seorang atlet yang akan menyumbang bakti kepada negara tetapi sebagai *Chef-de-Mission (CDM)* saya agak yakin bahawa aura beliau, nasihat beliau dan bimbingan beliau bakal memberikan sumber inspirasi kepada atlet-atlet muda yang lain untuk terus berkhidmat bakti kepada negara tercinta dan akhirnya *insya-Allah* akan menyumbangkan pingat emas yang pertama bagi Malaysia dalam Sukan Olimpik.

Pada masa yang sama, kita juga akan memastikan bahawa Datuk Lee Chong Wei akan terus bersama dengan Persatuan Badminton (BAM) di bawah kelolaan Datuk Seri Mohamad Norza untuk terus adakan sesi *sparring* bersama dengan atlet-atlet muda. Kementerian juga telah pun dimaklumkan bahawa Datuk Lee Chong Wei turut berniat dalam satu kolaborasi untuk membina satu Akademi Datuk Lee Chong Wei di negeri Kedah. Saya dimaklumkan sebelum ini sepatutnya di negeri Johor tetapi saya rasa MB Kedah ini dia sudah tarik dia ke Kedah, Johor kehilangan di sinilah, mungkin saya hendak jumpa Datuk Lee Chong Wei suruh dia pergi balik ke Johor *kot*. Pada masa yang sama, dalam perbincangan yang lain untuk memastikan bahawa khidmat bakti beliau dapat dipanjangkan, saya dimaklumkan sekarang ini Datuk Lee Chong Wei akan mengambil masa sedikit untuk bercuti kerana apabila kita adakan sesi pertemuan yang lepas, dimaklumkan sampai ke hari ini walaupun sudah berkahwin saya rasa tujuh ke lapan tahun, beliau tidak berkesempatan lagi pergi *honeymoon* bersama dengan isteri beliau.

So let's give him some time, dengan izin, sebelum kita masuk ke sesi rundingan, seterusnya untuk mencari bagaimana kita boleh menggunakan bakat Datuk Lee Chong Wei terus berkhidmat bakti kepada negara cinta dalam mengangkat dan memartabatkan sukan badminton di negara kita. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang diberi. Difahami dari segi kejurulatihan, kita tidak ada masalah tetapi apa yang menjadi masalah ialah pemain-pemain negara tidak mempunyai ketahanan mental. Keadaan itu menyebabkan mereka tewas apabila bertarung dengan pemain-pemain negara lain. Saya berpendapatlah kalau perkara ini tidak kita atasi, kita akan terus gagal melahirkan jaguh seperti Datuk Lee Chong Wei. Jadi, adakah kementerian menyedari perkara ini dan apakah usaha yang dilakukan bagi mengatasinya? Terima kasih.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Tanah Merah. Isu kekuatan mental memang merupakan isu yang sangat mustahak, khususnya apabila kita sudah masuk ke *game set* yang terakhir, situasi agak getir, kadangkala dari segi fizikalnya, kekuatannya sama tetapi kekuatan mental akhirnya akan menentukan kemenangan atau kekalahan tersebut. Oleh sebab itu, di bawah Majlis Sukan Negara sebelum kita pergi ke mana-mana temasya sukan yang besar, kita ada *Preparatory Camp* di mana ada banyak kursus motivasi, kem bina diri untuk pastikan isu kekuatan mental itu dapat ditekankan lagi. Pada masa yang sama, dengan bantuan ISN yang ada *sport science knowledge* yang tersendiri dalam bab ini juga diberikan penekanan yang khusus untuk memastikan bahawa isu kekuatan mental diambil kira dengan begitu serius. Akan tetapi itu sebelum temasya sukan tersebut.

Pada masa yang sama, atlet-atlet muda yang terbaik, ada masa depan yang sangat baik akan diserapkan ke dalam Program PODIUM. Dalam Program PODIUM itu tersendiri sudah ada kursus-kursus yang tersendiri setiap tahun untuk memastikan bahawa mereka bersedia untuk berentap *in high pressured sports and moments* untuk memastikan bahawa situasi seperti ini dapat dikendalikan dengan baik apabila mereka mewakili negara di persada dunia. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan kedua.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Paya Besar.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Paya Besar.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin dapat penjelasan atau perkembangan terkini berkaitan dana untuk Persatuan Badminton Malaysia. Apakah status? Adakah telah disalurkan sebanyak RM16 juta? Perkara yang kedua, bagaimana prestasi bangunan Akademi Badminton Malaysia? Adakah dilaksanakan, digunakan dan bagaimana prestasi ini akan menentukan masa depan atlet-atlet badminton negara? Terima kasih.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman: Yang Berhormat, berkenaan bangunan Akademi Badminton Malaysia di Bukit Kiara, ia sedang dimanfaatkan, digunakan untuk latihan-latihan bagi Skuad Badminton Negara. Cuma yang belum dimanfaatkan sepenuhnya adalah bahagian *dormitory* yang masih belum dimanfaatkan kerana kebanyakan anak-anak di sana terpaksa belajar di luar dan akhirnya datang semula untuk sesi *training* pada sebelah petang. Oleh sebab itu, selepas kita menandatangani satu perjanjian bersama dengan *Region International* untuk membawa

pendidikan peringkat antarabangsa di akademi di Gambang, kita hendak lakukan perkara yang sama juga di Bukit Kiara supaya akhirnya mereka boleh ditempatkan di sana, dapat pendidikan yang terbaik di sana dan juga dilatih di sana. Pada masa yang sama, kita dalam rundingan di antara Perbadanan Stadium Malaysia untuk adakan satu perjanjian bersama dengan Persatuan Badminton Malaysia supaya akhirnya bangunan Akademi Badminton Malaysia itu dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh pihak persatuan.

Dari segi pendanaan, rundingan ada dan sejumlah daripada dana tersebut telah disalurkan. Akan tetapi saya dimaklumkan sebelum ini ada perjanjian yang jauh lebih besar dan dana yang belum disalurkan tetapi jalan tengah adalah untuk memastikan bahawa fasiliti ataupun Akademi Badminton Malaysia itu, kadar sewaanannya itu dapat dikurangkan sepenuh mungkin supaya akhirnya dapat dimanfaatkan oleh atlet-atlet muda kita. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Rantau Panjang.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: BAM punya dana kah itu?

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman: Itu tadi saya sudah jawab, sama.

Tuan Yang di-Pertua: Ya silakan.

10. Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan statistik bilangan pekerja yang diberhentikan kerja bagi tempoh Mei 2018 sehingga Mei 2019 mengikut pecahan sektor awam dan swasta.

Menteri Sumber Manusia [Tuan M. Kulasegaran]: Terima kasih. Mengikut rekod Jabatan Tenaga Kerja (JTK) seramai 33,402 orang pekerja diberhentikan kerja dalam sektor swasta dari tempoh Mei 2018 hingga Mei 2019. Dari itu melibatkan seramai 25,810 orang pekerja diberhentikan secara pemberhentian biasa dan 7,119 pekerja diberhentikan melalui Pemberhentian Secara Sukarela (*Voluntary Separation Scheme*). Di samping itu, pegawai awam lantikan kontrak yang telah ditamatkan perkhidmatan dalam tempoh Mei 2018 sehingga Mei 2019 adalah seramai 1,691 orang daripada jumlah keseluruhannya seramai 14,689 orang pegawai awam lantikan kontrak.

■1140

Sehingga kini, tidak terdapat perubahan pada data kerana pelaksanaan urusan penempatan telah pun berakhir.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan pemberhentian kerja swasta dilaksanakan berpunca dari beberapa isu seperti berikut:

- (i) ketidakstabilan pasaran ekonomi global;
- (ii) ketidakstabilan permintaan terhadap barangan dan perkhidmatan;
- (iii) keengganan atau tidak menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi dalam kehidupan mereka; dan,
- (iv) penutupan perniagaan sepenuhnya, sebahagian, pengecualian tenaga kerja.

Perbandingan mengikut sektor menunjukkan pemberhentian pekerja tertinggi berlaku dalam sektor pembuatan bagi tempoh Mei 2018 sehingga Mei 2019 iaitu sebanyak 13,619 orang, 41.4 peratus pekerja terlibat. Ini diikuti sektor aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan iaitu sebanyak 6,447 iaitu 19.6 peratus manakala pekerja terlibat dalam sektor maklumat dan komunikasi sebanyak 2,138 iaitu 6.5 peratus pekerja terlibat. Terima kasih.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Daripada statistik yang telah diberi jawapan oleh Menteri, kita melihat betapa ramai pekerja kita yang sedang mengalami kesusahan kerana kehilangan sumber pekerjaan. Jadi saya ingin tahu, apakah program yang telah dibuat oleh kerajaan untuk memastikan semua mereka diberhentikan sama ada sektor awam atau swasta mendapat tempat yang selayaknya? Juga janji PRU14 untuk menyediakan satu juta peluang pekerjaan untuk rakyat, jadi, di mana janji ini? Berapa peratus yang telah dicapai dan apakah usaha untuk memastikan kerajaan mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing? Bagaimanakah cadangan terbaru untuk membawa pekerja asing daripada Afrika yang ditarik balik? Minta penjelasan.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih. Nombor satu, Tuan Yang di-Pertua. Kita perlu faham bahawa ramai di antara anak-anak kita ini tidak ingin bekerja di perladangan. Ini menjadi satu masalah yang serius. Kita ada kekurangan pekerjaan yang tenat hingga hampir 50 ribu. Berbulan-bulan dan bertahun sudah, tidak ada pekerja dalaman negara yang ingin bekerja di sana dan ramai di antara pemilik ladang membuat laporan, perlukan pekerja dari luar negara. Itu satu.

Kedua, ada banyak usaha yang dibuat oleh kerajaan. Antaranya untuk menarik anak-anak kita untuk bekerja. Antaranya, kalau berdaftar dengan JobsMalaysia, menunjukkan bahawa angka pendaftaran ada lebih banyak kerja yang diberikan oleh swasta tetapi pengambilannya sangat kurang. Itu kita perlu faham.

Mengenai janji yang kita buat di manifesto, itu semua akan ditunaikan. Kita telah di tahap yang sangat bagus pada ketika ini dan saya rasa angka ini tidak ada kemusykilan. *Green job* sahaja akan memberi kerja lebih kurang 250 ribu orang. Terima kasih.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Soalan tambahan.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]: Maran, Maran.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: [*Tidak jelas*]

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan, ya. Dipersilakan Yang Berhormat Hulu Langat.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri. Mengikut kajian Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA) mendapati terdapat lima sebab utama pekerja dibuang di bawah seksyen 20 Akta Perhubungan Perusahaan 1967 ini iaitu:

- (i) 30 peratus dibuang kerana berlakunya pelarasan disebabkan lebihan pekerja;
- (ii) 26 peratus disebabkan etika dan disiplin;
- (iii) 14 peratus penamatan tanpa sebab. Habis kontrak, tidak disambung;
- (iv) enam peratus disebabkan pemecatan konstruktif tekanan daripada majikan sehingga pekerja terpaksa letak jawatan; dan,
- (v) paksaan untuk letak jawatan, empat peratus.

Soalan saya, adakah kementerian bercadang untuk menambah baik untuk melakukan pemindaan seksyen 20 Akta Perhubungan Perusahaan 1967 ini dengan tujuan supaya majikan akan melakukan prosedur pemecatan dapatan lebih wajar lagi daripada apa yang berlaku? Terima kasih.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih kepada soalan tersebut. Tuan Yang di-Pertua, keadaan sekarang kita ada seksyen 20. Ia memberi ruangan kepada pihak-pihak yang telah disingkirkan kerja untuk merujuk kepada pihak-pihak, kepada kementerian atau *industrialization office* supaya ia dirujuk kepada Mahkamah Perusahaan.

Mengenai, apakah sebab-sebab mereka kejam dan sebagainya, itu satu keputusan yang akan dibuat oleh mahkamah. Ini adalah *common law procedure*. Maka, untuk mengubahsuaikan ini adalah sangat susah kerana ia akan melibatkan pihak kerajaan membawa satu dasar berkaitan dengan pekerja dan majikan. Saya rasa itu

adalah terpulang kepada mahkamah, jika ada tekanan. Kalau tidak itu adalah di antara kontrak yang dibuat di antara pekerja dan majikan yang kita perlu ingat dalam hal tersebut. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya akan benarkan satu lagi soalan. Dijemput...

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Maran.

Seorang Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Maran.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]: Maran.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan Yang Berhormat Maran.

Seorang Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Ya, betul itu.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Daripada 33,400 orang pekerja diberhentikan, kalau mengikut peraturan Tuan Yang di-Pertua, pemberhentian pekerja oleh majikan mestilah dilihat pada pekerja asing dahulu. Setelah kita berhentikan pekerja asing, barulah kita ambil tindakan untuk memberhentikan pekerja tempatan. Itu Dasar Buruh Negara. Saya ingin tahu daripada jumlah ini, berapakah jumlah pekerja asing yang diberhentikan dan berapakah jumlah pekerja tempatan sebelum kita mengambil pekerja lain sebagai tambahan kepada negara kita?

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua. Ini bekas Timbalan Menteri. Saya ada bertanya soalan yang sama kepada Timbalan Menteri semasa saya duduk di sebelah sana. Jawapannya sama juga. Kalau ada apa-apa *proof*, tolong kemukakan kepada kerajaan kerana pada setakat ini, tidak ada sedemikian.

Jadi kita tahu – saya baca, sekiranya tempat pekerjaan tersebut bukan menjalankan pemberhentian sepenuhnya dan ada menggajikan pekerja asing dan tempatan dalam satu kategori pekerjaan yang sama, pihak majikan dikehendaki mematuhi dan melaksanakan prinsip *Foreign Workers First Out (FWFO)*. *You are the one* yang memberitahu kepada saya. Maka, tindakan masih dijalankan oleh kementerian dan jika ada sedemikian, kerajaan mestilah mengambil tindakan supaya dapat mengatasi masalah ini. Dasar kerajaan adalah serius kerana kita memberi, *Malaysian first*. Semua pekerja dari negara kita akan diberikan keutamaan. Itu yang pertama. Yang pekerja asing adalah yang kedua atau pilihan yang lain. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dengan itu tamatlah sesi Soal Jawab Lisan.

[Masa Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**RANG UNDANG-UNDANG PERHIMPUNAN AMAN
(PINDAAN) 2019****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Perhimpunan Aman 2012; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Mohd Azis bin Jamman]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua dan ketiga pada mesyuarat yang sama.

**RANG UNDANG-UNDANG PERTUBUHAN BELIA
DAN PEMBANGUNAN BELIA (PINDAAN) 2019****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Belia dan Sukan [Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua dan ketiga pada mesyuarat yang sama.

**RANG UNDANG-UNDANG PERLINDUNGAN PENGGUNA
(PINDAAN) 2019****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Perlindungan Pengguna 1999; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Chong Chieng Jen]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

USUL**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****11.49 pg.**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan usul Menteri di Jabatan Perdana Menteri seperti yang tertera di No. 1 dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini dan selepas itu, Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Selasa, 2 Julai 2019.”

Tuan Yang di-Pertua: Siapa yang menyokong?

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli [Dr. Xavier Jayakumar]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

USUL MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DI BAWAH P.M. 27(3)**PENGISYTIHARAN HARTA SEMUA AHLI DEWAN RAKYAT****■1150**

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“**BAHAWASANYA** berdasarkan prinsip akauntabiliti dan ketelusan, maka Anggota-anggota pentadbiran dan Ahli Parlimen Kerajaan telah mengisytiharkan harta mereka dalam Akuan Berkanun sebagaimana yang terkandung dalam Kod Etika Bagi Anggota-anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen yang telah dipaparkan dalam portal Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);

MAKA DEWAN INI BERSETUJU:-

BAHAWA sesuai dengan prinsip akauntabiliti dan ketelusan, semua Ahli Dewan Rakyat hendaklah mengisytiharkan harta mereka termasuk isteri atau suami, anak dan pemegang amanah dalam Akuan Berkanun

sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat;

BAHAWA Akuan Berkanun tersebut hendaklah dikemukakan kepada Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dalam tempoh tiga bulan dari tarikh usul ini disetujukan dan disalin kepada Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia; dan

BAHAWA senarai nama Ahli Dewan Rakyat yang telah mengisytiharkan harta hendaklah dipaparkan dalam portal Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan hanya butiran pengisytiharan harta Ahli Dewan Rakyat tersebut sahaja yang akan dipaparkan di portal tersebut selama tempoh tiga bulan dari tarikh penerimaan Akuan Berkanun oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia".

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan adalah sangat komited dalam melaksanakan pembaharuan kepada semua institusi utama di negara tercinta kita ini. Antara perkara yang diberi perhatian oleh kerajaan adalah usaha untuk mewujudkan negara yang bebas rasuah. Walaupun kerajaan telah mengambil tindakan untuk mereformasi perkhidmatan kerajaan berkaitan rasuah dan telah memulakan pendakwaan terhadap individu yang disyaki melakukan kesalahan rasuah, namun kerajaan berpendapat bahawa inisiatif kerajaan dalam menangani rasuah masih boleh ditambah baik. Kerajaan juga berpendapat usaha kerajaan perangi rasuah ini bukan sahaja berkaitan dengan tindakan pencegahan dan hukuman, tetapi juga membabitkan isu perspektif rakyat iaitu usaha tersebut mestilah dapat dilihat atau disedari oleh lapisan rakyat dengan izin, *it must not only be done, but it must be seen to be done*.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini berdasarkan prinsip akauntabiliti dan ketelusan dan juga Janji 14 yang terkandung dalam Buku Harapan, maka kerajaan telah mengarahkan supaya semua Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen Kerajaan untuk mengisytiharkan harta sebagaimana yang ditetapkan dalam Kod Etika Bagi Anggota-anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen. Senarai nama serta butiran harta Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen tersebut telah dipaparkan dalam portal Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Sukacita Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa sehingga hari ini semua Anggota Pentadbiran telah mengisytiharkan harta mereka. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa pengisytiharan harta ini telah pun dilaksanakan oleh pihak kerajaan, maka sudah sampai masa untuk semua Ahli Parlimen, khususnya Ahli Dewan Rakyat termasuk yang bukan kerajaan untuk membuat pengisytiharan harta. *[Tepuk]* Usul ini akan terpakai kepada semua Ahli Dewan Rakyat,

suami atau isteri, anak yang hanya berumur 21 tahun ke bawah dan semua pemegang amanah yang berkaitan. Usul ini diluluskan akan membolehkan semua Ahli Dewan Rakyat mengisytiharkan harta mereka dalam tempoh tiga bulan iaitu sehingga 1 Oktober 2019 dengan mengisi borang Akuan Berkanun yang ditetapkan oleh Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

Akuan Berkanun tersebut kelak akan mempunyai tiga borang masing-masing berkaitan pengisytiharan harta, pengisytiharan harta tambahan dan pelupusan harta. Kesemua Akuan Berkanun ini perlu diakui sumpah sebagaimana yang ditetapkan dalam Akta Akuan Berkanun 1960, Akta 783. Dalam konteks ini, harta yang dinyatakan dalam Akuan Berkanun adalah pendapatan bulanan dan semua harta alih dan tidak alih dalam dan di luar negara. Akuan Berkanun ini kelak perlu dihantar kepada Tuan Yang di-Pertua dan disalin kepada Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Pihak SPRM seterusnya akan memuat naik senarai nama dan butiran harta Ahli Dewan Rakyat untuk tempoh tiga bulan daripada tarikh SPRM menerima Akuan Berkanun tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mengambil maklum bahawa setakat ini tiada undang-undang yang mewajibkan Ahli Parlimen untuk mengisytiharkan harta. Atas faktor ini maka kerajaan berpendirian bahawa usul yang dikemukakan ini adalah satu cara yang paling baik dalam menguatkuasakan tindakan mewajibkan Ahli Parlimen untuk mengisytiharkan harta. Memandangkan usul ini merupakan suatu ketetapan Dewan yang akan mengikat semua Ahli Dewan Rakyat, maka sekiranya terdapat ketidakpatuhan kepada arahan tersebut, Yang Berhormat berkenaan bolehlah dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan di bawah Peraturan Mesyuarat 80, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat kerana melanggar hak dan keistimewaan Majlis.

Seterusnya, jika terdapat Ahli Dewan ini yang membuat akuan yang tidak benar, maka Ahli tersebut adalah tertakluk kepada seksyen 3, Akta 783 dan seksyen 199, Kanun Keseksaan. Jika sabit kesalahan, Ahli tersebut boleh dikenakan hukuman di bawah Seksyen 193 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara maksimum tiga tahun dan denda.

Akhir sekali, kerajaan berharap agar semua Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini dapat memberi sokongan kepada usul yang dikemukakan bagi mencerminkan imej baharu Malaysia yang berakauntabiliti, telus dan bebas rasuah. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada penyokong?

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli [Dr. Xavier Jayakumar]: Tuan Yang di-Pertua, saya sokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ialah usul Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk di bahas. Saya telah menerima senarai yang agak panjang dari pihak Yang Berhormat di sebelah kanan ada 18 nama, di sebelah kiri ada lapan nama. Jadi, saya cadangkan kita bermula di sebelah kiri dahulu dan Ahli yang pertama akan diberi masa 20 minit, seperti biasa. Sebelah kiri dan sebelah kanan 20 minit. Ahli-ahli yang lain, saya kira elok diberikan di antara 10 hingga 15 minit.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Saya akan berikan kesempatan yang seluas-luasnya untuk di bahas. Ya?

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya? Tidak ada? Saya masukkan dalam, ya silakan. Ya, Yang Berhormat Sungai Petani?

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Sungai Petani, ya? Kita berikan sebelah kiri dahulu.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Oh, kiri dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Untuk berlaku adil. Silakan Yang Berhormat Santubong.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Yang Berhormat Arau tadi dia ada ganggu sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: *[Ketawa]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Arau tidak ganggu. Arau tidak termasuk 18 itu. Jadi 19 sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Saya akan tulis – masukkan. Saya masukkan. Ya.
[Ketawa]

■1200

12.00 tgh.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya berdiri ini, bukan hendak sokong bukan tak mahu sokong.

Hari ini Dewan baru bersidang. Saya masuk lewat, saya tidak tahu usul ini akan dibacakan pada pagi ini dan dibahaskan pada hari ini.

Sekurang-kurangnya Tuan Yang di-Pertua, kita ada bagi notis. Implikasi peraturan yang kita hendak buat ini adalah begitu luas sekali. Jadi, minta tolonglah, saya bukan mencaci sesiapa. Saya bercakap secara neutral.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, berikan kesempatan kepada Yang Berhormat Santubong. Ya, silakan.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Jadi, usul ini selepas habis sahaja soalan, saya dimaklumkan tadi terus dibaca dan dibahas. Saya cukup yakin, terus diputuskan. Sepatutnya, kalau usul ini dibentangkan di atas meja dahulu, dibahas mungkin seminggu selepas itu, sekurang-kurangnya kita akan lihat implikasi-implikasi yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dahulu selalunya kita kena kritik oleh sebab rang undang-undang yang berimplikasi besar tidak mempunyai notis di dalam Dewan. Akan tetapi, ini kita *go back to what we said was bad practiced before*, dengan izin.

Jadi, dalam keadaan sedemikian, saya pun rasa terkilan tetapi saya hendak bercakap juga. Oleh sebabnya, implikasi kepada tiap-tiap Ahli Parlimen – lagipun, bukan sahaja Ahli Parlimen itu sendiri, anak, isteri, semua sekali terlibat. Itu yang tidak mahu. Pertama, saya hendak sebutkan di sini, saya hendak tanyalah, di mana letaknya kuasa ini? Di bawah peraturan ataupun di bawah perundangan Parlimen ini, yang memberikan kuasa usul yang kita buat boleh dikuatkuasakan sebagai satu undang-undang dalam Dewan. Kita tidak boleh buat sembarangan. Oleh sebabnya, Tuan Yang di-Pertua sendiri tahu ini. Apabila Dato' Seri Anwar menubuhkan satu *Caucus*, saya tegur pertama, mesyuarat yang kedua saya memang hadir, mesyuarat yang pertama saya tidak hadir.

Saya kata, mana landasan undang-undang, mana landasan peraturan? Jawapan tidak ada. Jadi, bagaimana boleh kita menubuhkan satu badan di bawah Parlimen, kalau tidak ada garis panduan undang-undang? Kita ini patut menjaga undang-undang, *we* menjaga Perlembagaan. *[Tepuk]*

Akan tetapi, kenapa kita sendiri terlupa? Jadi, okey dalam *Caucus* itu peguam ramai. Yang Berhormat Timbalan Menteri pun ada, bekas Yang Berhormat Menteri Undang-undang pun ada, tetapi saya tegas kata, landasan undang-undang, landasan peraturan mesti ada. Bahkan, Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri Undang-undang setuju dengan saya dalam *Caucus*. Akan tetapi, *I was out*

numbered. Dia kata, kita boleh bersetuju gunakan itu. Okey, saya kata, *you* boleh pandu *you* punya kereta daripada Pulau Pinang, dari Johor, dari Kelantan, bayar minyak RM50, pulang balik, RM100. Saya terbang daripada Kuching itu, RM3,000 pulang balik.

I got to pay myself. I hantar tuntutan dengan Parlimen, Parlimen *reject* sebab tidak ada asas untuk menuntut. Jadi, kenapa ini pula kita hendak buat? Jadi, saya mahu tanya dekat Yang Berhormat Menteri, di mana landasan undang-undang ini? Di mana letak undang-undang kuasa kita hendak buat usul ini?

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok]: Punca kuasa.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Itulah landasan undang-undang yang saya sebutkan itu punca kuasa. Orang Sarawak kalau sebut punca, ada kain sarung itu di belakang kita panggil 'punca'. Jadi, bahasa saya, bahasa Sarawak – belajar bahasa Sarawak juga. Jadi, saya mahu tanya, di mana letak landasan undang-undang ini?

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Minta laluan?

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Jangan lalu dulu, saya hendak bercakap.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Saya hendak bertanya, saya minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Setiawangsa, duduk dulu. Silakan duduk.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Sekejap. Saya hendak tahu, di mana garisan undang-undang, landasan undang-undang ataupun punca kuasa undang-undang kita dan punca peraturan kita yang hendak kita guna ini. Oleh sebabnya, akhirnya nanti, apabila tidak buat pengisytiharan boleh dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan apa itu?

Tuan Yang di-Pertua: Kebebasan.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: *Committee of Privileges*. Kita boleh dikenakan sebagai *Contempt of Parliament* dan hukumannya saya tidak tahu di bawah undang-undang mana boleh dikenakan. Mungkin di bawah undang-undang yang ada Akta *The Houses of Parliament (Privileges and Rights Powers) Act 1952, Revised 1988* dengan izin, yang belum ada pindaan pun semenjak tahun 1952 dahulu – tahun 1953 dahulu.

Jadi, mungkin hukum RM1,000 *because you cannot give me the custodial sentence*. Kalau saya cakap bohong dalam pengisytiharan itu, pula ditanya, *have you*

got the right to ask me to mengisytiharkan? Kalau tidak ada hak untuk memberi - saya membuat pengisytiharan, *why should I mengisytiharkan* sebaik mungkin dan sebetulnya? Itu yang pertama.

Kedua, saya ringkas sahaja Tuan Yang di-Pertua. Saya ringkas sahaja. Kedua ialah, daripada sudut Ahli Parlimen itu sendiri. Sebagai garis panduan, Ahli Parlimen tidak diisytiharkan sebagai pegawai kerajaan. Kita boleh buat *business*, saya buat *big burger stall* pun boleh.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Minta laluan?

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Tetapi, kalau saya jadi Ray Kroc yang McDonald itu, daripada tiga *stall* dia boleh menjadi 36,000 *outlet* seluruh dunia.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Minta laluan?

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: *I become billionaire.* Jadi, *do I have to mengisytiharkan...*

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Yang Berhormat? Saya pun ada punca hendak bertanya...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Setiawangsa.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Saya hendak bertanya, mencelah. Boleh tidak?

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: *You* baca peraturan dahulu.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Ya, saya baca peraturan. Saya minta izin. Boleh saya bertanya atau tidak? Kalau tidak bagi, cakap tidak bagi. *[Dewan riuh]*

Tuan Yang di-Pertua: Saya akan berikan kesempatan kepada Yang Berhormat Setiawangsa untuk berhujah. Ya.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Bukan, saya tidak perlu bercakap bagi tidak bagi, bila saya tidak duduk, tidak bagi lah tu. *[Tepuk]* Jadi, kalau saya boleh buat *business*, kalau hari ini saya isytihar pada 2 hari bulan saya isytihar, esok saya ada *profit* sikit, esok bank *account* saya sudah lain. Hendak isytihar semula? Oleh sebab, saya *business*. Hujung tahun baru ini Tuan Yang di-Pertua, tanah saya di Santubong, satu setengah hektar, ada orang mahu buat kondo, baru anak buah saya hantar gambar, tanah yang saya beli tahun 1990 dahulu, hendak buat kondo.

Kalau kondo itu dia buat, RM100 juta. Jadi, macam mana itu? Tidak boleh buat. Isytihar juga?

Jadi, anak isteri pun jadi macam itu juga. Saya cukup yakin Perdana Menteri banyak anak-anak dia *business* itu, banyak pengisytiharan. Jadi mana dia? Kalau saya sendiri mungkin mudah sikitlah. Jadi saya hendak *the practicality* yang kita usulkan ini mesti ada letak di sana. Pertama tadi perundangan dan peraturan. Oleh sebab saya akan dikenakan *contempt* kalau tidak buat. Kalau buat salah, kena caj di bawah perundangan lagi, pengisytiharan yang tidak betul. Jadi, macam – kalau saya dipaksa membuat pengisytiharan atas sebab yang salah, pengisytiharan saya yang salah, saya pula dikenakan caj, jadi ini pertama.

Kedua itu tadi, Ahli Parlimen yang boleh ber-*business*. Macam mana kita mahu mengisytiharkan? Jadi, dalam keadaan yang praktikal, tidak praktikal ini, payah juga. Memang pegawai kerajaan yang menjadi Yang Berhormat Menteri, yang menjadi Yang Berhormat Timbalan Menteri dan sebagainya ataupun Setiausaha Politik Kerajaan minta - dapat gaji daripada Kerajaan itu patut – saya cukup yakin memang patut mengisytiharkan. Akan tetapi sebagai orang yang boleh buat *business* dan *every time* dia buat *profit* – tetapi kalau dia rugi mahu tidak kerajaan bagi? Tidak boleh. Kalau *profit*, kena isytihar. Jadi, kita pun jadi macam-macam. *Income tax* sudah tahu kita punya itu – lagipun dulu, kita hantar kita punya aset - pengisytiharan tetapi tidak ada bersumpah. Kepada Yang Berhormat Perdana Menteri kita hantar juga.

Jadi, perkara-perkara yang kita itu kena bagilah kita peluang untuk fikir dahulu, bincang dahulu sesama sendiri. *This is not the question of accountability. Accountability* itu, *accountability* yang betul. Kalau landasan *accountability* kita tidak betul, kita pun jadi kacau marba. Apa? Apa perkataan itu?

Beberapa Ahli: Cacamarba.

■1210

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Saya pun tidak tahulah. Saya orang Sarawak. Kalau saya cakap Sarawak, *you* orang tidak faham nanti. Macam orang Kelantanlah. Jadi, tidak betul. Landasan *has got to be right*, undang-undang *got to be right. We are Member of Parliament. Every time* kita habis pilihan raya, kita angkat sumpah. Tidak layak duduk sini kalau tidak angkat sumpah jadi Ahli Parlimen. Yang Berhormat, saya hendak bagi tahu Ahli Parlimen ini sebenarnya. Selepas pilihan raya, luar belum lagi Ahli Parlimen lagi Yang Berhormat. *You are just elected representative of the people*, hingga *you* angkat sumpah dan *Speaker* sudah

lantik di mana tempat duduk. *Whether you are allowed to take you sit or not?* Baca Bradlow punya kes. Lima kes Bradlow, menang pilihan raya tidak boleh masuk dalam Dewan.

Jadi, *we have to observe* undang-undang, *we have to observe*. Kita mahu benda yang baik tapi *it has got to be right*. Jadi, sekarang pun kita tubuh jawatankuasa-jawatankuasa. Saya tidak hendak sentuh benda-benda tadi. Oleh kerana saya terdesak, tidak ada benda hendak cakap tapi saya bagi contoh, jawatankuasa-jawatankuasa. Pegawai kerajaan dekat luar sana tanya, betul tidak ada pengerusi-pengerusi jawatankuasa ditubuh oleh Parlimen, kuasa di bawah peraturan dan undang-undang untuk panggil dia orang untuk bagi maklumat? Selain daripada lima jawatankuasa yang *existing* jawatankuasa di bawah Parlimen. Selain daripada itu, belum tentu lagi. Kalau dia tidak dapat datang, tidak mahu datang, apa kita hendak buat? *Contempt? Custodial sentence? Punishment* mengikut undang-undang 1952? Kalau tidak, *it is silent* dalam peraturan, *silent* dalam undang-undang, maknanya tidak boleh inisiatif sendiri.

Hal ini kerana *Auditor General* nanti akan *check* juga duit kita belanja itu. Jadi, sini tidak ada *Auditor General* hendak *check*. Kita memang sendiri, kadang-kadang dalam Dewan, Tuan Yang di-Pertua tahu, kalau *rule of majority, whole the* pembangkang boleh hantar ke jel kerana *rule of majority is not the rule of justice*. *The rule of justice* pun kalau ikut *evidence* satu perkara, Tuan Yang di-Pertua sebagai hakim dulu. Akan tetapi ikut *the reality* sama ada berlaku kesalahan ataupun tidak, *is another story*. Jadi, itulah undang-undang *is got to be right*, peraturan *has got to be right first*. *We have to* buat undang-undang, buat peraturan, *then we introduce the* apa sahaja yang dibolehkan oleh peraturan dan undang-undang. Sila Yang Berhormat hendak tanya tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Beri laluan, ya.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Okey, saya pun sebab sudah lari topik tadi, saya pun tidak perasaan. Akan tetapi apa yang saya hendak tanyakan di sini, pertama tidak ada beza. Tadi Yang Berhormat cakap tentang buat *business*. Syarikat yang buat *business* pun kena *submit account* pada satu tarikh akhir tahun kewangan mereka dan aset itu mungkin berubah pada hari keesokannya tetapi itu tidak menimbulkan masalah. Jadi, kenapa hendak dipertikaikan apabila Ahli Parlimen hendak kena isytiharkan harta?

Tuan Yang di-Pertua: Ya. *[Ketawa]*

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Betullah Tuan Yang di-Pertua, saya pun boleh bersetuju dengan dia itu sebab hujung tahun kita isytihar

kita punya *profit, income tax* kena buat *return* dan sebagainya. Lebihnya kalau kita ada untung, *income tax* kita *which in the bracket* kita boleh di-*taxable*, kita kena *tax*-lah. Jadi, kalau kita boleh dapat aset yang lebih itu, tidak adapun *Inland Revenue* tanya kenapa *you* beli tanah itu, kenapa *you* beli aset ini? Tidak ada orang tanya. Akan tetapi di sini, *because of that declaration*, kita kena tanya. *You have to explain*.

Seorang Ahli: Faham!

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: *You have to explain*. Yang Berhormat, *I have done my legal practice for the last nearly 30 years*, Yang Berhormat. *You think I don't have the asset*-kah? Dulu Kuching itu besar ini, Sibu ini besar ini, tanah saya telah masuk dalam bandar sudah sekarang. *[Sambil membuat isyarat tangan]* *So, what will to happen?* Kalau saya sekarang kata tidak ada kerja lagi, tidak ada jadi Menteri, tidak ada apa, saya hendak bangunkan semua tanah ini, macam mana? Jadi, walaupun *sudden asset* macam itu.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Ya, minta laluan Yang Berhormat Santubong.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Sila.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ipoh Timur, silakan.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Terima kasih, Yang Berhormat Santubong. *My senior in legal practice*. I pun baru 15 tahun, *double of my practice*. Berkenaan dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Santubong tadi, sekiranya seorang *businessman* yang juga merupakan ahli politik hendak beli tanah, memang tidak ada masalah. Sekiranya wang pembelian tersebut boleh bertanggungjawab kepada wang yang telah pun dilaporkan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri. Sememangnya kita tidak nampak ada apa-apa masalah. Cuma masalah yang saya ingat Parlimen ini bertanggungjawab untuk mengelakkan adalah apabila Ahli-ahli Parlimen itu sememangnya tidak mempunyai satu *proof* ataupun satu bukti berkenaan dengan *source of income* dia. Itulah yang menjadi masalah dan sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat di sebelah sana adalah ikhlas, saya tidak nampak ada apa-apa masalah untuk Ahli-ahli Yang Berhormat di sebelah sana untuk menyokong usul ini, sekian.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]: Mungkin saya boleh sambung soalan...

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Boleh saya, Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]: ...soalan *clarification*.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: ...Yang Berhormat Santubong, boleh saya mencelah?

[*Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan Mesyuarat***]

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]: Tuan Yang di-Pertua, sebagai apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Santubong ialah persoalan *declaration, the technicality part of it*. Kalau kita membuat *business*, ada tidak garis panduan yang diberikan? Bila kita hendak isytiharkan, adakah setiap kali kita memperoleh harta tambahan kita kena isytihar? Adakah setiap tiga bulan? Adakah setiap enam bulan? Ataupun setiap tahun? Ini yang tidak dijelaskan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Santubong. Bukannya persoalkan berhubung kait dengan *declaration*. Ini sebab Ahli Parlimen biasa, dia boleh membuat urus niaga sebab dia bukan *public servant*. *Requirement* sekarang ini hanya *public servant* yang perlu isytiharkan sebab mereka memperoleh pendapatan daripada perolehan daripada kerajaan.

Malahan, kita Ahli Parlimen biasa ataupun *even the backbenchers*, kita boleh melakukan urus niaga. Urus niaga ini ada untung ada ruginya. Setiap kali pendapatan tambahan, adakah kita perlu isytiharkan? Kalau tidak ada garis panduan yang jelas, perundangan yang jelas, peraturan kita yang jelas, maka itulah persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Santubong. Sama ada Yang Berhormat Santubong setuju atau tidak?

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Yang Berhormat, sedikit Yang Berhormat, Yang Berhormat Santubong, sedikit sahaja

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Yang Berhormat Santubong.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Ini satu soalan...

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Yang Berhormat, saya akan bagi tahu Yang Berhormat peluang. Saya hendak jawab dua orang ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Teruskan Yang Berhormat Santubong.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Saya memang bukan ada masalah. Tadi saya sudah jawab, *my first sentence, sentence* yang pertama saya kata, bukan hendak bantah dan bukan hendak sokong, bukan tidak sokong. Jadi, dengar cakap saya, ya. Jadi, saya tidak adapun, *I'm free*, tidak ada masalah. Akan tetapi masalahnya adalah *the difficulties and the implikasi* tetapi yang

asas itu saya sebut. *The first* asas, undang-undang dan peraturan Dewan itu kena buat dulu. *It has got to be right, Caucus* tadi, matlamat tadi *one of the best intentions*. Ini ahli *Caucus* ini semua ini, dua orang. *[Menuding jari kepada beberapa Ahli Yang Berhormat]* *One of the best intentions ever* kita buat. Saya bersetuju sebab *I like it. It is a transformation of Parliament and kerajaan, governance* sebagainya. *I support it* tetapi masalahnya ialah peraturan *has got to be right, the law has got to be right* sebelum kita buat.

Jangan buat dulu, nanti bila sudah salah itu, baru buat undang-undang. Ini salah, tidak betul. Macam mana kita buat macam itu? Jadi, *fabricate building* kalau orang JKR boleh buatlah. Buat di kilang, lepas itu sampai dekat jambatan, boleh buat. Akan tetapi *this is* perundangan, pelaksanaan perundangan. *You* tangkap orang dulu, oh, tidak ada dalam undang-undang, buat undang-undang dulu. Lepas itu buat undang-undang, tangkap dulu. Tidak betul. *You cannot do things* sebelum undang-undang, peraturan itu dibuat. Ini peraturan Dewan. *You are talking about the life and the name, the prestige of the Dewan* itu sendiri. *It has got to be right in law*. Kalau tidak, apa guna kita duduk sini sebagai penggubal undang-undang dan dasar negara. *Accountability is one thing, the biggest thing is we must comply with the law first and the constitution*. Sila Yang Berhormat.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tertarik dengan kenyataan Yang Berhormat tadi. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat, apakah kuasa yang ada pada Ahli Parlimen pembangkang untuk meluluskan projek? Tadi Yang Berhormat Menteri dalam Jabatan Perdana Menteri dia kata, "*Ya, di atas nama ketelusan dan sebagainya*". Sebenarnya, bagi sesiapa sahaja sebelah di sini perlu mengisytiharkan itu, ada undang-undang yang sedia ada untuk ahli pentadbiran mesti mengisytiharkan. *This is not something new, already there*.

■1220

Akan tetapi soalnya, kenapa mewajibkan Ahli Parlimen pembangkang dan apakah kuasa yang ada untuk meluluskan projek ini? Saya masih ingat...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat, masa sudah pun tamat...

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Perdana Menteri pernah kata, dia akan gubal akta, pinda Akta SPRM tetapi ini dalam bentuk usul seperti Yang Berhormat katakan. Apa juga yang kita hendak buat, kita kena bertanggungjawab kepada undang-undang yang ada. LHDN, kita ada kuasa. Kalau aset kita tidak betul, dia

boleh siasat. Itu memang kita kena hormati undang-undang itu. Jadi dalam soal ini, sekiranya kita dapat diyakinkan pembangkang juga ada kuasa untuk kita menggunakan kuasa yang ada untuk kepentingan diri, yes patut kita buat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Santubong, masa telah tamat. Minta ...

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Yang Berhormat. Yang Berhormat, satu poin sahaja.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Ya. Ya. Okey. Itu Yang Berhormat ...

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Yang Berhormat, satu poin sahaja Yang Berhormat. Satu poin sahaja Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat mantan Timbalan Speaker. Saya hendak tanya Yang Berhormat, setuju atau tidak, pada hari ini, mungkin kerajaan tarik balik usul dan dimasukkan satu rang undang-undang baharu ataupun pindaan kepada akta undang-undang yang ada, supaya adanya benda yang lebih *clear* dalam perbahasan, bukan melalui usul seperti yang disebut oleh Yang Berhormat kerana punca kuasa itu tidak ada? Jadi kalau kita tarik balik dengan rang undang-undang baharu ataupun kita wujudkan pindaan kepada undang-undang yang ada, barulah punca kuasa itu boleh disahkan. Sila Yang Berhormat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila minta rumusan, masa pun sudah tamat Yang Berhormat Santubong. Silakan.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan - Masih Yang Berhormat Ayer Hitam ... *[Disampuk]* dan Yang Berhormat Pengerang. Sebenarnya Yang Berhormat Pengerang, itulah yang sebenarnya saya sebut. Buat peraturan ini dahulu, buat undang-undang ini dahulu. Selepas kita laksanakan, *insya-Allah* kita akan sokong. Kena landasan *has got to be right*. Jadi Yang Berhormat daripada – Yang Berhormat daripada mana? Yang Berhormat Sungai Petani, kawan lama saya. Yang Berhormat Iskandar Puteri, kawan lama daripada 1990 kita dalam Dewan ini. Tanya dengan mereka apa yang saya kata dalam *caucus meeting*. Saya masih bertegas sehingga sekarang. Saya kata, “*The law has got to be right, peraturan has got to be right. Only then, everything become accountable to the undang-undang dan peraturan*”. *[Tepuk]*

Jadi itulah Yang Berhormat Pengerang itu, *is right*, bawa pindaan itu dahulu. Peraturan boleh dipinda dalam jawatankuasa peraturan. Bawa kepada AG, buat satu draf, disetujui dalam Dewan dan *we have the* peraturan. Selepas itu kita boleh *enforce*.

Whether logik atau tidak logik itu, *is another story* selepas itu kerana undang-undang sudah ada. Akan tetapi sebelum undang-undang ada, *you* ceritalah soalan *accountability* macam cerita saya tadi, tangkap orang, tidak ada undang-undang itu, tidak ada ini, simpan dahulu, buat undang-undang baharu. Sudah buat undang-undang, tangkap balik sebab undang-undang sudah buat.

Jadi, *I* sokong *when it is right, insya-Allah*. Kita sudah setuju dah, sokong *when it is right*. Jadi itulah saya bercakap bagi pihak GPS di belakang itu, memang kita – Bukan ada garis panduan, saya tidak ada sebabnya baru tahu pun pagi ini. Jadi, itulah garis panduannya. Perlembagaan mesti ikut betul, undang-undang mesti ada dan peraturan dalam Dewan. Ini peraturan Dewan. Ia tidak boleh dibuat macam itu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, kalau sudah baca semua peraturan dan *the convention* daripada permulaan Parlimen England itu yang kita ikut sehingga sekarang ini. Pada zaman selepas *William The First, Normandy* itu, tahun 1960 dahulu, semua orang boleh lari masuk dalam tempat persidangan Parlimen, polis dan tentera tidak boleh kejar, selamat. Akan tetapi undang-undang digubal supaya dapat diambil tindakan dalam keadaan kita sekarang. Banyak peraturan semenjak *one thousand over years*, peraturan itu sudah banyak diubahsuai yang kita guna sekarang. Kenapa saya *refers* perkara ini? Sebabnya...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Boleh mencelah?

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Seksyen 32

...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya tidak membenarkan mencelah. Masa telah tamat.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Undang-undang tahun 1952 masih mengatakan kita *refer* kepada *the right of the common should be enjoy by the right of the Members of Parliament Malaysia* ini. Itu undang-undang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Santubong, masa telah tamat. Kita hendak beri peluang kepada yang lain pula. Terima kasih.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya belum boleh bersetuju dengan usul ini sebabnya landasan undang-undang kena *right*, peraturan *has got to be right*. *We can be in haste* tetapi *in haste* jangan termasuk longkang atau parit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Santubong. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Sungai Petani, 20 minit.

12.26 tgh.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pandangan yang baik dari Yang Berhormat Santubong dan juga teman-teman. Akan tetapi saya kira apa yang sedang kita bicarakan hari ini adalah suatu tindakan untuk memastikan semua kita pembangkang ataupun kerajaan mengisytiharkan – perkataannya adalah 'isytihar'. Oleh sebab itu kita isytihar. Kalau kita ada duit, kita isytihar. Kalau tidak ada duit juga, kita isytihar kita tiada duit.

Oleh sebab itu, apa yang disebut dalam mengusulkan isu ini ialah supaya suatu pengisytiharan dibuat. Kalau Yang Berhormat buka sendiri Akta SPRM pun, kalau kita isytihar pun, SPRM pun tidak boleh buat apa-apa pun sebab mengisytiharkan harta kita kepada pemerintah, SPRM tidak boleh kacau kita pun. SPRM yang boleh buat, dia akan *custodian of information, that is all. Nothing much you can do until someone report* terhadap suatu-suatu harta yang kita ada. Isu sekarang ini adalah untuk mengisytiharkan. Oleh sebab itu, ada juga pandangan yang mengatakan kalau isytihar, kita ada *locus standi* atau tidak hendak ambil tindakan? Oleh sebab itu, pengisytiharan itu dibuat kena ada *statutory declaration* dan undang-undang ada terhadap *statutory declaration*. Maknanya selepas kita isytiharkan, kita kena sahkan dan ini satu pesan.

Isu yang kedua ialah seperti juga yang disebutkan oleh Yang Berhormat Wangsa Maju tadi bahawa kita isytihar dan selepas itu seperti juga dalam syarikat dan sebagainya, ada naik –Yang Berhormat Setiawangsa, minta maaf. Yang Berhormat Setiawangsa. Ada *value* yang turun dan ada *value* yang naik. Akan tetapi isunya ialah kita isytihar kerana pengisytiharan ini memberikan kita keyakinan bahawa apa juga cara ke mana kita dapat duit itu, kita isytiharkan bagaimana kita dapat dan inilah nilainya waktu itu. Seperti yang saya katakan tadi, selagi ia tidak ada *report* terhadap kita, maka SPRM akan simpan sebagai satu data sahaja dan tidak akan pergi lebih daripada itu.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Pencilahan.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Sebentar, bagi saya *start* dahulu. Saya akan beri laluan. Sekejap. Cumanya Tuan Yang di-Pertua, saya memohon kepada kerajaan untuk melihat beberapa isu yang saya ingat harus diteliti. Pertama, kami khususnya dalam sebelah sini telah pun mengisytiharkan harta kita tetapi ada *column*

yang *missing* iaitu kita isytiharkan harta tetapi kita tidak isytiharkan liabiliti kita. Jadi kadang-kadang dipaparkan di dalam portal ialah tentang harta kita, tetapi kita juga ada liabiliti. Mungkin harta kita bernilai RM1 juta, tetapi kita punya liabiliti nilainya ialah RM1.5 juta. Jadi dari segi pandangan umum yang sebenarnya, kita *minus* RM500,000. Jadi sebab itu harus lihat, harus *column* itu ada di mana harta berapa yang ada, tetapi juga liabiliti juga haruslah diletakkan di situ.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, saya juga memohon seperti yang diminta oleh Yang Berhormat Santubong tadi supaya harus ada garis panduan yang jelas. Maknanya, adakah kita isytihar *yearly*? Maknanya Januari sehingga Disember. Maknanya setiap tahun kita akan isytiharkan bila *closing*-nya, maknanya kita akan isytiharkan semua Ahli Parlimen mestilah mengisytiharkan harta dia sebelum contohnya 25 Disember. Jadi *whatever* harta yang kita ada walaupun – Ya, saya sendiri *backbencher*, kita meniaga, selepas itu kita *declare* lah berapakah nilai kita ataupun harta kita pada contohnya sebelum 25 Disember. Jadi dengan sendirinya, rekod kita jelas dan mungkin tahun seterusnya kita jual separuh daripada harta tersebut sebagai *backbencher* tiada duit ini, kita telah jual separuh. Jadi kita *declare* pula tahun seterusnya bahawa nilai kita telah susut daripada RM1 juta, tinggal RM800,000.

■1230

Inilah tujuannya, supaya orang di luar tahu, sebenarnya Ahli Parlimen ada berapa harta dia. Ini kerana tidak masuk akal. Jikalau Ahli-ahli Parlimen yang hidup bermewah-mewah... [Disampuk]

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat boleh mencelah?

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: [Bangun]

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Kemudian, walaupun *backbenchers* seperti saya mempunyai kemewahan yang luar biasa dan orang tidak tahu punca mana yang kita dapat, akhirnya ini memberikan tohmahan kepada kita semua. Silakan Yang Berhormat Pasir Salak.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Dia— apa maksud dan tujuan kita buat pengisytiharan itu satu perkara penting. Saya rasa jelas iaitu kita hendak melihat bahawa

tidak ada penyalahgunaan kuasa dan tidak ada sumber pendapatan kekayaan daripada sumber yang tidak sah, itu tujuan utamanya.

Kepada bukan daripada badan kerajaan ataupun eksekutif, apa kuasa yang kita ada? Kita tidak ada kuasa. *So, there is no question about abuse of power and corruption.* Saya belum habis, sedikit lagi Yang Berhormat, boleh izinkan saya? Jadi, matlamat itu pun tidak konsisten dengan apa yang kita buat.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: *[Bangun]*

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Keduanya, apabila kita *declare* kepada SPRM, *it's okay*. Lembaga Hasil Dalam Negeri kita sudah *declare*. Akan tetapi, yang kita hendak paparkan dalam apa tadi, portal? Apa hak orang awam hendak tahu harta saya? Umpamanya harta tuan-tuan, *it's your money, it's from what? Legitimate legal source of income and every part of member of the public must share the knowledge.* Hendak tahu Yang Berhormat ini untung RM100 juta, RM200 juta dan satu bilion mesti hendak paparkan dalam portal supaya semua orang tahu? Apa perlunya *and after all this is* orang kata hak asasi seseorang itu. Jadi, kalau kita hendak tujuan untuk... *[Disampuk]*

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat, boleh? *Very short*, saya ringkaskan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: SPRM ada. Lembaga Hasil Dalam Negeri, kata okey, tidak mengapalah.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Ini bagi ceramah kah?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Sungai Petani, sila jawab.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Siapa bagi ceramah? Siapa bagi ceramah?

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Lama sangat.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Silakan Yang Berhormat Bagan Serai.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Mencelah sekejap sahaja, bukan bagi ceramah panjang.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ya lah, melompat dapat apa? Dapat apa? Sudah setahun lebih melompat.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Sudahlah. Sudah lama sangat sudah. Sudahlah itu.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya bagi kepada Yang Berhormat Bagan Serai sekarang?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Silakan.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Bagan Serai lompat sebab dia hendak isytihar harta.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Orang bagi celah, dia ceramah pula. *[Ketawa]* Saya— Yang Berhormat Sungai Petani, saya tengok kalau kita bercakap tentang prinsip ketuluan, saya nampak kita tidak perlu 'hurry burry' dengan izin. Kenapa mesti kelam kabut kita hendak buat? Hendak hantar pun kelam kabut semua. Kenapa maksud saya, satu. Kenapa tidak buat bil? Buat rang undang-undang baru ataupun pindaan kepada rang undang-undang yang perlu isytihar dan wajib isytihar. Tidak mengapa ambil masa. Lagipun Kerajaan Pakatan Harapan ini pun banyak lagi manifesto yang tidak dapat dilaksanakan lagi. Jadi, kita hendak buat – *[Dewan riuh]*. Seronok, baru seronok, tengok Yang Berhormat Pasir Salak baru dia seronok.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Bagus, ini bagus Yang Berhormat Bagan Serai.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: *No. Because* maksud saya, kita jangan kelam kabut.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Lompatan tuan itu dibenarkan.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Kita mesti buat.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Yang Berhormat Bagan Serai hendak balik sini kah Yang Berhormat Bagan Serai? Datang balik sebelah sini.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Kedua, Yang Berhormat Sungai Petani... *[Disampuk]*

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Hai ceramah nampak?

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Tidak, ringkas sahaja.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Panjang nampak.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Saya ringkaskan. Kedua, kita isytihar harta itu prinsip ketuluan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ceramah itu okey.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Selagi dia *tally* dengan sumber pendapatan kita, apa takut?

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Sudah lompat baru tahu kah?

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Apa takut, apa takut. Ini bukan cerita pada masa akan datang, pembangkang tidak boleh buat luluskan projek. Ini cerita pada masa-masa yang lepas juga. Jadi, kalau ini – kita tidak payah, tidak kisah. Kita harta RM100 juta kah atau RM200 juta, itu menunjukkan anda adalah seorang yang hebat yang berjaya dalam hidup. Rajin kerja, berjaya dan *business* bagus. Itu pendapat saya, terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Bagan Serai bakal dipecatlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Silakan Yang Berhormat Sungai Petani, teruskan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Bagus, bagus. Yang Berhormat Bagan Serai, bagus.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Baik. Isunya Tuan Yang di-Pertua, *this is the working hazard of an MP's*. Maknanya, kalau kita menjadi Ahli Parlimen, maka apa-apa juga peraturan-peraturan yang dihadapkan kepada kita, kita kena terima, *or else we should not be here*. Maknanya sama ada kita Menteri kah, *backbenchers* kah, pembangkang kah, ini benda yang— Oleh sebab itu apabila kita buat peraturan, *this is the highest body*. Ini ialah badan yang tertinggi. [Disampuk]

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kita setuju, kita setuju. Akan tetapi, ikut peraturan.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: *No, no*, Yang Berhormat Arau. Yang Berhormat Arau paling senior, saya hormat Yang Berhormat Arau, minta elok-elok. Apabila kita buat peraturan, peraturan itulah punca kuasa apabila kita putus dalam Dewan. Oleh sebab itu kita... [Disampuk]

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta penjelasan?

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Nanti sekejap, sabar dahulu. Oleh sebab itu apabila kita *eject a person out, there is a punca kuasa, this is the highest body*. Di dalam Dewanlah apabila kita putus, maka ia menjadi suatu peraturan yang kena terima semua. Kita *eject* orang enam bulan, kita *eject* orang tiga hari, *this is punca kuasa* kita. Maknanya sekarang apabila kita buat peraturan, sebab itu sebelum kita mesyuarat, kita buat usul. Usul pihak polis hendaklah membenarkan laluan yang mudah. Itu usul. Usul kita terima. Tuan Yang di-Pertua tanya... [Disampuk]

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta laluan?

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Nanti *sat*, bagilah. Baik, seperti yang saya sebut tadi dan juga disokong oleh Yang Berhormat Bagan Serai, apa masalah kita? Soal kita kaya raya, itu satu hal lain. Akan tetapi sekarang ini *[Disampuk]* Kalau tidak setuju cerita lainlah kecuali dia hendak simpan. Isunya sekarang ini apabila diminta oleh Dewan untuk isytiharkan dan kita semua setuju supaya setiap kita memaparkan bahawa inilah yang kita ada. Kalau tahun-tahun selanjutnya kita *declare*-kan susut nilai, kita *declare*-lah. Oleh sebab hari ini kita mungkin bukan Menteri, esok kita menjadi Menteri takkan kita hendak isytihar lagi. Oleh sebab itu rakyat akan tengok di luar bahawa inilah kita konsisten, itu yang pertama.

Kedua, inilah janji kita kepada rakyat. Mungkin pembangkang tidak setuju, tetapi kita telah berjanji kepada rakyat bahawa apabila kita *walk into this* Dewan, maknanya kita rasakan bahawa kita kena *transparent*. Oleh sebab itu kita rasakan bahawa... *[Disampuk]*

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Banyak lagi janji lain yang belum tunai.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: *Alhamdulillah* rakyat sedang tengok di luar sana, siapa yang berani isytihar dan siapa tidak berani isytihar. Macam saya katakan tadi, *you can have one billion dollars*, tetapi *it is yours* dan SPRM tidak akan kacau. Semua pun tidak pakat minta sebab *that is yours*. Cuma maklumkan sahaja bahawa *you have one billion dollars*. Apakah itu susah untuk kita lakukan? Itu isunya.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta pencelahan?

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Sungai Petani.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Baik. Yang Berhormat Kinabatangan.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Kuala Krau Yang Berhormat Sungai Petani.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Yang Berhormat Sungai Petani, Yang Berhormat Sungai Petani.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Sungai Petani, Pendang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Dia beri kepada Yang Berhormat Kinabatangan, yang lain duduk. Yang Berhormat Kinabatangan, sila.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Yang Berhormat Sungai Petani. Pengerang, Pengerang.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Sungai Petani. Bukan soal setuju atau tidak setuju, soalnya tidak kena. Kenapa tidak dibawa dalam satu pindaan rang undang-undang SPRM kah? Kenapa perlu usul? Perkara ini, saya lihat mendedahkan individu itu kepada serangan orang-orang jahat di luar. Jikalau orang luar tahu Yang Berhormat Sungai Petani ada berpuluh-puluh juta, senanglah. Apa kena mengena anak bini kita, hendak kita dedahkan pula? Ini pada saya – hendak lagi kalau hendak tunaikan janji, itu janji kamu, bukan janji kita. Kita dahulu, BN dahulu pun kita tidak suruh minta wakil rakyat pembangkang di sini dahulu untuk mengisytiharkan harta. Oleh sebab kita tahu mereka tidak ada kuasa, *exist* dengan mana-mana untuk meluluskan apa-apa. Akan tetapi apa yang kami mahu lulus, minta projek kecil pun tidak ada, projek Parlimen yang dijanjikan pun tidak ada. Apa mahu diluluskan? Banyak lagi manifesto yang Pakatan Harapan buat seharusnya Yang Berhormat Sungai Petani cadangkan. Apakah undang-undang yang dikenakan kepada mana-mana parti yang memberi janji palsu kepada rakyat dan berjaya memerintah selama lima tahun, rakyat menderita? Seharusnya undang-undang itu harus dibawa, terima kasih.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Sungai Petani, satu. Ya, terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani, terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Cuma saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri dan juga Yang Berhormat Sungai Petani di bawah peraturan manakah yang boleh membawa Ahli-ahli Parlimen ini kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, di bawah peraturan mana? Oleh sebab di dalam Peraturan Mesyuarat kita— di bawah Peraturan Mesyuarat kita yakni *Standing Order* kita tidak ada disebut. Jika gagal untuk isytihar harta. Jika gagal untuk isytihar harta isteri-isteri. Jika gagal isytihar harta anak-anak. Jika gagal isytihar harta kita sebagai pemegang amanah.

Seorang Ahli: Berapa isteri?

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tidak ada langsung disebut dalam peraturan ini. Janganlah buat sesuatu peraturan, undang-undang yang tidak disebut di dalam Peraturan Mesyuarat Dewan, Yang Berhormat Menteri.

Satu lagi, apabila disebut oleh Yang Berhormat *Speaker* sendiri dalam kenyataan. Beliau tidak ada kuasa untuk mensabitkan kesalahan Ahli-ahli Parlimen atas

sifat dia sebagai seorang *Speaker* tetapi sebagai hendak dirujuk di dalam Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.

■1240

Kalau kita baca Peraturan Mesyuarat 36(12), tidak ada sebut – gagal untuk isytihar harta Ahli Parlimen, gagal untuk isytihar harta isteri-isteri, gagal isytihar harta anak-anak, gagal isytihar harta pemegang amanah – kita sebagai pemegang amanah. Tidak ada disebut dalam Peraturan Dewan. Kita hendak memuliakan Dewan Rakyat.

Seorang Ahli: Ikut sahajalah.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Hendak jadikan Parlimen ini sebagai Parlimen *first class* seperti mana Yang Berhormat Sungai Petani sebut beberapa kali kepada saya; "*Marilah Yang Berhormat Kuala Krau, kita jadikan Dewan ini sebagai Dewan first class*". Akan tetapi, ini peraturan tidak ada, tetapi kita hendak sabitkan kesalahan. Macam mana? Saya setuju dengan Yang Berhormat Santubong. Bukan soal kita takut atau kita tidak berani, soalnya tidak ada asas untuk kita bawa kawan-kawan kita ini sebagai penjenayah atau membuat kesalahan di bawah peraturan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: [*Tidak jelas*]

Seorang Ahli: Sebentar.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Minta Yang Berhormat Sungai Petani teruskan.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Yang Berhormat Pengerang, Yang Berhormat Pengerang. Bagi last, dia bangun banyak kali sudah.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Yang Berhormat Sungai Petani saya ucap terima kasih ya Yang Berhormat Sungai Petani. Kita selalu dalam jawatankuasa yang sama. Jadi, saya hendak tanya Yang Berhormat Sungai Petani macam saya tadi tanya, saya tertanya, kenapa Yang Berhormat Menteri takut hendak wujudkan undang-undang baharu? Bukannya tidak boleh, kita ada 18 hari hendak bersidang dalam Dewan. Ataupun buat pindaan pada Akta SPRM kah dan sebagainya sebab kalau hendak buat – hendak gigit, gigit betul-betul, Yang Berhormat Sungai Petani. Tak mainlah gigit manja-manja. [*Ketawa*]

[*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Sungai Petani, sila.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Sudah gigit pula sudah.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Meleleh Yang Berhormat Sungai Petani. *[Ketawa]*

[Dewan riuh]

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua—
[Ketawa]

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Telan air liur Yang Berhormat Sungai Petani.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: ...bahaya Yang Berhormat Sungai Petani gigit, gigit ini.

[Dewan ketawa]

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Bab gigit.

Seorang Ahli: Gigit boleh sebut.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Seperti yang saya sebut tadi, usul adalah suatu tindakan yang ada kredibilitinya apabila ia diluluskan dalam Dewan. Yang Berhormat Kuala Krau, apabila kita telah buat satu usul, usul ini contohnya semua orang kena mengisytiharkan harta kita dan kalau sekiranya ada pihak-pihak yang tidak mengisytiharkan harta, kita juga boleh buat usul lain lagi. Ahli Parlimen, satu, dua, tiga, empat, lima, enam dan tujuh tidak mengisytiharkan harta setelah diberikan tempoh selanjutnya.

Maka dengan ini, minta Dewan menghukum mereka. Kita boleh? Mereka ini akan dihadapkan ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Bawah peraturan mana Yang Berhormat?

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: *No, no, no.* Setiap kali dalam ...
[Disampuk]

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tidak boleh Yang Berhormat macam itu.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Usul, saya sebut usul.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tidak boleh.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Saya sebut usul.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Kalau Yang Berhormat sebut Yang Berhormat Kuala Krau diperintahkan duduk di kawasan tempat

duduk yang Kuala Krau sekarang. Tiba-tiba Yang Berhormat pergi duduk di kerusi Yang Berhormat Pasir Mas. Saya boleh bawa usul, tiba-tiba merayau ke kerusi Yang Berhormat Pasir Mas, dan saya boleh dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan kalau begitu. Akan tetapi, tidak boleh Yang Berhormat, mesti *clear* dalam peraturan ini Yang Berhormat. Tidak boleh macam itu.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: *No, no.* Dalam Dewan apa juga kita boleh buat usul dan sekiranya usul itu diterima, maka ia boleh berkuat kuasa. *Yes*, sebab itu dalam kes-kes...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat, Yang Berhormat cakap pun sudah tidak betul Yang Berhormat.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Betul.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Kalau betul kita lempar buanglah Peraturan Mesyuarat kalau semua boleh buat. Buat apa guna *standing order* Yang Berhormat?

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Yang Berhormat, boleh saya tanya sedikit?

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: *Yes.*

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Apa takut nak isytihar harta.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Mesti peraturan.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Baik saya hendak ... *[Disampuk]*

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Bukan soal takut, bukan soal takut!

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Saya tidak, saya tidak ... *[Disampuk]*

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Jelutong, Yang Berhormat Jelutong mana peraturan Yang Berhormat Jelutong. Bukan soal takut.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Minta jalan.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Saya pelik Yang Berhormat Jelutong pun diam ini. Yang Berhormat Jelutong pun diam, Yang Berhormat Jelutong pun tak setuju saya percaya. Yang Berhormat Jelutong pun tidak setuju.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Ketawa] [Pembesar suara dimatikan]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya minta supaya *floor* ini, *floor* Yang Berhormat Sungai Petani. Minta jawapan daripada Yang Berhormat Sungai Petani.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Adapun isu-isu lain akan dijawab oleh Yang Berhormat Menteri, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baiklah.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Saya hendak sebut di sini beberapa peraturan yang Yang Berhormat Menteri harus ambil kira supaya seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Santubong tadi bahawa, selepas peraturan ini, harus ada dalam *clear cut*. Jelas sejelasnya peraturan-peraturan yang harus diikuti supaya jangan ada lagi kita teragagau-gagau, apakah yang kita hendak buat?

Seperti cadangan-cadangan saya tadi, yang pertama sekali, bahawa harus ada satu garis panduan yang jelas. Adakah pengisytiharan itu setiap tahun? Tarikh *cut off* nya bila? Kedua, harus diletakkan liabiliti, bukan sahaja harta, tetapi juga liabiliti supaya *public* dapat tahu bahawa kita ada *X amount of* harta, kita juga ada *Y amount of liability*. Ketiga, harus ada kaedah di mana seperti yang saya katakan tadi – bahawa garis panduan yang jelas juga tentang isteri, adakah satu? Adakah dua? Adakah tiga? Untuk anak, *cut off age* sebagaimana yang Yang Berhormat Menteri sebut tadi. Supaya ini semua, apabila kita buat siap, kita tidak lagi teragagau-gagau supaya jelas bahawa apa juga yang kita buat itu bersangkutan dengan keputusan kita untuk mengisytiharkan harta.

Kita amat jelas, pengisytiharan harta ini amat bukan sahaja baik yang kita, tetapi untuk masa hadapan, generasi akan datang bahawa setiap kita akan faham bahawa sebaik sahaja kita memang pilihan raya, melangkah kita ke Dewan ini, kita rasa jelas bahawa inilah harta kita, kita jelas tindakan-tindakan yang kita akan buat berpandukan kepada peraturan dan undang-undang yang semua kita setuju dan luluskan di Dewan yang mulia ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih. Seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Kota Bharu, ada 15 minit.

12.45 tgh.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. saya ada 15 minit betul-betul. Terima kasih rakan-rakan sekalian daripada sebelah sana dan juga sebelah sini. Saya bangun pada hari ini, untuk membahaskan

usul ini yang disebut di dalam media massa sebagai Usul Khas. Saya tidak tahu di mana wujudnya Usul Khas. Usul adalah usul lah. *Special motion*, dikatakan dalam akhbar. Jadi, saya bangun dengan satu kekesalan yang amat sangat Tuan Yang di-Pertua.

Pertama, ini kerana usul ini sepatutnya tidak perlu diberikan keutamaan kerana terlalu banyak lagi perkara-perkara lain yang ada kepentingan rakyat jelata yang perlu diutamakan. Itu satu. Keduanya, bagi saya – saya bersetuju sangat dengan Yang Berhormat Santubong dan juga Yang Berhormat Kuala Krau tadi. Kalau tadi Yang Berhormat Menteri memetik usul ini dibentangkan berdasarkan Peraturan Mesyuarat 27(3). Saya hendak soal, adakah Peraturan Mesyuarat 27(3) dipenuhi oleh Yang Berhormat Menteri?

Sebagaimana disebut ini, kalau sekiranya usul biasa, perlu 14 hari notis. Kalau usul yang dibawa atas nama Yang Berhormat Menteri dengan nama Yang Berhormat Menteri dan dikeluarkan memadai dengan tujuh hari – tujuh hari kalau atas nama Yang Berhormat Menteri. Jika sekiranya Tuan Yang di-Pertua, setelah diterangkan kepadanya oleh seorang Yang Berhormat Menteri, faedah kepada orang ramai sesuatu usul, mustahak dibahaskan secara seberapa segera, cukup satu hari notis. Jadi, usul ini, yang mana satu? 14 hari? Tujuh hari? Satu hari? Kalau satu hari, apa kepentingan orang ramai di sini? Apakah perlu disegerakan? Itu saya minta lepas ini boleh jawab.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Menteri bangkit jawab sekarang.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Satu hari pun tidak cukup.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Kuala Krau.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kita melihat – saya setuju sangat dengan Yang Berhormat Santubong. Kita melihat bahawa sebagai Ahli Dewan Rakyat, kita adalah *legislator*, pembuat undang-undang.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Pasal toksik itu yang patut bincang

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Jadi, apa yang penting juga kepada kita ialah dalam membuat suatu undang-undang, kita mestilah membuat dengan izin, *in accordance to the law*. Mestilah mengikut undang-undang. Undang-undang kita ini, sama ada Perlembagaan Persekutuan ataupun Peraturan Mesyuarat. Saya juga

melihat tidak ada di mana-mana kedua-dua *statute* ini yang memperuntukkan usul yang seumpama ini boleh dibawa ke dalam Dewan ini.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Kota Bharu, Yang Berhormat Kota Bharu.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak teruskan. Ya.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Kuala Krau..Saya hendak tanya lah, kalau sebut usul di bawah Peraturan Mesyuarat 27(3) ini kalau kata 14 hari, tujuh hari, satu hari pun tidak cukup. Tidak mengikut peraturan pun satu hari. Kita baru dapat. Cuma kalau satu lagi disebut, kepentingan orang ramai, mana lebih baik, usul mengenai video, atau usul mengenai pengisytiharan apa itu – jadi pandangan usul mengenai mengisytiharkan pendapatan harta ini.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Ya, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dan masuk dalam ucapan saya. Saya hendak terus kepada *point*. Kita tahu selama ini sama ada kerajaan dahulu, Barisan Nasional ataupun kerajaan sekarang ini, kewajipan ataupun *compulsory* untuk pengisytiharan harta ini dikenakan kepada anggota pentadbiran sahaja. Apa maksud akta pentadbiran? Saya merujuk kepada satu pekeliling Kerajaan Persekutuan yang mentafsirkan apa itu anggota pentadbiran. Anggota pentadbiran, berhubung dengan Persekutuan, bermaksud “*Seseorang yang memegang jawatan sebagai Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen atau Setiausaha Politik dan yang berhubung dengan negeri ertinya seseorang yang memegang jawatan bersamaan di dalam negeri itu iaitu Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan ataupun EXCO kerajaan negeri.*”

■1250

Ini sahaja anggota pentadbiran. Ahli Parlimen dalam mana-mana undang-undang, kita tidak pernah berjumpa Ahli Parlimen ini adalah anggota pentadbiran di dalam sesebuah kerajaan. Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setelah Pakatan Harapan membentuk kerajaan pada bulan Mei 2018, ada pihak-pihak yang mencadangkan kepada Kerajaan PH ini supaya pengisytiharan harta ini dibuat oleh Perdana Menteri, anggota Kabinet, ketua institusi dan sebagainya sebagaimana yang telah disebut oleh pihak *Transparency International Malaysia* (TI-M) dengan presidennya, Datuk Seri Akhbar Satar ini, tarikhnya 21 Mei 2018 selepas penubuhan Kerajaan PH. Beliau mengatakan bahawa Perdana Menteri, anggota Kabinet serta ketua institusi dan jabatan di saran supaya mengisytiharkan harta kepada SPRM bagi

memastikan ketelusan. Seterusnya, TI-M ini menyebut perlunya kepada pengisytiharan ini kerana— ini penting ya. Saya *quote*, “*pengisytiharan harta ini juga bagi mengelakkan berlakunya pertelingkahan kepentingan*”, dengan izin, *conflict of interest*.

So, dalam hal ini sama ada Ahli Parlimen kerajaan ataupun Ahli Parlimen pembangkang lebih-lebih lagi, apa percanggahan kepentingan yang ada kepada Ahli-ahli Parlimen sehingga mereka ini diarahkan ataupun diminta supaya diisytiharkan harta, tidak ada. Ini mengikut *Transparency International Malaysia*. Namun demikian, sebagai menyentuh tadi Yang Berhormat Ayer Hitam menyebut apa tujuan sebenarnya disebut oleh sebab kami ini tidak ada kuasa untuk menentukan projek kah, polisi dan sebagainya. Saya hendak *quote* kenyataan Yang Amat Berhormat Langkawi sebagai Perdana Menteri. Dalam satu portal Pejabat Perdana Menteri, ini bukan dalam mana-mana media massa. Perdana Menteri— Yang Berhormat Jelutong dengar. Tajuknya ‘*Isytihar harta termasuk dalam KPI Menteri*’- Tun Dr. Mahathir. Ini dia punya ini. Beliau mengatakan, menurutnya anggota Parlimen pembangkang juga perlu mengisytiharkan harta kerana mereka juga mempunyai kuasa tertentu antaranya mengkritik kerajaan, ini kuasanya. Jadi, oleh sebab kuasa pembangkang ini adalah mengkritik kerajaan, maka dia ada percanggahan kepentingan. Ini Perdana Menteri sebut. Jadi, sebagai yuran, fi— sebagai yuran, mereka juga perlu mengisytiharkan harta katanya sambil menambah, kerajaan perlu melalui Speaker Dewan Rakyat sebelum inisiatif itu dapat dilaksanakan.

Oleh sebab kami ini mengkritik, maka kami dikenakan fi, fi nya adalah isytiharkan harta. Ini kata Perdana Menteri. Tidak ada *point* lain lagi sudah untuk kerajaan di sana meminta Ahli Parlimen, terutamanya pembangkang untuk mengisytiharkan harta. Itu kedudukan. Kemudian sebagaimana tadi disebutkan oleh rakan saya...

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Bharu. Bersetuju kah Yang Berhormat Kota Bharu kalau saya katakan bahawasanya pihak kerajaan yang membawa usul ini telah membuat pentafsiran yang sangat salah, termasuk apabila Menteri sebut kalau tidak *comply* dengan usul, maka boleh dirujuk kepada jawatankuasa. Perkara 80 dalam peraturan telah dengan jelas menyebutkan bahawa yang boleh di rujuk kepada *privilege committee* itu hanya perkara tertentu yang ada kaitan dengan urusan Dewan. Bukan semua perkara boleh dirujuk kepada Jawatankuasa Hak. Kalau benda itu tidak ada punca kuasa Dewan berkaitan dengan perilaku, percakapan, perjalanan sidang, itu tidak boleh hendak dirujuk kepada Jawatankuasa Hak. Kalau seorang Ahli Dewan ‘bersemburit’ misalnya, sebagai contoh. Maka, kebetulan yang ‘bersemburit’ itu katalah pembangkang, maka kerajaan

hendak bawa satu usul kerana dia ada *the numbers*, maka hendak diluluskan usul supaya Ahli yang berkenaan membuat penjelasan kepada Dewan.

[Dewan riuh]

'Bersemburit' rujuk kepada kamus siri empat Dewan Bahasa dan Pustaka. Satu perkataan yang *parliamentary* sebab ia ada dalam istilah rasmi Dewan Bahasa dan Pustaka. Saya bagi contoh. Katalah yang 'bersemburit' itu pembangkang, kerajaan ini ada jumlah yang cukup' maka ia hendak bawa usul, hendak merujuk kepada jawatankuasa *privilege*, tidak boleh Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab Perkara 80 itu menyebut, "*bahawasanya kepada jawatankuasa ini hendaklah diserahkan apa-apa perkara yang nampaknya menyentuh kuasa-kuasa hak dan kebebasan Majlis*". Jadi, yang lain daripada itu tidak boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Terima kasih Yang Berhormat Ketereh.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Jadi, Menteri sudah membuat satu pentafsiran yang sangat salah.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya pun hendak merujuk kepada ucapan Menteri. Selain daripada yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ketereh, Menteri pun ada sebut, kalau kita isytihar tidak betul, kita ini boleh didakwa di bawah Kanun Keseksaan sedangkan ini ialah *separation of power*.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Yang Berhormat Sungai Petani. Yang Berhormat Sungai Petani.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: *Whatever* kita buat di dalam Dewan ini, kita ada imuniti melainkan kita menghasut di bawah peraturan. Jadi, saya pun tidak faham. Menteri ini faham kah tidak faham?

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dia tidak faham.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Apa yang dia bentangkan? Ini Yang Berhormat bersetuju kah tidak?

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Okey terima kasih. Saya bersetuju dengan...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: *Separation of power* kena ada.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Ketereh dengan juga Yang Berhormat Tanjong Karang. Cuma Tuan Yang di-

Pertua, saya hendak sebut sepatutnya saya sebut di akhir. Kalau sekiranya peraturan ataupun usul ini diluluskan, saya berikrar saya orang yang pertama tidak akan patuh kepada *motion* ini dan biar tindakan diambil kerana saya tahu ia adalah satu *irregular*.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya nombor dua.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Semua pembangkang bersetuju.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya nombor tiga.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Bangun, bangun pembangkang. Bangun pembangkang, semua bersetuju.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Semua tidak bersetuju, lawan-lawan.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Satu yang *irregular*.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Kita semua tidak bersetuju. Bangun, bangun. Semua tak setuju. [*Ahli-ahli Pembangkang Bangun*]

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tidak setuju, tidak setuju.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Diminta yang lain duduk.

[*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat...

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Ini hendak buat drama.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Oleh sebab Yang Berhormat Menteri seorang ahli undang-undang.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Ini drama apa ini?

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Tahu *motion* ini...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Bukan drama, *you* yang tidak reti. *Motion* itu pun tidak habis.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: ...usul ini kalau sekiranya diluluskan...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Mana drama, ini ada videolah.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: ...tidak ada, dengan izin, disebut *force of law*.

Seorang Ahli: Yang Berhormat Sungai Petani diamlah.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Tidak boleh dikuasakan mengikut undang-undang. Itu pandangan kita.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Kota Bharu. Minta pencelahan.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Yang Berhormat Kota Baharu, minta mencelah.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Sekejap, sekejap, Yang Berhormat Kuala Ketil, sekejap. Tuan Yang di-Pertua, tadi disebutkan oleh Yang Berhormat Ketereh. Ini kenyataan daripada Tuan Yang di-Pertua sendiri, dengan izin, saya baca *Star Online*, 29 Jun, semalam. '*Speaker says he has no power to punish MPs who fail to declare assets*'. Speaker sendiri tidak ada. Dia kata kena rujuk ke sana. Hendak merujuk Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, tidak ada punca kuasa. Mana hendak dirujuk? Jadi, kita agak malu jika sekiranya kerajaan meneruskan perkara ini.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Yang Berhormat Kota Bharu.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Seterusnya...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tarik baliklah usul, tarik baliklah usul. Malulah.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Menteri, malulah. Tariklah, tarik lah Menteri.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Saya hendak...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya hanya membenarkan Yang Berhormat Ketereh. Yang Berhormat Kota Bharu teruskan.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Saya juga Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Kota Bharu teruskan, maaf.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Saya juga Tuan Yang di-Pertua sempat melayari...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Kota Baharu.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Sekejap, sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila duduk.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Saya sempat melayari satu portal rasmi kerajaan iaitu Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS). Dalam ini disebutkan mengenai pengisytiharan harta dan satu persoalan yang dibangkitkan, apa jenis harta yang perlu diisytiharkan. Jawapan dalam portal ini menyebut yang pertama, jenis harta tidak alih - tanah, kediaman, bangunan. Keduanya, jenis harta alih - wang tunai, saham, lesen-lesen permit yang diperoleh dan sebagainya. Ini yang perlu diisytiharkan. Kemudian- ini penting. Saya telah melayari satu portal iaitu di bawah SPRM yang bertajuk portal ini mengenai portal pengisytiharan harta. Saya melihat di dalam portal ini seramai 152 orang Ahli-ahli Parlimen daripada pembangkang yang telah mengisytiharkan harta, termasuk juga pegawai-pegawai daripada kerajaan maaf, daripada pihak kerajaan yang mengisytiharkan harta ini.

Saya hendak tahu daripada Yang Berhormat Menteri, setelah mereka yang telah mengisytiharkan harta ini dengan jumlah aset yang telah dicatatkan dan disiarkan di dalam portal ini, setakat ini apakah tindakan yang ada, jika ada telah diambil oleh pihak berkuasa, khususnya SPRM dan juga LHDN terhadap pengisytiharan harta yang luar biasa mengenai seorang Ahli Parlimen ataupun Menteri. Saya hendak sebut beberapa contoh, sebab dalam ini ia tidak sebut kawasan Parlimen. Saya hendak sebut. Nombor 89, Yang Berhormat Dato' Seri Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir. Ia kata pendapatan bulanannya RM105,000. Dia Menteri Besar Kedah, termasuk dalam itu dan dia punya jumlah asetnya RM25,170,000. Itu satu. Apakah tindakan yang telah diambil? Begitu juga kepada- ada di sini. Yang Berhormat Dato' Sri Mustapa bin Mohamed, jumlah pendapatannya RM57,700 sebulan tetapi jumlah asetnya RM5,000,079 atau RM5.079 juta. Adakah ia disiasat? Ketiga, saya tidak hendak baca habis sebab banyak lagi yang ketiga. Ini penting ya.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat...

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Yang Berhormat Jelutong kena dengar.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Kita panggil isytiharkan harta.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Saya tanya Yang Berhormat Menteri, penjelasan. *You are not Minister.*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Boleh minta penjelasan.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Yang ketiga...

[Dewan riuh]

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kita bercakap tentang pengisytiharan harta, apa kena mengena?

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Ketiga...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Apa kena mengena?

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Ketiga...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kita berbahas tentang pengisytiharan harta. Kalau tidak berani isytihar...

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: *[Menyampuk]* Orang yang isytihar itu jangan dipertikai.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *Come on lah you are lawyer, man.* Bodoh lah.

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Diam. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat Kota Bharu teruskan.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Terakhir Tuan Yang di-Pertua, seorang yang bernama Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Santhara Kumar a/l Ramanaidu. Dia punya pendapatan RM45,000 sebulan dan jumlah asetnya RM132,115,000. Adakah siasatan dibuat? Seorang Ahli Parlimen biasa. Terakhirnya, saya juga hendak minta penjelasan seorang yang bernama Yang Berhormat...

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Itu adalah sebelum menjadi Ahli Parlimen, dia punya harta.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Yang Berhormat Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji. Pendapatan dia RM37,800 sebulan dan jumlah aset kosong. Kosong. Adakah ini adalah suatu pengisytiharan yang betul kepada pengisytiharan ini?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Itu lama.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Biar Yang Berhormat Menteri menjawab.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Oleh sebab itu saya kata lama, sekarang sudah isytihar.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih.

[Dewan riuh]

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Sudah kenalah Yang Berhormat Jelutong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat— Yang Berhormat Kota Bharu, sekejap. Sekejap, sekejap, sekejap. Gulunglah, gulung. Ahli-ahli Yang Berhormat...

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Akhirnya, saya mengatakan bahawa...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Kota Bharu sekejap.

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya minta supaya menggulung kerana masa telah tamat. Sila.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Saya bagi pihak pembangkang, kita menolak usul ini atas dasar *irregularity* dan tidak mengikut peraturan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Bharu. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa telah cukup untuk kita pergi berehat. *[Dewan riuh]*

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.03 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) mempengerusikan Mesyuarat]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli-ahli Yang Berhormat, perbahasan usul disambung semula. Seperti yang diputuskan oleh Tuan Yang di-Pertua, setiap Ahli Yang Berhormat diperuntukkan masa 10 minit. Sekarang, saya menjemput Yang Berhormat Sandakan. Sila.

2.33 ptg.

Cik Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan pengisytiharan harta bagi Ahli Parlimen Kerajaan dan Anggota Pentadbiran negara di Malaysia. Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Pakatan Harapan, WARISAN dan UPKO serta rakyat di Sandakan atas sokongan yang diberikan dalam PRK Sandakan. *[Tepuk]*

Dengan prinsip akauntabiliti dan ketelusan, semua Ahli Dewan Rakyat hendaklah mengisytiharkan harta mereka termasuk isteri atau suami, anak dan pemegang amanah

dalam Akuan Berkanun. Saya menyokong sepenuhnya usul ini sebagai sebahagian daripada usaha Kerajaan Pakatan Harapan untuk memerangi rasuah di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai salah satu daripada 166 negara yang telah meratifikasikan Konvensyen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Memerangi Anti Rasuah (*United Nations Convention Against Corruption*) sudah tiba masanya untuk kita tunjukkan kepada dunia keazaman kita dalam memerangi rasuah untuk menjadikan negara kita yang sebelum ini terkenal dengan kleptokrasi kepada negara yang dihormati oleh masyarakat global dari segi usaha anti rasuah.

Biarpun ia hanya satu unsur ataupun undang-undang, ia adalah sangat penting untuk dilaksanakan demi menolak persepsi rasuah di negara kita. Bagi menunjukkan masalah ini, Malaysia dianggap tersenarai di kedudukan 50 daripada 180 buah negara dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) pada tahun 2014. Kemudian kedudukan kita turun daripada tangga 50 hingga 52 pada tahun 2015, menjadi 55 pada tahun 2016 dan turun lebih jauh kepada 62 pada tahun 2017 merupakan kedudukan paling rendah yang kita capai dalam sejarah.

Malah, saya akan terus menggesa kerajaan dan untuk mengelakkan sebarang usaha *tokenistic* untuk melaksanakan pengisytiharan aset, pengisytiharan aset hendaklah meliputi aset dan pendapatan pegawai awam, aset dan pendapatan pasangan dan anak yang dia tanggung daripada rumah, barang berharga dan portfolio kewangan serta liabiliti seperti hutang dan gadai janji. Semua sumber pendapatan daripada jawatan pengarah dan pelaburan untuk kontrak-kontrak perundingan, hadiah dan sebarang kemungkinan konflik kepentingan seperti kontrak pekerjaan yang tidak dibayar.

Tambahan pula, pengisytiharan aset bukan sahaja perlu dilakukan sebelum dan sesudah pengambilalihan jawatan. Pihak pentadbiran pendedahan aset perlu memantau, mengumpul dan menilai maklumat aset secara berkala untuk menjadikannya alat anti rasuah yang berkesan. Rasuah merupakan penyakit yang serius yang melanda masyarakat kita. Malah, bekas Ketua Pesuruhjaya SPRM telah mengisytiharkan rasuah sebagai musuh awam nombor satu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan, rasuah memberi impak yang besar kepada semua lapisan masyarakat. Rasuah juga merompak pembangunan negara dan menjejaskan sentimen dan keyakinan para pelabur. Ia memberi kesan kepada aliran FDI ke negara kita dan secara langsung menjejaskan potensi pertumbuhan ekonomi kita.

Oleh itu, rasuah menjejaskan kehidupan setiap rakyat Malaysia. Sebagai contoh, projek Saluran Paip Gas Trans-Sabah. Sebanyak 88 peratus daripada jumlah kos projek tersebut sudah dibayar tetapi hanya 11.4 peratus daripada kerja-kerja telah dilaksanakan. Hasilnya, Sabah terutamanya bandar-bandar pantai timur masih mengalami masalah bekalan elektrik yang tidak stabil walaupun RM3.5 bilion telah dibelanjakan. Ini termasuk kes-kes di mana beratus-ratus juta wang ditemui di almari dan laci pejabat dan rumah pegawai kerajaan.

Isu yang lebih berkenaan dengan Sandakan. Kerajaan sebelumnya telah belanja lebih daripada RM24 juta untuk Terminal Bas Bersepadu di Sandakan. Selepas empat tahun pembinaan, terminal yang dinanti-nantikan masih tidak boleh digunakan disebabkan masalah dasar pembangunan yang gagal. Sampai sekarang, semua rakyat Sandakan masih bertanya, bila masanya terminal bas dibuka untuk kegunaan.

Ketelusan serta pendedahan penuh aset yang dipilih kepada awam dan pegawai kerajaan akan terus berusaha bagi meningkatkan keyakinan rakyat Malaysia dalam integriti, akauntabiliti, amanah dan tadbir urus yang baik di dalam pentadbiran dan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia harus bertindak sekarang agar tidak ketinggalan dengan negara lain dalam pemacuan anti rasuah kita. Australia telah melakukannya melalui undang-undang dan peraturan konflik kepentingan sejak tahun 1983 dan New Zealand melaksanakan deklarasi aset dengan *Standing Orders 2008* melalui Dewan Rakyat. Di Jepun, mengikut Undang-undang Etika Perkhidmatan Awam Negara 1999, pegawai awam perlu memfailkan laporan untuk hadiah yang diterima lebih daripada USD45. Malah jiran kita Thailand juga melakukannya melalui Undang-undang Organik 1999 mengenai pencegahan rasuah apabila ia berkaitan dengan pengisytiharan aset dan pendedahan pemegang jawatan.

Kita mesti bertindak dengan cepat dan tegas untuk menunjukkan kepada dunia bahawa kita serius dalam memerangi rasuah. Bayangkan kesemua wang kerajaan dan rakyat disalurkan dan digunakan dengan waras tanpa salah guna. Sandakan sebagai contohnya boleh menjadi bandar yang lebih makmur dan dilengkapi dengan kemudahan seperti air dan elektrik yang stabil dan mencukupi, infrastruktur yang lebih maju, *airport* antarabangsa, pusat OKU yang berstandard, pusat aktiviti untuk warga emas dan kemungkinan taraf kemajuan Sabah boleh setanding Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, wakil-wakil yang dipilih dan pegawai-pegawai awam bukan sahaja harus bebas rasuah tetapi juga harus dilihat sebagai bebas rasuah. Ini adalah satu-satunya cara untuk menggerakkan Malaysia baharu ke hadapan.

■1440.

Saya ingin menyeru dan mendesak semua anggota Parlimen untuk menyokong usul ini. Jikalau semua Ahli Parlimen dan anggota pentadbiran negara adalah bersih, jujur dan amanah jadi tiadalah sebab untuk bantah usul ini. Sekian, terima kasih. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Sandakan atas ucapan pertama, *your maiden speech* di Dewan yang mulia ini. Sekarang saya menjemput...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tuan Yang di-Pertua. Sebagai ucap kali yang pertama, boleh tidak saya hendak ada kemukakan soalan kepada beliau? *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Bila bas sudah berhenti, baru hendak naik bas sudah lewat. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Pengerang. Sila.

2.40 ptg.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang begitu pandai berpantun-pantun. Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya hendak memberikan *clarification* sedikit dan juga hendak membetulkan Yang Berhormat Sandakan yang baru dalam Dewan.

Sebenarnya, Pembangkang tidak membantah kepada kewujudan inti pati usul ini sebenarnya. Pembangkang bersetuju dan saya rasa kalau kita dengar daripada Yang Berhormat Santubong, Yang Berhormat Kota Bharu dan macam-macam dalam soalan persetujuan itu ada tetapi yang dipersoalkan ialah kemasukan usul.

Ini adalah kerana kita melihat daripada Peraturan-peraturan Mesyuarat, Tuan Speaker kalau kita tengok daripada 76, 77, 78, 79 dan 80 kita lihat bahawa perlunya – walaupun usul ini hendak diwujudkan, saya menasihati Yang Berhormat Menteri untuk tarik balik usul ini dan membuat pindaan di dalam Peraturan Mesyuarat supaya apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri bahawa kegagalan daripada dengan izin, *to comply* dalam objektif untuk *asset declaration*, dengan izin bererti bahawa tindakan susulan boleh dilakukan bukan sahaja membawa dalam Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Jadi sebenarnya saya hendak terangkan sekali lagi bahawa pembangkang

tidak membantah tetapi mempersoalkan kewujudan usul ini yang dianggap sebagai tergesa-gesa dalam pendekatan yang salah.

Keduanya, saya ingin merujuk kepada negara-negara yang disebut dalam perbahasan ini. Banyak negara sekarang ini Ahli-ahli Parlimen memang terlibat dalam membuat deklarasi harta. Ini bukan perkara yang baru. Kalau kita tengok Kerajaan Barisan Nasional yang memerintah dahulu, pada tahun 2004 Yang Berhormat Menteri sendiri menyedari tentang kewujudan *Code of Ethics for Government Backbenches 2004*. Juga kalau kita lihat kepada pentadbir-pentadbir sebagai Menteri dan Timbalan Menteri, wujud juga *Code of Ethics of Members of Administration* dalam tahun 2009. Maknanya benda ini bukan perkara baru.

Jadi kalaulah pihak kerajaan dalam suara Yang Berhormat Menteri dan semua yang menjadi Ahli Yang Berhormat nyatakan seolah-olah pihak pembangkang tidak bersetuju kepada usul ini kerana takut untuk mendeklarasikan harta. Kononnya takut sebab kononnya banyak yang hendak disembunyikan. Saya rasa ini sesuatu tindakan dan kenyataan yang tidak betul dan tidak adil. Itu sebabnya saya banyak kali telah bangun tanya kepada beberapa Yang Berhormat, alangkah cantiknya kalau wujudnya satu rang undang-undang yang baru khas untuk mendeklarasi harta. Tidak ada salahnya Tuan Yang di-Pertua, mengambil kira bahawa kita mempunyai 18 hari persidangan Dewan. Tidak ada salahnya kalau kita tengok pindaan kepada Akta SPRM sendiri, supaya apabila pindaan ini dilakukan secara tidak langsung kegagalan untuk *comply*, dengan izin boleh dinyatakan dalam akta yang baru ataupun di dalam pindaan kepada Akta SPRM.

Secara tidak langsung, apabila kerajaan membuatkan usul ini di bawah usul di mana Jawatankuasa Hak dan Kebebasan yang akan bertindak kepada mereka yang gagal, kerajaan seolah-olah melepaskan batuk di tangga. Yang Berhormat Speaker memang fasih dalam pantun-pantun ini memahami maksud saya, "Melepaskan batuk di tangga". Jadi kalaulah keberkesanan niat untuk deklarasi ini tidak mempunyai keberkesanan yang sebenarnya, jadi saya melihat bahawa usul yang dibawa ini akan membawa kegagalan. Oleh sebab kita tahu bahawa *asset declaration* ini dengan niat dipamerkan supaya tidak wujudnya salah laku daripada mereka yang berjawatan dalam politik. Itu sebabnya Kerajaan Barisan Nasional dahulu, pentadbir-pentadbir dan juga Ahli Parlimen membuat deklarasi.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: *[Bangun]*.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Jadi, poin kedua saya ialah kepada Tuan Speaker kepada Yang Berhormat Menteri, walaupun betul hendak diadakan deklarasi, soalan seterusnya ialah kenapa tidak melalui rang undang-undang tersendiri ataupun dalam pindaan kepada akta-akta yang wujud, itu poin saya yang pertama.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Pengerang.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Sekejap ya, saya masuk poin saya. Poin saya yang kedua ialah walaupun hendak mendeklarasi, kenapa tidak potongkan kepada tarikh apabila seseorang itu menjadi Ahli Parlimen? Maknanya sebelum dia menjadi Ahli Parlimen tidak dilibatkan kerana kadang-kadang ada orang seperti contoh yang disebut oleh Yang Berhormat Kota Baharu, yang ada itu mempunyai kekayaan yang begitu hebat kemungkinan didapati sebelum menjadi Ahli Parlimen. Jadi kita perlu berlaku adil, Tuan Speaker.

Poin yang ketiga saya ialah anak-anak. Saya dimaklumkan, saya dengar Yang Berhormat Menteri kata, anak umur 21 tahun ke bawah dalam tanggungan. Isteri-isteri itu saya tahulah dan juga bekas isteri tidak dimasukkan. Akan tetapi, kenapa anak bawah 21 tahun sahaja? Kenapa tidak anak-anak yang berniaga ataupun bekerja? Oleh sebab kadang-kadang Tuan Speaker, kalau hendak bercakap tentang rasuah mana-mana pihak, ahli keluarga, kadang-kadang tidak semesti anak baru 21 tahun, mungkin yang lebih umur 21 tahun, mungkin menantu, mungkin anak saudara, mungkin sepupu, mungkin cucu. Jadi perkara ini kalau betul hendak buat deklarasi bagi saya perlulah deklarasi tersebut dibuatkan dalam keadaan yang betul-betul menangkap kepada *preventive manner*, dengan izin. Silakan, Yang Berhormat Pendang.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Terima kasih Yang Berhormat Pengerang, terima kasih Tuan Speaker. Saya hendak dapat penjelasan berkenaan dengan apa bezanya pindaan rang undang-undang dengan usul *motion* yang di bawa pada hari ini berkenaan dengan *declaration of asset* ini. Adakah usul ini katakanlah diluluskan dan kita tidak *declare*, adakah tindakan boleh diambil? Seperti mana Akta 9 SPRM yang mana boleh terus mendakwa mereka yang melanggar undang-undang. Kita juga telah menjelaskan segala aset-aset kita kepada Lembaga Hasil Negara kerana kalaulah kita menipu dalam *declaration* ini, Lembaga Hasil Negara boleh buat *charge double* lagi kepada kita, itu yang pertama.

Keduanya, kita tengok berkenaan dengan usul ini. Sekiranya kita tidak mengisytiharkan semua Ahli Pembangkang, perbezaan di antara Perdana Menteri,

Timbalan Perdana Menteri, Menteri dan juga Setiausaha Parlimen dan juga pegawai-pegawai kerajaan yang tidak dibenarkan berniaga. MP tidak ada di dalam SOP ini yang mengatakan boleh berniaga atau tidak boleh berniaga tidak terlibat dalam hal ini. Jadi maknanya kita usul yang dibawa ini kita tengok satu macam ada satu *angle politic* yang telah dibuat untuk kita semua bersetuju. Jadi saya minta pandangan daripada Yang Berhormat Pengerang.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Terima kasih, Yang Berhormat Pendang. Sebenarnya apa Yang Berhormat sebut itu memang begitu tepat sekali. Oleh sebab kalau kita tengok di United Kingdom, *Register of Members' Interests* ia ditubuhkan di bawah *House of Commons*, dengan izin. Kemudian di Kanada *The Conflict of Interest Code for Members of The House of Commons* sebagai contoh. Kemudian juga yang berlaku di Indonesia sebagai contoh, yang disebut sebagai Komisi Pemeriksaan Tahun 1999 yang mana dinyatakan bahawa apabila pendedahan ini perlu dilakukan dalam bukan sahaja kepada badan eksekutif, *legislator* tetapi juga kepada perundangan. Maknanya kita ini dalam kategori *legislative*.

Jadi sekarang memang saya bersetuju dengan Yang Berhormat Pendang dan juga kepada Yang Berhormat Speaker, adakah kerana mungkin kerajaan berniat jahat? Adakah kerana kerajaan berniat untuk mengaibkan? *Intention to embarrass* sebab dia tahu di dalam usul ini kuasa yang ada pada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan adalah kuasa yang sebenarnya tidak wujud. Oleh sebab kalau kita tengok dalam Peraturan Mesyuarat yang saya sebut tadi, tidak ada kena-mengena dalam elemen *declaration of asset*.

Jadi saya menasihati Yang Berhormat Menteri, tarik balik, buat pindaan kepada Peraturan Mesyuarat. Mungkin itu langkah yang pertama. Kedua, kalau dia tidak mahu membuat Peraturan Mesyuarat perlu dia membuat pindaan kepada undang-undang ataupun mewujudkan undang-undang yang baru kerana dengan adanya undang-undang baru, dengan adanya pindaan kepada Akta SPRM sebagai contoh, menunjukkan bahawa niat sah kerajaan melakukan tindakan kepada mereka yang tidak mahu *declare asset*, dengan izin. Akan tetapi yang berlaku pada hari ini, hanya kuasa yang kononnya boleh menyita atau memberikan tindakan kepada Ahli Parlimen melalui Jawatankuasa Hak dan Kebebasan yang bagi saya agak tidak adil sebab pertama punca kuasanya tidak ada...

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Yang Berhormat, boleh saya mencelah?

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Boleh, biar saya habiskan. Pertama, punca kuasa tidak ada. Kedua, bagi saya ia akan menggagalkan niat kerajaan. Mungkin niat kerajaan niat yang murni kononnya hendak membantu supaya rakyat tahu bahawa Ahli Parlimen semuanya bersih. Saya bersetuju tetapi caranya perlu diperbetulkan. Silakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila Yang Berhormat Petaling Jaya.

■1450

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Terima kasih. Saya hendak tanya ya, kerana bolehkah kita melihat ya, *asset declaration* ini adalah satu tujuan yang lebih luas daripada yang mana kita hendak menghalang *conflict of interest*, konflik kepentingan di antara kerajaan dan juga Ahli Parlimen mengenal pasti hasil kekayaan haram dan kesalahan lain. Kita ada latar belakang 1MDB yang mana kita sudah nampak bagaimana *abuse of power* boleh berlaku kalau kita hendak menghentikan korupsi di Malaysia. Mungkin ini adalah satu langkah yang pertama dan ini adalah langkah yang bukan memastikan semua MP *declare assets* tetapi ini adalah sukarela. Kalau kita hendak membina sebuah negara yang baharu dengan prinsip yang lebih telus dan menghormati tentang *ending a corruption*, mungkin kita boleh nampak ini adalah satu langkah yang baik dan menuju ke sebuah negara yang komited kepada *anticorruption*.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila Yang Berhormat Pengerang.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Terima kasih Yang Berhormat Petaling Jaya. Saya menyatakan daripada tadi bahawa pihak pembangkang tidak membantah, *we are not opposing*, kita tidak membantah pada niat *for declaration*, tidak ada masalah langsung. Akan tetapi seperti kata Yang Berhormat Santubong dan Yang Berhormat Kota Bharu, punca kuasa mesti betul. Bererti yang saya menasihati Yang Berhormat Menteri, kalau hendak buat, buat cara betul. Pertama, pindaan pada mungkin Akta SPRM sebagai contoh. Kedua, saya cadang undang-undang baharu sebagai contoh. Ketiga, saya pun cadang buatlah pindaan pada *Standing Order* supaya tindakan boleh dilakukan.

Jadi apa Yang Berhormat Kota Bharu beritahu Yang Berhormat Petaling Jaya ialah kalau kita laksanakan usul ini, kemungkinan berjaya hari ini sebab Yang Berhormat

daripada parti kerajaan yang mempunyai ramai wakil rakyat, memang boleh. Akan tetapi keberkesanan itu mungkin gagal kerana Jawatankuasa Hak dan Kebebasan tidak mempunyai kuasa. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua sendiri mengaku bahawa tidak ada kuasa. Jadi kita hendak membantu kerajaan. Itu sebab *submission* saya hari ini Tuan Yang di-Pertua, kita hendak bantu kerajaan, nasihat saya pada sahabat saya Yang Berhormat Menteri, buatlah cara yang betul, buatlah tindakan yang betul, pindaan kepada Peraturan Mesyuarat ataupun wujud undang-undang baharu ataupun pindaan pada Akta SPRM kerana kita mempunyai masa, 18 hari untuk membuat pindaan kah, akta undang-undang baharu kah, *Standing Order* kah dalam pada sesi ini. Itu yang saya kata.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Pengerang, sikit.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Pertama tidak ada bantahan. Jadi jangan...

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Pengerang.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Sekejap. Jangan salah sangka bila Ahli-ahli Parlimen pembangkang bercakap seolah-olah kita membantah. Masalah 1MDB tidak semua Ahli Parlimen terlibat. Tidak semua kami yang terlibat, ada yang tidak terlibat. Dalam 41 nama itu bukan kami semua yang terlibat. Ada yang tidak terlibat. Jadi jangan harapkan, jangan kata orang disebabkan oleh satu orang, dianggapkan semua itu sama. Silakan sahabat saya.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Terima kasih Yang Berhormat Pengerang. Jadi bolehkah kami menganggap mengikut apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Pengerang, tidak ada bantahan terhadap usul ini, persetujuan ramai-ramai akan usul ini, usul yang dibentangkan, *that you have no objection. No, this has to be said, this is to be cleared.*

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Yang Berhormat...

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *So you have no objection, do you agree?*

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: ...Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *Second question about Yang Berhormat Pengerang it's very quickly.*

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Yang Berhormat, Yang Berhormat saya ada lagi satu minit, saya ada lagi satu minit 52 saat, saya tahu.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Boleh kita menganggap usul ini adalah langkah pertama kepada semua cadangan-cadangan Yang Berhormat tadi.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Yang Berhormat, betul, betul.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *It's a first step to all your suggestion that you made.*

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Yang Berhormat, *this is my floor.* Saya faham.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Tadi Yang Berhormat Pengerang bagi cadangan yang baik.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Saya faham, Yang Berhormat saya faham yang...

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: ...Akan tetapi ini adalah ...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang ini langgar peraturan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Okey, Yang Berhormat Arau sila duduk.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Ini Tuan Yang di-Pertua baru kah?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Batu Kawan sila duduk.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Pengerang, yes cadangan itu...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Batu Kawan sila duduk.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *Thank you.*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila Yang Berhormat Pengerang, teruskan.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Yang Berhormat tadi saya guna contoh gigit...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Mic, mic* pasang balik.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Mikrofon tutup. Saya guna contoh gigit. Bererti maksud saya, hendak gigit, gigitlah betul-betul. Janganlah gigit main gigit, mamah-mamah macam orang tidak ada gigi. Jadi di sini usul ini salah, niat baik, cara salah. Itu sahaja. Jadi kalau hendak buat, tarik balik usul, masuk rang undang-undang baharu atau pindaan pada Akta SPRM, kita bahas semula. Barulah tindakan boleh dikenakan ke atas Ahli Parlimen yang tidak *comply*, itu saja punca kuasa. *How do your aspect us to support an illegal motion*, itu sahaja? *Motion* ini, usul ini tidak sah sebab tidak akan mempunyai keberkesanan, bukannya kami membantah. Kalau Yang Berhormat mengatakan bahawa ini akan mengurangkan rasuah, mungkin *insya-Allah* mengurangkan rasuah. Akan tetapi Yang Berhormat rasuah ini dalam banyak-banyak cara Yang Berhormat, tidak semestinya dari segi wang ringgit, macam-macam.

Itu sebabnya, [*Disampuk*] itu masalah peribadilah. Semburit saya pun tidak tahu apa benda itu. Apa yang saya tahu Tuan Yang di-Pertua, saya hendak katakan pada hari ini, kalau hendak buat Yang Berhormat Menteri Undang-undang, buatlah betul-betul. Buatlah supaya Ahli Parlimen dapat membantu kerajaan daripada dua-dua pihak.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila menggulung.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Jangan buat sekadar hendak buat kerana mengejar populariti sahaja, menjadi populis kepada rakyat kononnya, sudah janji pada rakyat. Banyak lagi tidak ditunai kepada rakyat. Janganlah kita hendak terkejar-kejar benda yang kita pegang tercicir. Dengan itu Yang Berhormat Pengerang tidak menyokong kerana usul dilaksanakan dengan cara yang tidak sah. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Pengerang. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Hulu Langat. Masa 10 minit. Sila.

2.55 ptg.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa sedikit senario tentang sifat-sifat kemanusiaan. Ada masanya kita lakukan sesuatu aktiviti perbuatan berdasarkan kerana peraturan dan undang-undang dan ada masanya kita lakukan secara sukarela. Dalam konteks ini, satu semangat yang ingin kita bawa iaitu melakukan satu galakan, satu kempen besar-besaran supaya Ahli-ahli Parlimen tidak merasa berat, tidak merasa tertekan untuk mengisytiharkan harta

mereka supaya perkembangan dan pergerakan harta itu dapat dikesan dan diketahui oleh kerajaan melalui penguat kuasa yang mempunyai autoriti.

Sebelum daripada itu, saya juga ingin mengambil kesempatan sebenarnya umat Islam dan juga masyarakat lain, mereka dididik untuk mengenal pasti pergerakan harta yang dimiliki. Mereka tidak ada pun yang mengatakan bahawa ini Tuhan bagi rezeki ini tetapi mereka kena dengan jelas melakarkan sumber-sumber rezeki mereka. Sebagai contoh, ini rezeki sebab upah titik peluh saya, ini rezeki sebab untung perniagaan saya, ini ialah hasil saya ada barang, saya sewakan, ini untung daripada hasil sewaan saya. Saya mewarisi daripada harta keturunan saya. Ini hadiah ataupun hibah yang diberikan kepada saya ataupun satu contoh yang lain saya terjumpa barang ini. Dalam ilmu fiqah dipanggil *luqatah* iaitu terjumpa dan dia pun mengisytiharkan ada siapa punya ini, kalau tidak ada dia layak untuk memiliki sementara belum ditagih oleh tuan punyanya, tetapi ia mengikut prosedur dan peraturan-peraturan yang tertentu.

Kita hendak supaya kejelasan kita memiliki sesuatu harta itu jelas sehingga kita berani mengatakan bahawa harta yang kita miliki itu halal. Namun begitu walaupun harta itu halal, saya ingin membawa satu kisah dan saya tidak menjadikannya satu hujah untuk mengeluarkan hukum, tetapi sekurang-kurangnya satu peristiwa di mana seorang pemimpin negara Islam, Khalifah Umar Al-Khatib telah melantik seorang amil zakat untuk memungut zakat di satu kawasan. Kawan tadi pergi menjalankan tugasnya dan pada waktu yang sama dia mengambil kesempatan untuk berniaga ketika dia berada di kawasan itu. Bila dia kembali, dia membawa sejumlah harta, sebahagian harta itu dimasukkan ke baitulmal milik kerajaan dan sebahagian dibawa balik ke rumah. Sayidina Umar sebagai ketua negara ingin mengetahui daripada mana punca harta pemungut zakat yang telah dilantik itu. Lalu diceritakan, saya berniaga Ini saya berniaga saya untung, yang itu harga zakat saya pulang pada negara. Sayidina Umar mengatakan bahawa harta yang kamu dapat dalam perniagaan itu kerana kamu berwajahkan wajah aku sebagai ketua negara dan ia tidak jelas. Walaupun perniagaan itu halal, maka ambil balik modal kamu dan keuntungan itu dipulangkan ke baitulmal kerana kamu pergi atas wajah itu.

Kita hendak supaya anggota wakil rakyat kita apabila terlibat dalam apa saja perniagaan kerana perniagaan sebagai Ahli Parlimen tidak salah. Saya percaya Yang Berhormat Arau begitu banyak perniagaannya. Tidak salah untuk berniaga tetapi jangan takut untuk mengisytiharkan...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Penjelasan.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: ...Kepada satu badan penguat kuasa...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Itu bukan sangkaan jahat.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: ...Yang tidak akan mengganggu perniagaan kita.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak, saya hendak minta penjelasan.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Silakan Yang Berhormat Arau.

■1500

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya minta penjelasan sedikit Yang Berhormat.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Sila. Saya sayang kepada Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat telah...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau mencelah sebab dia kaya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...merujuk kepada pemerintahan Sayidina Omar. Yang Berhormat, Sayidina Omar ambil tindakan kepada orang yang dia bagi jawatan pengutip zakat. Ini anggota pentadbiran, jawatan Menteri, Timbalan Menteri. Mereka telah diberi amanah untuk memegang jawatan dan harta mereka kena disiasat. Kami bukan dilantik oleh Perdana Menteri, Perdana Menteri cuma melantik puak-puak Yang Berhormat. Kami orang lain. Jadi, bagaimana kamu hendak paksa kami...

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Dipilih oleh rakyat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, dipilih oleh rakyat tetapi kami bukan berketuakan kepada ketua Yang Berhormat. Kami ada ketua kami. Kalau kami hendak isytihar, kami isytihar kepada ketua kami. Kalau isytihar kepada Tuan Yang di-Pertua pun, Tuan Yang di-Pertua bukan dilantik oleh kami, dilantik oleh majoriti Yang Berhormat. Jadi Yang Berhormat, kalau hendak buat pindaan, kami sokong...

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: *Point taken*, saya dengar. Boleh *stop* di situ.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sekejap. Akan tetapi kalau Yang Berhormat hendak rujuk pada Sayidina Omar, Yang Berhormat kena ingat, kami juga

ada pakar-pakar di sini. Sayidina Omar rujuk kepada orang yang diberi jawatan. Kalau Perdana Menteri beri jawatan...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau cuba ringkaskan, jangan ambil kesempatan untuk berdebat.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Saya faham *point* itu, terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...ataupun Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri beri jawatan...

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya...

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Yang Berhormat Hulu Langat.
[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya Yang Berhormat Hulu Langat, silakan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini tanpa diberi jawatan, hendak isytihar apa?

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Okey, terima kasih Yang Berhormat Hulu Langat...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat pilih kasih.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Tadi Yang Berhormat Arau ada berkata bahawa beliau tidak mahu isytihar kepada Perdana Menteri kerana itu bukan bos dia. Akan tetapi bukankah bos kita adalah rakyat dan pengisytiharan terbuka ini adalah pengisytiharan kepada rakyat?

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Sila masukkan dalam sebahagian daripada ucapan saya. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya Yang Berhormat... *[Pembesar suara dimatikan]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau, sila- Yang Berhormat Arau, jika hendak berbahas, sila ikut peraturan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Bukan, bukan. Kenapa dalam usul ini dia *habaq*, dia beritahu isytihar kepada Tuan Yang di-Pertua? Kenapa tak isytihar kepada rakyat? Kita cari *tang* mana rakyat, kerana isytihar kepada rakyat, saya akan isytihar hari ini kepada rakyat. Akan tetapi kita isytihar kepada Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua bukan rakyat. Tuan Yang di-Pertua adalah Ketua Dewan.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Tuan Yang di-Pertua adalah Ketua Dewan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau, sila baca usul baik-baik.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Isytihar kepada SPRM, bukan kepada Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kepada para pembelot negara, sila jangan komen saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila Yang Berhormat Hulu Langat.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengingatkan bahawa saya tadi mengatakan bahawa saya tidak menjadikan ia hujah ataupun untuk ilmu fiqah tetapi saya mengatakan itu *practices* yang berlaku. Seorang ketua negara seperti Khalifah minta menyemak balik bagaimana harta-harta yang dibawa balik itu dan boleh disalurkan ke rumah atau ke Baitulmal. *Practices* ini sangat penting dan sebagaimana yang disebutkan dalam usul ini dan apa yang kami *Backbenchers* telah lakukan, kami mengisytiharkan kepada SPRM. Ia membawa ruang kepada SPRM untuk bersedia menyiasat kami pada bila-bila masa sekiranya mereka curiga kepada kami dan kami pula akan sentiasa berhati-hati, sumber rezeki yang kami dapat itu adalah merupakan satu yang halal dan tidak menyalahi mana undang-undang. Kalau setakat halal tetapi tidak mengikut undang-undang dan peraturan, ia boleh mencemarkan harta itu sendiri. Seperti saya berwajahkan seorang Ahli Parlimen, saya menggunakan pengaruh saya untuk bertemu dengan pegawai-pegawai penjawat awam...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya sokong.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: ...ataupun dengan Kastam atau pun dengan sesiapa sahaja, ia boleh mengganggu...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Oleh sebab itu, atas nama rakyat Malaysia, kami mencadangkan supaya seluruh Ahli Parlimen, 222 ini jangan rasa takut, jangan rasa bersalah, jangan rasa malu untuk mengisytiharkan harta mereka...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, saya sokong.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: ...dan sumber harta mereka itu...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau jangan lebih sudu dari kuah.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: ...melalui SPRM...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya sokong. Bagi penjelasan sedikit.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: ...atau badan penguat kuasa...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau, hendak berucap, minta kebenaran.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, saya sokong ini.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: ...yang mempunyai kuasa dan peluang untuk menyiasat.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Kita ada Peraturan 35(1).

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya sokong.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Saya tidak bercakap dari segi hukum hakam Fiqah, saya bercakap dari segi *practices*, pengalaman sebuah pemerintahan dan kerajaan negara.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya. Ustaz, ustaz, penjelasan sedikit Yang Berhormat.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Mohon laluan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat sebut Sayidina Omar telah panggil dan tanya apa yang terjadi kepada harta. Saya hendak tanya, apakah Yang Berhormat Perdana Menteri telah panggil kepada Yang Berhormat Jelutong yang telah membohongi pengisytiharan bahawa dia tidak ada harta, kosong? Apakah tindakan yang diambil Yang Berhormat? Sila jawab.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Saya hendak timbul soal dibangkit oleh Yang Berhormat tadi, soal apakah tanpa pengisytiharan, SPRM tidak boleh buat siasatan? SPRM terbuka, di agensi lain terbuka walaupun tanpa kita buat pengisytiharan. Saya fikir bidang kuasa yang ada telah pun mencukupi untuk pihak berkuasa membuat siasatan kepada mana-mana aset harta yang ia rasa timbul keraguan daripada pihak penyiasat.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Ya, terima kasih.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Hulu Langat, minta sedikit.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Saya percaya bahawa SPRM...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Okey, terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Hulu Langat. Nanti boleh jawab...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Masa tinggal 1 minit sahaja.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Boleh jawab sekali fasal apa yang saya hendak komen ini ada kaitan dengan kenyataan Yang Berhormat Kubang Kerian yang saya baca di media pada hari ini. Kalau tak betul, nanti Yang Berhormat Kubang Kerian boleh betulkan. Ini sebab media memetik kata-kata daripada Yang Berhormat Kubang Kerian mengatakan bahawa seolah-olah Islam tidak menggalakkan ataupun melarang pengisytiharan harta. Akan tetapi dalam satu kenyataan yang sama juga, Yang Berhormat Kubang Kerian mengatakan kalau mengikut landasan undang-undang yang betul, boleh. Jadi sekarang ini, boleh atau tak boleh? Islam galakkan atau tak galakkan sebenarnya?

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Terima kasih. Sebagai menggulung Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan di sini, saya tidak menggunakan hujah itu saya kira hukum Fiqah untuk menentukan wajib tak wajib tetapi saya hendak menunjukkan satu *spirit*, semangat yang ditunjukkan oleh ketua negara bahawa harta yang masuk kepada amil atau pemungut zakat itu ada kuasa pemerintah untuk mengetahui daripada mana punca harta itu. Oleh sebab itu, laporan yang kita akan beri kepada SPRM, SPRM boleh siasat kita pada bila-bila masa. Akan tetapi apa yang pernah terjadi dalam negara ini, ada seseorang yang menafikan sejumlah wang tak ada dalam akaun dia, tiba-tiba dia mengaku ada pula. Sekejap dia kata datang daripada negara Arab, sekejap dia kata untuk parti dia, sekejap dia kata untuk *terrorist*. Saya rasa sekiranya Ahli Parlimen mengisytiharkan sumber hartanya itu seawalnya, maka tidak akan terjadi sebagaimana yang telah terjadi itu. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya. Terima kasih Yang Berhormat Hulu Langat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Bagaimana pula dengan...*[Pembesar suara dimatikan]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau, sekiranya hendak berucap boleh tetapi minta kebenaran. Hafalkan Perkara 35(1) ya. Sekarang- terima kasih Yang Berhormat Hulu Langat. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kubang Kerian, sila.

3.06 ptg.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: *Bismillaahi Rahmaani Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan selamat petang. Tuan-tuan sekalian, di hadapan kita ialah satu usul yang perlu kita meneliti sebagaimana kenyataan sebahagian besar di antara Ahli Parlimen daripada pembangkang bahawa kita bukan menentang Usul ini tetapi mesti mengikut peraturan yang ada. Saya melihat bahawa usul ini pertama sekali dari segi pengisytiharan harta. Secara logiknya, walaupun bertahun-tahun dilaksanakan bahawa yang akan isytihar harta ialah pihak daripada parti pemerintah yang ada akses kepada semua projek-projek kerajaan, bukan kepada pembangkang...

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Minta laluan.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: ...yang tidak ada akses untuk kelulusan dan sebagai, yang tidak mungkin dapat elemen-elemen rasuah dalam setiap projek diluluskan dan sebagainya.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Minta laluan.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Soal harta– Boleh tunggu dahulu, baru mukadimah. Pertama sekali dalam Islam ya, harta ini bukan soal kita hendak bertanggungjawab dengan kerajaan sahaja, kita bertanggungjawab dengan Allah SWT di akhirat. Ada dua aspek yang kalau kita lihat dalam hadis Nabi SAW yang diberi penekanan oleh Rasulullah pada hadis yang masyhur, *[Membaca sepotong hadis] "Tidak akan berganjak tapak kaki manusia di hari akhirat melainkan akan ditanya oleh Allah SWT empat perkara. Pertama, umur ke mana dihabiskan, yang kedua zaman mudanya, yang ketiga ilmunya dan yang keempat hartanya"*. Bila pada harta ada dua elemen yang akan ditanya. Pertama, daripada mana dia dapat harta, diperolehi harta tersebut dan ke mana dibelanjakan. Jadi, persoalan besar kita di sini adalah dua aspek ini yang pihak kerajaan tentu boleh *monitor* dan mempunyai agensi bagi memastikan bahawa di mana sumber harta yang diperolehi. Sebagai contoh, hari ini kita baru baca kenyataan daripada Yang Berhormat Menteri yang mengatakan sesiapa yang membuat pengisytiharan harta palsu boleh dipenjarakan. Saya minta bahawa Yang Berhormat

Jelutong perlu didakwa kerana buat pengisytiharan palsu. Tak mungkin dia kosong harta yang dia ada selama ini.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Minta laluan.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Sila.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Ya. Tadi yang Yang Berhormat Kubang Kerian maklumkan bahawa amalan ialah untuk tidak meminta Ahli Parlimen secara keseluruhan untuk mengisytiharkan harta tetapi bagaimana ulasan Yang Berhormat Kubang Kerian apabila ada 125 negara pada tahun 2012 yang mewajibkan semua Ahli Parlimen mereka mengisytiharkan harta?

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Saya bukan soal isytihar harta, soal mekanisme pengisytiharan tersebut yang telah dibincang oleh Yang Berhormat Pengerang dan Ahli Parlimen Kota Bharu, di mana *motion* yang dikemukakan pada hari ini tidak mengikut peraturan yang ada. Kalau sekiranya tidak ada pengisytiharan, katakanlah Ahli Parlimen tak hendak isytihar, apa tindakan yang boleh kita ambil? Jadi, kita perlu lengkapkan, jangan kita kemukakan usul...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta penjelasan Yang Berhormat Kubang Kerian?

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Jangan kita kemukakan usul hanya atas arahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak melalui satu mesyuarat keputusan Kabinet atas kehendak suatu keputusan, maka kita laksanakan. Saya fikir kita Dewan ini mesti cermat dalam meluluskan satu perkara.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Minta laluan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta laluan?

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Menteri-menteri mesti hati-hati supaya sebarang keputusan yang kita buat, mesti tidak mencemar nama baik Parlimen sebagai penggubal undang-undang. Sila.

■1510

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Tanjong Malim, sila.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Selepas itu Kinabatangan ya.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Saya cuma hendak tanya pandangan Yang Berhormat Kubang Kerian. Bukankah kalau kita sudah meluluskan satu usul di dalam Parlimen ini, kalau ada Ahli Parlimen yang enggan mengikuti usul tersebut, dia boleh dihukum dengan *contempt of the House* dengan izin, penghinaan kepada Parlimen?

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Isunya tidak ada peraturan. Kedua, usul kita tidak ada punca kuasa yang hendak buat. Itu isunya.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh mencelah?

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Sila. Sila.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian. Pertama saya hendak tanya, apakah dalam hukum Islam, kita digalakkan untuk menghebahkan harta kita kepada orang awam?

Kedua iaitu tadi Yang Berhormat rakan saya dari sana bertanya sebab menyatakan 125 negara telah mengisytiharkan semua Ahli Parlimen dia. Saya tidak tahu benarkah atau tidak. Akan tetapi, GST jelas 190 lebih negara, kenapa Malaysia *back off* pula tentang GST? Ini *double standard*. Terima kasih.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Saya hendak jawab soalan yang dibangkitkan tadi. Kenyataan saya yang dipetik oleh media, ada asas. Saya sebut tadi, dalam Islam ini, ada hadis Nabi S.A.W. Kalau kita lihat pada hadis sahih oleh Imam Tabarani dalam sepotong hadis, Nabi menyebut [*Membaca sepotong Hadis*], "*Hendaklah kamu jangan ghairah untuk menceritakan sesuatu kurniaan yang Tuhan beri kepada kamu. Hendaklah kamu sembunyikan kenapa*". [*Membaca sepotong Hadis*], "*Kerana setiap harta yang kita ada, ada pendengki kepada harta tersebut*". [*Tepuk*]

Ini sandaran. Sebab itu bagi kita, sesuatu benda yang kita hendak buat, mesti ada sandaran yang kukuh. Soal keselamatan ... [*Disampuk*]

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Yang Berhormat Kubang Kerian. *Sorry, just* tadi, *point 80A*. Peraturan yang di mana siapa-siapa yang menghina Parlimen ini boleh dihukum oleh Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Okey. Sebab itu saya minta hukum dulu Yang Berhormat Jelutong yang tidak isytihar itu.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Akan tetapi maksudnya, ada punca kuasa. Parlimen ini ada punca kuasa.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Cuma, kenapa dia tidak hukum? Jadi, saya fikir bahawa— dia isytihar tetapi... [*Disampuk*]

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Sebab itu kita minta luluskan usul ini.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Jadi, saya fikir kita perlu *refer* balik kepada peraturan. Sebarang usul – hari ini tiba-tiba sahaja atas meja kita tanpa kita bincang, tanpa ada masa untuk kita teliti, tiba-tiba dibawa.

Sama juga satu lagi hadis daripada Al-Albani. Dalam sepotong hadis Nabi S.A.W [*Membaca sepotong Hadis*], “Nabi S.A.W menyebut bahawa hendaklah kamu jangan *ghairah* sesuatu benda kalau dapat tunaikan sesuatu hajat kita dengan *senyap-senyap*, dengan *sembunyi*”. [*Membaca sepotong Hadis*], “Kerana setiap benda itu ada *pendengki-pendengki* masing-masing”.

Saya jelaskan, tegaskan, bahawa kami tidak ada masalah. Bagi PAS kami hendak isytihar harta, tidak ada masalah. Kalau adapun mungkin lebih sedikit pada Yang Berhormat Jelutong yang kosong itu. Bagi kami tidak ada masalah. Isunya ialah kita mengikut peraturan dan prosedur yang ada. Apa tujuan sebenar di sebalik usul yang dikemukakan ini? Kalau kita lihat, kalau kita beri kebenaran kepada Ahli-ahli Parlimen yang bukan pemegang jawatan untuk meniaga dan sebagainya, saya yakin bahawa memang akan ada lah harta yang kita miliki.

Dalam konteks pembinaan usul ini, maka saya mencadangkan supaya pengisytiharan boleh dibuat tetapi di waktu yang sama, keselamatan orang yang mengisytiharkan harta. Bayangkan Yang Berhormat sekalian, anak kita juga tidak selamat. Mungkin dia kata sebab yang akan dipamerkan itu harta Ahli Parlimen. Harta isteri dan anak tidak akan di pameran. Apa jaminan dalam keadaan media hari ini, sebarang unsur orang boleh curi data yang kita ada. Bagaimana soal keselamatan isteri, soal keselamatan anak yang memiliki harta? Sebab itu bukan soal isytihar sahaja yang kena lihat, tetapi implikasi daripada pengisytiharan tersebut kepada orang lain.

Saya lihat bahawa— cadangan saya setuju bahawa cadangan ini perlu ditarik semula. Usul ini perlu ditarik balik dan perlu diteliti semula dengan lebih cermat dan diberi masa untuk kita teliti, kita bahas dan boleh kemukakan dalam bentuk suatu rang undang-undang yang lebih tegas dan lebih rapi supaya kalau kita lulus, kita bukan hanya sekadar bentang tanpa kita memiliki atau mengkaji implikasi. Hari ini kita bincang perkara besar, soal pengisytiharan harta, dengan tujuan supaya jangan ada elemen rasuah dan sebagainya.

Telah disebut tadi oleh rakan-rakan bahawa rasuah ini macam-macam cara yang boleh timbul. Dia tidak boleh sebut atas nama dia, atas isteri dia, boleh sebut nama-nama yang lain. Macam-macam cara. Akan tetapi yang penting, apakah kita tidak cukup

undang-undang yang ada, peraturan yang ada untuk mengawal? Kalau kita sudah ada undang-undang yang ada, bidang kuasa SPRM, pihak polis dan sebagainya untuk menyiasat, saya fikir siasat dan yang ada, dakwa. Kalau kita sudah ada peraturan-peraturan yang ada, maka apa perlunya kita menggubal satu lagi yakni kemukakan usul satu lagi untuk diisytiharkan. Jadi, saya fikir bahawa seolah-olah negara kita selama ini tidak ada peraturan yang sempurna dan lengkap bagi mengawal Ahli Parlimen ataupun siapa-siapa yang melakukan penyalahgunaan kuasa, rasuah dan sebagainya.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Mohon mencelah sedikit.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Sila.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak merujuk kepada satu laporan berita bertarikh 15 Mei diterbitkan oleh NST yang bertajuk "*PAS welcomes asset declaration move for opposition MPs*". Ini kenyataan yang dikeluarkan oleh Timbalan Mursyidul Am PAS. Kalau ikut sini Datuk Ahmad Yakob yang berkata, "*Islamic party has no problem adhering to the directive once it has been enforced because Pas' Members of Parliament have already declared their assets a long time ago*".

Daripada kenyataan Yang Berhormat Kubang Kerian, tidak ada bukti setakat ini – sebelum ini kita tahu Kerajaan Negeri Selangor, Pulau Pinang dan sebagainya yang mana termasuk wakil rakyat PAS yang terlibat dalam pentadbiran pernah isytihar harta, tidak ada bukti bahawa mereka ini ada terdapat ancaman keselamatan terhadap mereka setakat ini. Jadi, saya minta ulasan.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Terima kasih. Saya sudah tegaskan banyak kali, kita bukan menolak usul ini. Apa yang kita tolak ialah usul ini tidak ikut peraturan yang ada. Jadi,... [Disampuk]

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Akan tetapi, hujah-hujah tadi kira terbatal sebab tidak boleh jawab.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: No. Bukan. Soal ancaman, tidak ada ancaman pada wakil rakyat PAS memang sebab wakil rakyat kami tidak banyak harta. Tidak ada ancaman lah.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Kangar tidak faham itu.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Lebih sedikit pada Yang Berhormat Jelutong. Akan tetapi yang pentingnya bukan soal ini. Soalnya ialah kita bukan menolak usul isytihar harta. Saya harap Yang Berhormat faham. Kita bukan

menolak usul, tetapi usul ini tiba-tiba ada hari ini dan kita perlu baik yang lebih baik kita gubal rang undang-undang bagi melindungi, lebih kemas, lebih teratur. Itu saya fikir perlu sebab itu saya cadang kepada Yang Berhormat Menteri bahawa usul ini ...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila menggulung.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Kita tarik balik dan kita kemukakan dalam bentuk yang lain mengikut peraturan-peraturan yang ada dan *insya-Allah*, kami tidak ada masalah untuk menyokong sekiranya dibawa dalam bentuk yang lebih mengikut peraturan-peraturan yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, PAS, saya dari Kubang Kerian, kita menolak usul ini. Terima kasih. [*Tepuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Bagan Serai. Sila. Selepas itu Yang Berhormat Sibuti.

3.17 ptg.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, Bagan Serai pada dasarnya bersetuju dengan pengisytiharan harta oleh wakil rakyat ini. Cuma saya hendak bagi teguran. Tadi dalam pencelahan, saya sudah beritahu bahawa perkara ini agak tergesa-gesa dan kalau kita hendak buat, kita buatlah betul-betul. Kita buat secara *complete*. Kita buat jangan ada *loopholes*, dengan izin supaya orang tahu apa hendak buat, apa undang-undangnya, bagaimana hendak dilaksanakan, apakah hukumannya. Jadi, kalau kita buat ini pada pendapat saya ialah agak tergesa-gesa. Jadi, kalau kita buat dengan cara yang betul, maka kesannya akan jadi betul.

Hari ini, pengisytiharan harta ini adalah penting. Oleh sebab kita sudah sedar ini masalah, kita bimbang mereka yang ada kuasa, mereka yang boleh meluluskan itu dan ini, mereka yang hendak jadi calon umpamanya. Adakah mereka ini akan juga mencuri? Ini yang kita hendak tahu. Ini yang kita hendak jaga. Rakyat semua bimbang, takut orang-orang yang ada kuasa ini mencuri. Jadi kalau manusia ini tidak tahu takut dengan Allah S.W.T, mungkin dengan SPRM takut agaknya. Mungkin dia macam itu agaknya.

Jadi, ini adalah perkara yang penting yang mana saya juga cadangkan bahawa sepatutnya dibuat satu bil yang baharu, satu undang-undang yang lengkap yang baharu supaya jelas undang-undang ini ataupun dibuat pindaan pada Akta SPRM.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang kita hendak ialah supaya kita dapat tengok adakah dia berbelanja dengan mengukur baju di badan dia sendiri. Seorang yang kerjanya tidak seberapa, membeli kereta Mercedes yang harganya RM500 ribu. Tidak masuk akal. Jadi, dia kena beritahu sumbernya dari mana. Itu sebab lah tadi kita dengar ada hadis-hadis yang sahih, yang mengatakan Allah S.W.T yakni tidak berganjak kaki manusia di Padang Mahsyar akan ditanya empat perkara. Ilmu bagaimana diamalkan? Umurnya di mana dihabiskan? Tubuh badannya untuk apa dan hartanya dari mana sumber dia dapat dan bagaimana dibelanjakan?

■1520

Adakah nikmat ini digunakan untuk buat maksiat umpamanya. Jadi ini bagus sebenarnya, ini bagus. Pengisytiharan ini bagus sebab itu kita boleh ukur seimbang atau tidak seimbang. Kalau seimbang okey, tidak semestinya orang-orang PAS ini miskin. Orang-orang PAS ini juga kaya, kaya-raya. Kaya tidak salah, sahabat-sahabat Rasulullah SAW banyak yang kaya-kaya. Akan tetapi, yang penting dari mana dapat dan bagaimana dibelanjakan. Jadi, jangan kita pertikai hari ini orang ini RM100 juta, hari ini RM200 juta, yang pentingnya ialah kita berani isytiharkan sebab kita adalah pemimpin, sebab kita ada pemimpin, kita hendak. Jadi ini yang saya hendak katakan tadi.

Ketiganya Tuan Yang di-Pertua, ini juga melambangkan sukses. Tadi saya sudah sebut, *you are great person, you rajin, you fokus, you commit, you jujur*. Allah bagi kekayaan, kejayaan, bagus. Tidak apalah, apa yang takutnya dengan isytihar duit banyak? Memang duit banyak, memang duit banyak, tidak apalah. Mungkin dia boleh bayar zakat dia lebih, mungkin dia boleh bagi infak yang lebih, boleh bantu rakyat yang lagi lebih. Apatah lagi duit ini bukan boleh bawa mati. Jadi, isytihar tidak apa. Habis bagaimana yang orang-orang di – kita dalam Dewan ini, ada mereka *all walk of life*? Ada yang doktor, ada yang *engineer*, ada akauntan, ada cikgu, ada suri rumah, ada yang tidak tahu apa kerja pun ada di sini. Tidak tahu apa kerja.

Jadi mungkin ada di antara anda yang memang *born rich*, anak orang kaya. Sudah memang kaya hendak buat macam mana. Ataupun ada yang miskin, adalah gaji, adalah elaun diberikan. Apa kita hendak malukan? Apa kita hendak takutkan? Berani kerana benar. *[Tepuk]*

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Betul.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Berani kerana benar dan kita buat kerana *lillahi ta'ala*.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang keempatnya ialah tentang masa akan datang umpamanya. Kalau seseorang itu perlu mengisytiharkan hartanya dan dia pula risau sebab tidak seimbang antara hartanya, sumber hartanya dan perbelanjaannya. Maknanya dia tidak "*ukur baju di badan dia sendiri*". Macam mana dia hendak buat kerja? Macam mana dia hendak jadi calon Tuan Yang di-Pertua?

Saya ambil contoh PRU yang akan datang. PRU yang akan datang saya cadangkan kalau dengan undang-undang yang kita boleh buat baharu ini, calon-calon mesti mengisytiharkan hartanya dan dinilai daripada situ lagi. Kalau tidak seimbang, *where do you get this money? Are you born rich? Is your father rich?* Atau kerja apa, *business* apa? Kalau seimbang *no problem, it is okay. It is okay* orang miskin jadi pemimpin, *it is okay* orang kaya-raya jadi pemimpin, yang ada banyak, bagilah banyak. Ini kerana Allah SWT menilai bukan banyak atau sedikit, tetapi walaupun sebiji tamar yang diinfakkan, akan mendapat keberkatan rahmat daripada Allah SWT.

Tuan Yang di-Pertua, ini lah maksud saya kalau saya bagi contohlah. Contohnya, kita ini pergi sembahyang di surau, tiba-tiba orang kata sila naik jadi imam. Imam itu ketua tahu? Naik jadi imam. Siapa berani naik jadi imam? Orang yang pandai baca Al-Quran? Orang yang betul nahunya, betul makhrajnya? Orang yang banyak ilmunya? Ada orang yang tidak mahu naik kerana dia tahu dalam jiwa dia, dia tahu amalan dia di belakang manusia adalah amalan maksiat dan jahat. Berani hendak jadi imam? Tidak berani hendak jadi imam.

Tuan Yang di-Pertua, inilah maksud saya. Tidak akan berani orang jadi imam umpamanya sebab dia tahu dia tidak bersih sebenarnya. Di luar mata nampak hebat, tetapi sebenarnya dia tidak bersih. Jadi, dia takkan hendak jadi imam? Kita boleh *testing* semua ini. Bukan semua orang boleh jadi imam, bukan sebab kita pandai baca Al-Quran kita jadi imam. Akan tetapi, kita sendiri tahu diri kita. *You know yourself, whether you can be a good leader or not. Whether you are qualified to be a good leader or not,* dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, kalau diisytiharkan harta terlebih dahulu, barulah dia tahu dia boleh jadi calon atau tidak. Baru dia tahu sebab orang sudah tahu sudah, baru dia tahu dia boleh jadi calon atau tidak. Saya rasa kalau buat macam ini, *insya-Allah* PRU-15 kuranglah bergaduh hendak jadi calon sebab tidak semua orang layak jadi calon. Apatah lagi hendak menang, hendak menangi hati rakyat.

Jadi ini yang penting yang saya katakan Bagan Serai menyokong kita buat pengisytiharan harta ini. Ini penting sebenarnya, kalau tidak, tidak jadi lah macam-

macam cerita sebelum ini. Tidak timbul seseorang wakil rakyat dia ada kuasa atau tidak ada kuasa untuk meluluskan projek sahaja. Oleh sebab kalau di sini kita isytiharkan harta, dia juga bermakna apa yang kita sudah lakukan pada penggal-penggal yang lepas itu juga dikira. Begitu juga yang akan datang.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, Bagan Serai sekali lagi menyokong pengisytiharan harta ini.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Penjelasan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Sekali lagi hendak beritahu Tuan Yang di-Pertua, menjadi kaya itu tidak salah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Penjelasan, penjelasan.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Akan tetapi, mencuri itu salah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Bagan Serai.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Allah tidak suka orang mencuri.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat penjelasan, Arau ya.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Silakan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, tidak ada di kalangan kami ini yang tidak bersetuju dengan perkara ini. Semua setuju, tetapi Yang Berhormat ada sebut awal tadi ialah tentang punca kuasa untuk hendak melaksanakan pengisytiharan ini, itu sahaja. Yang Berhormat kena ulas di pihak yang itu.

Keduanya Yang Berhormat, bila kita hendak minta semua orang isytihar harta sama seperti yang dibuat oleh pihak kerajaan, kita juga kena bagi layanan yang sama kepada semua Ahli Parlimen. Kenapa Ahli Parlimen kerajaan dapat peruntukan RM3.8 juta, kami dapat RM100,000? Yang Berhormat, patutnya bagi RM3.8 juta.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Betulkah Yang Berhormat Arau dapat RM100,000 sahaja?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Apa itu Yang Berhormat Kangar, kamu jaga mulut kamu.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Orang yang macam Yang Berhormat Arau ini yang kita cari. Saya sejak kenal Yang Berhormat Arau, banyak bagi infak, banyak bagi orang makan, banyak bagi sedekah, banyak buat kebajikan. Inilah pemimpin sebenarnya. Isytiharkan harta Yang Berhormat Arau, *no problem*. Silakan.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Boleh mencelah? Terima kasih. Oleh sebab itu kalau kita berani, kita buat pengisytiharan harta. Saya berani bercakap dan saya berani buat. [*Tepuk*] Memandangkan waktu tadi itu waktu saya masih di tandas, ada rakan seperjuangan saya beritahu, saya memang bersedia untuk MACC siasat. Padahal Lembaga Hasil pun dia sudah siasat tujuh tahun, tetapi saya bagi dia buat sepuluh tahun. So, maksudnya kalau kita berani, kita benar. Gaji itu selepas saya bersara, sebelum itu saya tokoh korporat, buat IPO RM1.8 bilion. So, maksudnya kita tidak perlu takut. So, kalau...

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Segamat.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Terima kasih.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Ini satu contoh yang baik...

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: So, kalau berani kerana benar, buktikan.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: ...Seorang hartawan yang banyak duit, hendak tengok dia cerita. Itu bagus, ini contoh yang baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Bagan Serai, sila menggulung.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya sokong apa Yang Berhormat Segamat, kawan baik saya.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi Bagan Serai menyatakan sokongan dan juga Bagan Serai ingin nyatakan sekali lagi, hendak kaya tidak salah, mencuri salah. *Allahuakbar*.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Sibuti, selepas itu Yang Berhormat Kuala Kedah.

3.27 ptg.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sibuti akan bercakap melalui konteks sebagai seorang Ahli Parlimen yang baharu sahaja berkhidmat dan juga sebagai orang muda, saya sangat menyokong agar semua wakil rakyat dapat mengisytiharkan harta. Walaupun demikian, [*Ketawa*] ada walaupun demikian. Saya ingin bercakap dalam konteks orang muda. Sebagai contoh wakil rakyat daripada Batu, Mas Gading dan saya sendiri daripada Sibuti adalah seorang wakil rakyat yang memulakan kerjaya cukup sederhana dan tidak mempunyai gaji yang

besar ataupun lahir daripada keluarga yang kaya. Kami berusaha daripada akar umbi naik sehingga menjadi seorang Ahli Parlimen.

Juga saya melihat inisiatif ini sebagai salah satu menunaikan janji ataupun Manifesto Pakatan Harapan. Juga saya berharap sekiranya inisiatif ini dijalankan, janganlah pula melakukan *U-turn*. Juga seperti senior saya daripada Santubong tadi, saya percaya dan juga cukup yakin apa yang diperkatakan beliau bahawa kita memerlukan satu punca kuasa untuk memastikan pengisytiharan harta kita ini berdasarkan satu undang-undang yang baik. Juga saya ingin mengetahui bahawa, sekiranya pengisytiharan harta ini dilakukan, adakah pengisytiharan ini berdasarkan harta-harta yang lepas ataupun harta sebaik sahaja kita memulakan tugas sebagai Ahli Parlimen?

Juga bagi penambahbaikan pengisytiharan harta ini, saya rasa saya ingin mencadangkan agar pengisytiharan harta ini perlulah dibuat secara digital ataupun elektronik. Bangunkan satu portal seperti yang digunakan oleh penjawat awam dalam HRMIS, kita hanya cuma perlu *key-in* dan juga mengisytiharkan harta tanpa perlu menggunakan kertas ataupun mengisi borang-borang khusus. Ini lebih mudah dan juga lebih baik. Saya ingin bercakap dari segi teknikal untuk kita mengisytiharkan harta. Juga selain daripada itu, kadang-kadang saya melihat sekiranya kita mengisytiharkan harta, pihak SPRM pun perlu melakukan siasatan dan juga tidak bersifat selektif dalam menyiasat mana-mana wakil rakyat yang mempunyai harta ataupun mempunyai pendapatan yang besar .

■1530

Saya juga melihat dari sudut privasi, kita mengisytiharkan harta memang mungkin kalau bagi saya, saya tidak risau kerana saya tidak mempunyai harta yang banyak. Walaupun demikian, mungkin terdapat kerisauan sedikit apabila maklumat kita dimuat naik ke dalam web portal. Sudah pasti kita mempunyai ataupun menjadi *targeted person* ataupun keluarga kita menjadi *targeted person*. Itu adalah pada pandangan saya dan juga yang paling penting adalah satu garis panduan yang khusus perlu disediakan bagaimana untuk menyediakan dan juga mengisytiharkan harta ini. Ini kerana saya melihat dalam isu mengisytiharkan harta ini terdapat pemimpin-pemimpin ataupun rakan-rakan kita daripada Pakatan Harapan di negeri Sarawak yang sering menimbulkan isu dan syak wasangka dan juga mengeluarkan kenyataan-kenyataan seolah-olah kami daripada GPS tidak mahu ataupun enggan untuk mengisytiharkan harta.

Saya ingin menyatakan bahawa kepimpinan kami di negeri Sarawak, GPS telah menyatakan kesediaan untuk mengisytiharkan harta dan juga kita telah menunggu bagaimanakah prosedur-prosedur yang khusus yang dapat kita lakukan untuk mengisytiharkan harta. Ini kerana saya percaya bahawa sekiranya harta tersebut berpunca daripada sumber yang halal ataupun sah, kenapa kita tidak isytiharkan? Saya juga ingin mengetahui bagaimanakah hadnya untuk kita mengumpul harta terutamanya kepada wakil-wakil rakyat yang baru.

Contohnya, sekiranya saya ingin melabur ke bursa saham ataupun melabur dalam harta tanah. Berapakah jumlah had ataupun limit yang boleh kita kumpul sepanjang kita ingin menjadi Ahli Parlimen ataupun wakil rakyat? Adakah RM100 ribu, RM200 ribu setahun? Itulah yang saya rasa perlu dinyatakan kerana saya merasakan keuntungan ini seharusnya tidaklah perlu dihadkan kerana ini adalah rezeki seseorang.

Saya juga ingin menyatakan bagaimanakah gambaran untuk seseorang Ahli Parlimen itu mempunyai perubahan kehidupan setelah menjadi wakil rakyat. Saya ambil contoh saya sendiri ataupun Ahli Parlimen yang paling muda, Ahli Parlimen Batu ataupun Mas Gading yang muda. Sudah pasti mereka mempunyai akses ataupun keistimewaan untuk membeli kenderaan yang mempunyai pelepasan cukai dan juga beliau membeli kereta. Saya membeli kereta, kereta yang mewah tidak seperti kehidupan saya sebelum ini.

Mungkin sebelum ini saya hanya menggunakan kereta Axia ataupun MyVi, selepas ini saya telah menggunakan kereta pacuan empat roda yang bernilai RM200 ribu ke RM300 ribu. Adakah ini menjadi kesalahan ataupun seseorang Ahli Parlimen sepanjang perkhidmatan mesti menjalankan ataupun melakukan kehidupan yang paling minimum.

Ini yang ingin saya ketahui dan juga secara dasarnya, secara umumnya saya merasakan bahawa usul ini agak terburu-buru dan juga perlulah pihak kerajaan menyediakan usul ini bersama dengan rang undang-undang yang bersesuaian ataupun punca kuasa yang bersesuaian agar kita tidak dilihat hanya ingin mengusulkan usul ini semata-mata untuk meraih populariti. Walaupun demikian sebagai penutup, saya sebagai Ahli Parlimen dari Sibuti ingin menyokong pengisytiharan harta ini dan juga sokongan saya ini adalah bersyarat. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Sibuti. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kuala Kedah, sila.

3.34 ptg.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Ya, *Bismillahir Rahmanir Rahim*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang untuk saya bersama membahaskan Usul Pengisytiharan Harta dan saya ingin bermula dengan menyatakan bahawa saya menyokong sepenuhnya roh usaha mengisytiharkan harta ini, roh usul ini. Ini adalah kerana ini ialah merupakan salah satu daripada alat, pengisytiharan harta adalah salah satu daripada alat untuk kita mewujudkan satu *environment, ambiance*, dengan izin sekitaran yang anti rasuah. Setiap satu yang kita lakukan untuk mewujudkan alam sekitar anti rasuah tadi akan memperkukuhkan usaha kita untuk membasmi rasuah.

Ini adalah merupakan salah satu daripada iltizam, janji kita yang sekarang merupakan Pakatan Harapan semasa kita dulu satu ketika dulu pembangkang yang disebut Pakatan Rakyat juga, kita menyebutkan perkara ini. Saya rasa tidak ada sebuah negara pun di dunia ini yang menyokong usaha-usaha atau perkara-perkara yang akan menyebabkan masyarakat tadi terjebak dalam suasana rasuah. Jadi, suasana anti rasuah itu perlu diwujudkan kerana rasuah adalah satu perbuatan yang apabila ia membudaya, ia merebak, ia bersifat menyeluruh. Maka untuk menghapuskannya, perlu diwujudkan suasana anti rasuah tadi dengan pelbagai caralah.

Rakan-rakan daripada sebelah pihak sana, pembangkang tadi dan juga sebahagian daripada sebelah sini menyebut tentang isu-isu teknikal. Saya percaya isu-isu teknikal itu boleh kita atasi, boleh kita bincangkan bersama tetapi semangat itu, roh itu, *the spirit of the bill* itu, semangat usul itu pada saya itu kita kena sokong sepenuhnya. Apabila kita sokong ini, maka ia akan meningkatkan kredibiliti dan juga pandangan masyarakat yang lebih baik kepada kita sebagai Ahli-ahli Parlimen.

Untuk menyatakan bahawa Ahli Parlimen pembangkang tidak mempunyai apa-apa kuasa, itu tidak betul kerana Ahli-ahli Parlimen pembangkang juga seperti Ahli Parlimen di sebelah sini adalah pemimpin dan mereka juga mempunyai pengaruh. Pengaruh bukan sahaja meluluskan sesuatu tetapi dalam menentang sesuatu isu.

Dalam konteks kita Parlimen Malaysia pada hari ini, rakan-rakan kita di sebelah sana yang disebut pembangkang, mereka juga mempunyai orang-orang yang sangat berpengaruh di lima negeri sekurang-kurangnya, Perlis, Pahang, Kelantan, Terengganu dan Sarawak. Jadi mereka bukanlah siapa-siapa sahaja, mereka bukanlah sembarangan orang. Kalau kita sebut di Perlis, Ahli Parlimen Arau seorang yang sangat

berpengaruh, misalannyalah, contohnya. Jadi untuk mengisytiharkan harta tadi, dia relevan dan ia perlu dilakukan.

Saya ingin menyebut sedikit tentang persepsi ini. Saya pernah terlibat dalam satu bidang yang memerlukan saya bertemu dengan wakil-wakil daripada syarikat multinasional. Satu ketika dulu ada sebuah negara jiran kita, kalau kita bertemu wakil-wakil syarikat multinasional ini, banyak cerita rasuah yang mereka sebutkan daripada kaunter imigresennya sampailah Menteri, pelbagai cerita. Lama selepas itu berlaku perubahan di negara itu dan akhirnya berubah presidennya dan lain-lain lagi.

Saya sendiri terkejut baru-baru ini apabila bertemu dengan seorang wakil syarikat multinasional tadi. Beliau memberitahu saya negara itu telah berubah sepenuhnya yang beliau lihat dalam konteks rasuah. Dari imigresennya, daripada kastamnya, daripada pembuat dasarnya, itu sangat mengejutkan saya. Beliau memberitahu bahawa negara itu sekarang, wakil ini bukan warganegara Malaysia, dia warganegara Singapura bahawa dia merupakan satu ancaman atau satu saingan yang cukup serius kepada Malaysia kerana dia merasakan bahawa di Malaysia ada lagi unsur-unsur tadi seakan-akan rasuah tetapi di negara yang disebutkan beliau tadi sudah tidak ada dan beliau rasa sangat bebas dan sangat mudah berhubung dengan semua pegawai kerajaan dan pembuat dasar.

Jadi, itu satu perkara yang pengajarannya boleh kita pelajari kerana lama cerita-cerita mengenai rasuah di negara jiran kita itu yang saya sebut tadi, ianya di peringkat atas. Saya teringat lama banyak orang sebut dikatakan sebagai satu bidalan orang Itali bahawa dalam bahasa Inggerisnya, '*fish rots from the head*', ikan itu mula busuk dari kepala, dari pemimpinnya. Kalau pemimpinnya elok, maka di bawahnya lebih mudah berubah.

Ada pelancong saya ingat beberapa orang pelancong telah menyebutkan bahawa mereka pernah berjumpa pemandu teksi di Malaysia dan pemandu teksi itu jelas melakukan kesalahan. Kemudian bila ditanyakan apa yang dia akan buat, dia kata tak apa saya boleh bagi rasuah untuk melepaskan dirinya daripada masalah dengan pihak berkuasa. Jawapan yang selalu diberi di luar negara yang saya pernah jumpa beberapa orang, dia kata bahawa *upper people* dengan izin, orang-orang di atas dia ambil banyak, dia ambil *billions*, kami ambil sedikit sahaja, orang bawah ambil sedikit saja dan berurusan dengan agensi-agensi penguatkuasaan kita.

■1540

Jadi, itu kalau membudaya, maka akan merupakan satu masalah yang besar untuk negara kita maju ke hadapan dan menjadi negara yang maju. Maka, untuk itulah pembuat dasar dan juga pimpinan politik daripada Perdana Menteri, Menteri dan lain-lain perlu melakukan pengisytiharan harta supaya rakyat dapat melihat kerajaan ini bersih. Bukan sahaja dilihat bersih tetapi memang jelas bersih. Memang kalau orang hendak menyembunyikan hartanya ada pelbagai cara. Akan tetapi sekurang-kurangnya apabila ada pengisytiharan harta, ianya tidak akan berlaku dengan sewenang-wenangnya dan akan ada pelabelan.

Labeling, dengan izin. Kalau seseorang itu hartanya lebih daripada kemampuannya mencari harta, maka ada penjelasan yang munasabah. Itu juga akan menjaga integriti dan juga maruah Parlimen dan juga Ahli-ahli Parlimen. Oleh kerana dengan adanya penjelasan dan lain-lain tadi, maka diketahui tidak ada Ahli Parlimen yang mempunyai harta jauh melebihi daripada apa yang sepatutnya ada pada beliau, yang paling munasabah ada pada beliau.

Pada saya itu sangat penting kerana sebahagian besar daripada cerita-cerita yang kita dengar tentang Ahli Parlimen mempunyai harta yang banyak, tokoh politik mempunyai harta yang berbilion, sebahagian besarnya tidak betul bila dilihat kembali. Oleh sebab orang menyebut tentang harta yang dilihat, orang tidak melihat *liability*. *Liability*, tanggungannya. Seorang yang misalannya membeli satu kilang atas sebab kedudukan perniagaannya, kilang yang berharga RM2 juta dan RM3 juta, *loan* ataupun pinjamannya mungkin sampai melebihi 50 peratus daripada harga kilang tadi. Maka, bukan hartanya semua.

Akan tetapi apabila dibuat pengisytiharan harta yang lebih komprehensif daripada yang kita buat baru-baru ini dan dapat dilihat bahawa *liability* sekian banyak, maka saya rasa itu akan menyebabkan kita rasa lebih selamat daripada tuduhan-tuduhan liar yang akan dibuat oleh orang yang hanya berdasarkan apa-apa gosip dan apa yang ditulis di dalam media sosial.

Terakhir, saya ingin sedikit menyebut satu perkara yang pada saya sangat mengesankan yang lama dahulu saya baca, tentang kisah seorang daripada jeneral terkenal Islam, Khalid ibn al-Walid RA. Beliau pernah dituduh sebagai memiliki harta yang luar biasa banyaknya. Ini kisah yang ditulis dengan sah oleh penyelidik yang cukup berkredibiliti. Maka akhirnya, beliau dibawa ke pengadilan di hadapan orang ramai dan di bawa tidak ada orang yang berani kerana beliau merupakan jeneral yang sangat

dihormati dan garang. Maka, di panggil ahli badar iaitu Sayidina Bilal r.a. Beliau datang mengikat tangan Khalid dan membacakan tuduhan. Kemudian diminta balik ke Madinah. Khalid Al Walid ke Madinah dan dilakukan siasatan oleh Sayidina Omar r.a. sendiri dan akhirnya diisytiharkan bahawa tuduhan itu tidak betul.

Jadi, diisytiharkan hartanya sampai berapa dirham, berapa dinar dengan jelas. Jadi, itu maksudnya ialah bukanlah mengisytiharkan harta ini satu benda yang baharu dan tersangat baharu dan merupakan satu ciptaan baharu yang tidak ada dasarnya. Dalam kisah Sayidina Khalid ibn al-Walid r.a. itu, Sayidina Omar r.a. dengan jelas menyatakan dia men-*detail*-kan harta beliau kepada orang ramai yang selama ini bersangka beliau telah mengumpul kekayaan yang jauh lebih banyak dari yang sepatutnya dalam setiap pertempuran dan peperangan yang beliau lalui. Itu merupakan satu *precedent*, satu contoh yang baik yang boleh kita ikuti. Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih lagi sekali. Saya berharap supaya kita menyokong usul ini dan segala isu-isu teknikal yang disebut oleh rakan-rakan saya sebelah sini dan sebelah sana itu kita beri perhatian. Kita elokkan prosesnya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kedah. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Ketereh. Selepas itu Yang Berhormat Bukit Bendera. Sila.

3.44 ptg.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Tuan Yang di-Pertua, sepanjang perbahasan saya fikir kerajaan dan juga pembangkang bersetuju atas beberapa perkara. Pertama, prinsip-prinsip transparensi, akauntabiliti dan integriti adalah perkara yang sangat penting dan wakil-wakil rakyat harus menjadi contoh kerana ia penting untuk membina keyakinan rakyat dalam sistem yang kita uruskan.

Jadi, persoalan mengisytiharkan harta daripada sudut tujuannya adalah suatu perkara yang saya fikir tidak ada perbezaan pendapat di sini. Kita juga harus memahami bahawa dalam sistem perundangan sedia ada, mekanisme-mekanisme ke arah itu juga telah terwujud. Setiap rakyat yang mendapat punca pendapatan harus mengisytiharkan kepada kerajaan di bawah akta-akta yang tertentu, termasuklah akta-akta yang diguna pakai oleh badan-badan seperti Lembaga Hasil Dalam Negeri dan juga akta-akta yang digunakan oleh badan penguat kuasa, termasuk PDRM dan SPRM.

Ertinya, mekanisme untuk memastikan wujud transparensi, integriti dan akauntabiliti itu telah ada di dalam sistem kita. Apa yang menjadi persoalan hari ini ialah

dalam sistem yang sedia ada itu Dewan Rakyat ingin memperkenalkan sesuatu sebagai tambahan yang hendak dikenakan secara eksklusif kepada *Members of the House* ataupun Ahli-ahli Dewan. Ia juga dari segi niatnya saya fikir adalah baik dan ia bukan hanya kena pada pembangkang sebab pihak kerajaan juga akan tertakluk kepada usul ini. Walaupun pihak kerajaan dan pihak *backbenchers* telah membuat pengisytiharan akan tetapi tidak di bawah usul ini. Apa yang diisytiharkan itu terus kepada SPRM di bawah kod etika pentadbiran yang telah sedia ada. Bukan di bawah usul yang terwujud kerana usul ini belum ada.

Namun begitu, saya ingin menasihatkan kerajaan. Matlamat tidak boleh menghalalkan cara. Sementara matlamat prinsip akauntabiliti, transparensi dan integriti itu baik, kita sebagai ahli-ahli Legislatif mesti cermat dalam hal-hal yang berkaitan dengan soal cara ataupun kaedah. Oleh sebab ini adalah satu Dewan yang sangat-sangat mementingkan soal cara kerana cara itu akan menentukan sama ada sesuatu perkara itu boleh dilaksanakan dengan baik atau tidak. Memang mudah meluluskan undang-undang misalnya.

Akan tetapi kita kena berhati-hati jangan menjadi *bad law*. Masih undang-undang akan tetapi ia merupakan *bad law* yang kita mesti elakkan. Begitu juga usul. Kita boleh bawa apa sahaja usul. Sudah tentu satu pihak yang membentuk kerajaan ia ada jumlah yang cukup dan boleh meluluskan usul. Akan tetapi kalau ia menjadi satu usul yang dianggap sebagai usul yang *bad* ataupun tidak baik, ianya juga adalah satu kecacatan kepada Dewan ini.

Kedua, harus kita fahami bahawa tugas utama kita dalam Dewan Rakyat ini, kita adalah satu daripada tiga cabang yang terpenting di bawah konsep *separation of power*. Kita penggubal undang-undang di pihak legislatif dan penguatkuasaannya mesti satu pihak yang lain iaitu pihak eksekutif dan pelaksanaan hukum oleh pihak *judiciary*. Prinsip ini adalah sangat asas dan *fundamental*.

Manakala pendekatan dengan memperkenalkan undang-undang perlaksanaannya lebih terjamin kerana ia tertakluk kepada *rule of law* dan *separation of power*. Akan tetapi pelaksanaan melalui sistem usul mencadangkan untuk kita *declare* kepada Speaker, yang hendak jatuh hukuman kepada Speaker, kita *declare* kepada Dewan, yang hendak jatuhkan kepada Dewan adalah menjurus kepada pendekatan yang boleh menjadi satu *precedent* yang tidak baik. Oleh sebab itu kita harus memahami. Kita tidak ada punca kuasa untuk berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua telah membuat kenyataan sebelum daripada ini. Tuan Yang di-Pertua tidak ada punca kuasa untuk menguatkuasakan. Ini sangat *fundamental* dan sangat asas. Menteri telah melakukan kesilapan yang besar apabila beliau menyebut bahawasanya sesiapa yang tidak mematuhi boleh dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Jawatankuasa Hak dan Kebebasan di bawah Perkara 81 dan Perkara 80A dengan jelas ia merujuk kepada hak-hak dan perkara-perkara dalam pertimbangan dan dalam perjalanan Mesyuarat Dewan ini. Ia tidak termasuk dalam perkara-perkara lain yang tidak termasuk di dalam Perkara 81.

■1550

Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saya fikir, apa yang diminta oleh pembangkang, kerana kita menyokong *spirit integrity, accountability* dan *transparency* ini, kita hendak ia dilaksanakan dengan tertib. Saya ingin menunjukkan contoh dan ini nasihat saya kepada kerajaan. Kerajaan telah beberapa kali dilihat sebagai *flip flop* ataupun membuat tindakan dan *U-turn*. Kenapa itu terjadi? Ini kerana ada perkara-perkara yang kerajaan ambil pendekatan ambil mudah.

Sebagai contoh, apabila Perdana Menteri menasihatkan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk satu-satu pelantikan, ada yang mentafsirkan Perdana Menteri mempunyai hak mutlak. Sedangkan itu adalah silap kerana punca kuasa Perdana Menteri adalah Kabinet. Maka Kabinet sepatutnya dirujuk tetapi kadangkala Kabinet tidak dirujuk. Maka, timbul polemik. Polemik itu menjejaskan integriti kerajaan dalam pelantikan-pelantikan yang melibatkan nasihat Perdana Menteri kepada Yang di-Pertuan Agong. Itu sebagai satu contoh.

Begitu juga misalnya berlaku pada ICERD dan Statut Rom. Kerajaan dalam keghairahan itu terlupa punca kuasanya. Dalam hal-hal yang mungkin boleh menyentuh kedudukan Majlis Raja-Raja, mesti terlebih dahulu dirujuk kepada Majlis Raja-Raja tetapi kita suka ambil pendekatan yang *simplistic*.

Begitu juga nasihat saya kepada para Yang Berhormat Menteri kerana para Yang Berhormat Menteri kelihatan membebaskan Perdana Menteri dengan tindakan-tindakan yang salah. Misalnya, seseorang yang menjadi Yang Berhormat Menteri, tidak boleh mengumumkan kepada khalayak sesuatu perkara yang tidak diputuskan dalam Kabinet. Ini kerana bila Menteri bercakap, dia tidak boleh hendak membezakan antara dirinya secara peribadi ataupun dia bercakap bagi pihak Kabinet atas prinsip *collective responsibility*. Apa yang terbaru bila Yang Berhormat Menteri bercakap hendak bawa buruh asing dari luar negara, Perdana Menteri pula terpaksa cakap itu tidak betul. Ini

berulang kali berlaku dalam kerajaan kita kerana kita mengambil pendekatan yang *simplistic*.

Maka sebagai rumusannya Tuan Yang di-Pertua, hasrat usul ataupun roh usul ataupun prinsip usul adalah baik. Saya fikir kita mesti memulakan sesuatu yang baru tetapi kita mesti melihat dalam skop yang lebih besar kerana prinsipnya ialah *elected representative must be more accountable*, dengan izin. Bagus tetapi *elected representative* ini bukan hanya Ahli Parlimen. Bagaimana dengan ADUN-ADUN? Bagaimana dengan yang Barisan Nasional jadi kerajaan? Bagaimana yang sebelah PAS jadi kerajaan? Bagaimana yang Pakatan Harapan jadi kerajaan?

Kalau kita terima sebagai prinsip ini, kita mesti ada satu undang-undang yang boleh merangkumi bukan hanya Ahli Parlimen, Ahli Dewan Negara, Ahli Dewan Negeri, kerajaan yang mana, mestilah kita *across-the-board*. Begitu juga kalau prinsip ini mesti dilihat dalam skop yang lebih luas iaitu setelah ia dilulus, jangan lagi ada polemik, '*rumah siap pahat berbunyi*'. Saya percaya kalau usul ini diluluskan, dalam keadaan *concern* kita adalah jelas, kita telah memperkenalkan usul dengan punca kuasa yang salah, yang tidak ada peraturan-peraturan yang tertentu, maka kuat kuasanya akan menjadi satu pertikaian yang berpanjangan. Mungkin lulus tetapi pembangkang saya rasa semua sekali tidak akan mematuhi dan kita ingin lihat, apakah yang Tuan Yang di-Pertua boleh lakukan.

Nah! Hendak merujuk kita barangkali kepada Jawatankuasa Hak. Ini hendak merujuk, mungkin hampir separuh jawatankuasa hendak dirujuk, hendak digantung. Maka berlakulah suatu pertikaian, suatu konflik yang menjadi tontonan ramai kerana ketidakbijaksanaan kita. Kita harus tahu tugas yang paling fundamental kita di dalam legislatif ini, kita penggubal undang-undang. Kenapa kita tidak mahu gubal undang-undang? Kalau sudah benda itu baik, benda itu kita rasakan hendak dilaksanakan dengan berkesan, kuasa kita ialah kita boleh menggubal undang-undang. Maka kenapa kita hendak tolak peluang menggubal undang-undang tetapi sebaliknya hanya hendak membawa usul sahaja?

Jadi Tuan Yang di-Pertua, hasrat usul ini adalah baik, kita menyokong. Tingkatkan lagi urusan integriti, transparensi dan akauntabiliti dan kita hendak ia dilakukan dengan lebih tertib, lebih teratur. Usul ini hendaklah ditarik balik dan kemukakan satu rang undang-undang agar perkara ini dapat dilaksanakan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Ketereh. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Bukit Bendera.

3.54 ptg.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin turut menyertai perbahasan usul pengisytiharan aset Ahli-ahli Parlimen secara mandatori.

Tuan Yang di-Pertua, saya antara pemegang rekod pengisytiharan harta. Kenapa saya kata saya pemegang rekod pengisytiharan harta? Saya bukan harta terbanyak dan bukan harta terkurang tetapi saya sudah mengisytiharkan harta secara terbuka sebanyak empat kali. *[Tepuk]*

Pada tahun 2012, Kerajaan Pakatan Negeri Pulau Pinang telah mengisytiharkan harta. Ahli-ahli EXCO yang pada hari ini, bekas Timbalan Ketua Menteri, Ahli Parlimen Nibong Tebal mengisytiharkan bersama saya. Ahli Parlimen Tanjong yang pada masa itu Ahli EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang kanan, hari ini Ketua Menteri Pulau Pinang, mengisytiharkan harta bersama saya juga. Bekas Ketua Menteri, hari ini Ahli Parlimen Bagan, Yang Berhormat Menteri, mengisytiharkan harta bersama saya, tahun 2012. Tujuh tahun lalu, Kerajaan Pakatan Negeri Pulau Pinang... *[Disampuk]*

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Soalan.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Telah membuat pengisytiharan harta secara terbuka. Sila duduk, sila duduk. Duduk, duduk. Kita telah membuat pengisytiharan harta secara terbuka. Saya masih ingat, surat khabar telah memaparkan satu muka surat khas untuk pengisytiharan harta. Butiran-butiran kita terpapar dalam surat khabar, muka kita terpapar dalam surat khabar. Sudah empat kali saya membuat pengisytiharan harta. Tiga kali apabila sebagai EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang, sebagai ADUN Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan satu kali tahun lalu sebagai Ahli Parlimen penggal ini dan sudah empat kali.

Alasan-alasan yang dikemukakan kawan-kawan pembangkang semua adalah tidak berasas sama sekali. Semua adalah cuba *delaying...* *[Disampuk]*

Seorang Ahli: Helah, helah.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Helah berdolak-dalik. Saya cukup kecewa dengan wakil rakyat PAS yang duduk dalam Dewan ini. Tahu atau tidak? Siapakah wakil rakyat PAS yang pertama kali membuat deklarasi harta secara terbuka? Ahli Dewan Undangan Negeri Permatang Pasir, Yang Berhormat Mohd Salleh Man.

[*Tepuk*] PAS, membuat deklarasi harta di Pulau Pinang dan hari ini Ahli Parlimen PAS tidak mahu, enggan dan juga gelisah, takut dan tidak menyahut cabaran.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Minta laluan.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: [*Bangun*]

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Sila duduk. Saya sambung nanti. Saya bagi peluang nanti.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: [*Bangun*]

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Okey.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Sebab sebut PAS.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Sila duduk, sila duduk.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Bagilah. Sebut-sebut PAS tadi.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Duduk, duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat, ini adalah hak dia. Nanti ada giliran wakil PAS.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Sebut PAS tetapi bila hendak jawab tidak bagi.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Kamu lihat, tadi saya sebut Ahli Parlimen Tanjong, Ahli Parlimen Nibong Tebal, Ahli Parlimen Bagan. Apabila mereka membuat deklarasi harta, mereka lebih berjaya dalam kerjaya mereka.

Beberapa Ahli: Betul. [*Tepuk*]

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Ahli EXCO jadi Ketua Menteri, Ahli Parlimen Nibong Tebal masih berkhidmat sebagai Ahli Parlimen, Ketua Menteri jadi Menteri Kewangan dan saya jadi Ahli Parlimen pula. Lebih berjaya dalam kerjaya politik. Siapakah pembangkang-pembangkang di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang enggan membuat deklarasi harta? Manakah mereka sekarang? Mereka kecundang dalam pilihan raya, mereka bersara. Dalam 11 kerusi Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang dipegang oleh pembangkang pada tahun 2008, hari ini 11 kerusi hanya tinggal tiga sahaja. Saya rasa cukup kecewa dengan pembangkang yang hadir pada hari ini, enggan membuat deklarasi harta. Inilah Malaysia lama yang tidak dapat menyahut cabaran baru.

Dalam *competition*, dalam persaingan politik, apabila parti sebelah membuat deklarasi harta, parti sebelah sana tidak menyahut cabaran. Oleh itu dalam mata rakyat, mereka telah timbul persepsi, tanda tanya kenapa wakil rakyat ini tidak ingin menyahut cabaran deklarasi harta secara terbuka, padahal sebelah sini sudah membuat deklarasi

harta. Itulah nasib pembangkang-pembangkang di DUN Pulau Pinang kerana mereka enggan menyahut cabaran itu.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *[Bangun]*

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Berbagai-bagai *technicality* telah dibangkitkan tentang usul ini.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Mohon penjelasan. Mohon laluan, mohon laluan.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Berbagai-bagai *technicality*, rang undang-undang dan sebagainya tetapi itu *technicality*, rakan-rakan sekalian. Saya cukup gembira apabila sebelah sana enggan, tidak ingin membuat deklarasi harta. Saya cukup gembira. Saya tahu persepsi rakyat akan menghukum pembangkang di sebelah sana *[Tepuk]* kerana enggan membuat deklarasi harta. Kamu boleh membuang usul ini.

■1600

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: DAP akan dihukum sebagai parti yang bawa fitnah kepada rakyat. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Arau.

[Pembesar suara dimatikan]

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Bagi laluanlah. Jangan tuduh saja bagi laluan orang hendak jawab.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Nanti, nanti. Wakil rakyat...

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Selama 60 tahun Barisan Nasional ini isytiharkan harta, 60 tahun.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Wakil rakyat pembangkang hari ini enggan –

boleh... *[Sambil menunjukkan sehelai kertas] walk out*, boleh memilih tidak natural, tidak membuat undi itu tidak kisah. Itu hanya satu unsur sahaja. Apa yang pembangkang perlu berhadapan dengan rakyat ialah kenapa enggan membuat deklarasi harta secara terbuka.

Beberapa Ahli: Takut, takut.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Kalau berani bagi laluanlah jawab.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: *You can say anything you want. You boleh membuat apa-apa alasan...*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kalau betul PH menyokong rakyat...

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Bagi laluan, bagi laluan.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Bagi laluan, jangan buat tuduhan saja.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...bubarkan Parlimen dan buat pilihan raya.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Pandai buat tuduhan ini, bagi laluan ini.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: ...tetapi kamu gagal.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Tidak faham kah ayat-ayat yang dibahas tadi.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Kamu juga gagal untuk berhadapan...

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Perbahasan jelas, tidak faham kah?

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: ...dengan rakyat.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tidak tahu peraturan Dewan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Kubang Kerian mohon laluan Yang Berhormat Bukit Bendera.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Janganlah mencari pelbagai alasan kerana...

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Kubang Kerian mohon laluan, jangan buat tuduhan.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: ...perlu berhadapan dengan rakyat.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Bagi laluan.

Seorang Ahli: Tutup *mike*.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Duduklah.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Waktu di negeri Pulau Pinang, kita ada laksanakan 10 langkah integriti.

Seorang Ahli: Oh! Tahniah Pulau Pinang.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: ...Antaranya menginstitusikan pengisytiharan harta secara terbuka. Semua EXCO dan juga Ahli Dewan Undangan Negeri, tender terbuka dan sebagainya dan kita menang lebih besar dalam pilihan raya.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: ...dan pihak sebelah yang enggan menyertai pengisytiharan harta ini...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: ...Pulau Pinang ada satu lagi.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: ...mewakili satu cara politik yang lama.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, kalau betul rakyat sokong, kenapa tiga pilihan raya Yang Berhormat kalah? Kalau bubar Parlimen hari ini, hancur PH saya hendak beritahu. *[Dewan riuh]*

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Dalam mimpi sahaja, dalam mimpi Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Minta laluan, minta laluan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini kami- sekarang orang-orang Melayu berpecah kerana kamu buat fitnah.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Dalam mimpi Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sebanyak 70 peratus bumiputera Melayu akan menguasai negara ini faham!

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Dalam mimpi Yang Berhormat Arau. Mimpi Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kamu buat fitnah...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Minta laluan, minta laluan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sekarang ini orang Melayu sokong kamu kerana kamu buat fitnah tetapi...

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Okey, saya bagi laluan kepada Yang Berhormat Rasah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...selepas ini orang Melayu, bumiputera akan bersatu padu dan hancurkan, faham tidak!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Arau sila. Ini *floor* Yang Berhormat Bukit Bendera, sila.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Minta laluan dengan baik Yang Berhormat Bukit Bendera.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Boleh bagi laluan, boleh bagi laluan.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Saya rasa...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Saya hendak ucap tahniah Yang Berhormat Bukit Bendera beberapa kali isytihar harta ini. Bagi laluan sedikit saya hendak ucap tahniah sahaja.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Saya...

Beberapa Ahli: Tidak takut, tidak takut.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: ...faham rasional usul ini dibentangkan.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Bukit Bendera, itu kalau kes kena rasuah berhenti dekat mahkamah pun satu kejayaan juga?

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: ...kerana sejak skandal 1MDB dibongkarkan...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Rekod, kes...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Minta laluan Yang Berhormat Bukit Bendera.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: ...kes tengah bicara pun boleh batal.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Tanjong Karang dan Yang Berhormat Tumpat tidak bagi laluan, duduk.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Sila duduk, sila duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tidak bagi laluan ya, duduk.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Ini *floor* saya.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Apalah. Kes tengah berjalan... [*Pembesar suara dimatikan*]

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: DAP terima wang haram.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tuan Yang di-Pertua, dia tuduh PAS tadi jadi saya minta laluan.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Ini *floor* saya...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...wang haram daripada sumber haram termasuk sumber Yang Berhormat Bukit Bendera.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Ini *floor* saya sila duduk... [*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya tidak bagi kebenaran, yang lain minta duduk. Kemudian *this is a floor*, yang lain sila duduk. Ini adalah *floor* Yang Berhormat Bukit Bendera, sila Yang Berhormat Bukit Bendera.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tidak apa.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Sejak Tuan Yang di-Pertua, sejak skandal 1MDB dibongkar, orang ramai telah meminta akauntabiliti dan piawaian etika Ahli-ahli Parlimen ditingkatkan. Wakil rakyat yang terlibat dalam skandal 1MDB tiada tempatnya di dalam Dewan yang mulia ini.

Beberapa Ahli: Betul! [*Tepuk*]

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Mereka hendaklah dihadapkan ke muka pengadilan. Kawan-kawan sebelah boleh menidakkan usul itu, boleh keluar, *walk out from the Dewan*, mencipta kecoh dan sebagainya.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Minta laluan.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Tetapi pada akhirnya...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Minta laluan.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: ...wakil rakyat sebelah sana perlu berhadapan dengan rakyat. Kamu boleh cipta borang pengisytiharan harta sendiri...

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Minta laluan.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Minta laluan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Orang Melayu tidak akan sokong kamu lagi.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Minta laluan.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Minta laluan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Orang Melayu sudah bersatu padu. Bumiputera sudah bersatu padu.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: ...Boleh berhadapan dengan rakyat.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sejumlah 22 peratus dia cakap menang.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: ...dia sebut PAS tadi, dia sebut PAS. Jadi hendak jawab sikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tidak payah, tidak payah, ini *floor* Yang Berhormat Bukit Bendera.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Cakap bagi pihak rakyat, mana rakyat sokong kamu, kalah tiga pilihan raya. Cakap rakyat. Botaklah.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Saya nasihatkan Yang Berhormat Arau...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Minta laluan.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: ...buat pengisytiharan harta. Kalau berani, kalau tidak *you* punya...

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Sudah buat pun.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Patut *you* lagi gembira kita kalah...

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: ...nasib akan sama dengan Ketua Pembangkang di negeri Pulau Pinang.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Patut *you* Bukit Bendera lagi suka kita tolak usul ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Patut *you* lagi suka kita tolak usul ini.

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Bukit Bendera, sila rumuskan.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Ya, rumusan saya, usul ini...

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Yang Berhormat Bukit Bendera, tadi janji hendak bagi laluan. Tunailah janji, jangan bohong.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Usul ini terpulanglah kepada pembangkang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Tumpat, sila duduk Yang Berhormat Tumpat.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Akan tetapi apalah pokoknya pengisytiharan harta secara terbuka. Konsep terbuka perlu menjadi tunjang kepada politik Malaysia yang baharu. Sama-sama kita sertai politik Malaysia Baharu. Saya mohon menyokong Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Bendera. Sekarang giliran Yang Berhormat Tanjong Karang, 10 minit.

4.05 ptg.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dengan rakan-rakan yang sebelah sini, sebelah sana pun sama bahawa kita bukan menolak. Asal usulnya mesti ada sumber yang betul. Kalau usul ini tiada sumber yang betul, bagaimana kita hendak laksananya.

Saya ambil dua tadi saya dengar ucapan Yang Berhormat Menteri tadi. Pertama kalau kita tidak isytihar kita boleh didakwa di bawah Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, ia di bawah peraturan mana yang hendak didakwa ini?

Kedua tadi Yang Berhormat Menteri kata kalau kita *declare* tidak betul, boleh didakwa di bawah Kanun Keseksaan. Ini urusan Parlimen. Kerajaan kata hendak buat satu reformasi Parlimen.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Nanti dulu saya bagi habis.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Peraturan Mesyuarat 80A.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ya?

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Peraturan Mesyuarat 80A.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya tahu Peraturan Mesyuarat 80A ini ialah tertakluk kepada Ordinan-ordinan *Committee*, itu ordinan lain. Bacalah sampai habis, baca sampai habis.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Malu, malu.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Baca sampai habis, itu ordinan-ordinan lain itu kalau urusan dalam Parlimen.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: *Take a break*, pergi baca dulu.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Baca, baca.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Ini adalah urusan dalam Parlimen. Kalau Parlimen sudah luluskan usul ini boleh diguna pakai Peraturan Mesyuarat 80A.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tidak, saya –ya lah Peraturan Mesyuarat 80A itu Yang Berhormat bacalah sampai habis. Peraturan Mesyuarat 80A saya tolong ajarlah, kira saya sekolahkan Yang Berhormatlah.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Ya, silakan. Silakan.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Peraturan Mesyuarat 80A ini ialah merujuk kepada, “*Jika menghina Majlis ini di bawah Ordinan Majlis-majlis Parlimen keistimewaan dan kuasa 1952*”. Apa kena mengena kalau dengan pengisytiharan harta Yang Berhormat faham tidak? Ini ordinan lain. Yang Berhormat baca ordinan ini dulu baru cakap dalam Parlimen.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Tanjong Karang, Yang Berhormat Tanjong Karang, saya ada soalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato’ Mohd Rashid Hasnon]: Bagi laluan Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Tanjong Karang soalan, satu soalan sahaja.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Apa dia?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Pepatah Melayu, “*berani kerana benar, takut kerana salah*”.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Apa dia?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Berani isytihar kerana tidak ada apa-apa, tidak takut.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Betul tidak?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Takut sebab– takut hendak isytihar harta sebab takut itu adalah harta pencarian yang salah. Setuju?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato’ Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Yang Berhormat Jelutong, terima kasih.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tidak, saya– kalau saya isytihar, saya tidak isytihar kosong. Takkan isytihar kosong. Kalau hendak menipu pun, biarlah berbaloi. [*Ketawa*] Itu yang takut. Sudah, sudah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat, itu pengisytiharan, rujuk pada dokumen yang salah. Saya sudah isytihar 28 Jun 2019, tanya SPRM.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Okey, tidak apalah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: 28 Jun 2019 saya sendiri serahkan semua aset. Apa yang dirujuk oleh Yang Berhormat Kota Bharu itu dokumen yang salah. Rujuk dokumen yang betul.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Okey, okey. Cukup, cukup.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Rujuk dokumen yang betul.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Sudah habis? Sudah habis belum?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Rujuk dokumen yang betul, saya sudah isytihar. Arahan semua Ahli Pembangkang saya minta, saya cabar kalau anak jantan, isytihar.

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik Yang Berhormat Jelutong, sila duduk Yang Berhormat Jelutong sila. Yang Berhormat Tanjong Karang, sila teruskan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kalau anak jantan, jom kita pergi luar. Dia anak jantan.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Silakan, teruskan Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya hendak jawab Yang Berhormat Jelutong. Apa punya standard seorang peguam, seorang Ahli Parlimen isi borang pun tidak pandai. Malulah, okey tutuplah. *You are not my standard.* Duduk, duduk.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kita sudah isytihar betul, tanya SPRM. Dokumen yang saya serahkan sendiri semua aset ada di situ. Apa yang diberitahu oleh Yang Berhormat Kota Bharu tidak betul. Saya cabar kalau *you* duduk luar.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Tanya SPRM lah, ini dokumen...

[Sambil menunjukkan senaskhah dokumen]

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya sudah isytihar, sudah sumpah ini. Saya isytihar secara sumpah, saya cabar. Kalau berani, rujuk di luar.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: *This is public document, I only print...*

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Ada dalam *website, My Declaration to SPRM...[Dewan riuh]*
[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat Tanjong Karang teruskan tanpa gangguan yang lain.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya hendak beritahu, Yang Berhormat Jelutong ini bukan standard sayalah. Dia tidak hendak mengaku cukuplah, bukti sudah ada. Yang Berhormat peguam, *you* hendak *argue* apa lagi? Bukti sudah ada di sana. Yang Berhormat hendak tunjuk yang kedua, itu soal Yang Berhormat. Kita cakap pada bukti pada kita. Yang Berhormat, tunjuklah Yang Berhormat dalam Dewan, jangan cakap sahaja. Cukuplah kalau hendak isi borang pun tidak pandai, tidak layaklah jadi peguam.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Tanjong Karang, silakan perbahasan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya hendak tanya Yang Berhormat Tanjong Karang, kalau berani isytihar, berani isi atau tidak?

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Apa?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Adakah Yang Berhormat di sebelah sana berani isytihar?

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ambil yang baharu, esok isytihar. Ambil yang baharu isytihar dalam Dewan ini.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Sebelah sana setuju atau tidak setuju untuk isytihar? Saya hendak tanya setuju atau tidak? Kalau berani isytihar, saya cabar.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat...

[Pembesar suara dimatikan]

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Mana boleh soal jawab macam ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya tidak benarkan perbahasan seperti ini saya minta Yang Berhormat Tanjong Karang teruskan.

■1610

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya, sebab Yang Berhormat Jelutong ini bukan standard saya. Ada kah isu itu, saya baru hendak mukadimah. Kita kata Yang Berhormat peguam, bolehkah kita membuat, bersetuju kalau sesuatu punca undang-undang itu tidak betul. Usul ini usul yang apa, peraturan berapa pun kita tidak tahu.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ya.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Setujukah Yang Berhormat, kalau saya kata Yang Berhormat Jelutong juga berkelulusan undang-undang. Yang Berhormat Tanjong Karang juga berkelulusan undang-undang. Yang Berhormat Tanjong Karang dan kawan-kawan kita semua hendakkan kita. Kita hendak kepada undang-undang iaitu satu dokumen yang *levelnya* lebih tinggi daripada hanya usul. Makna kita lebih berani. Kita hendak— agaknya kenapa yang sebelah sana tak nak pada undang-undang? Adakah kerana dia bimbang takut kita jadi kerajaan, maka dia pula dalam keadaan susah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Ketereh. Sila Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Itu sebab tadi kawan-kawan kata, bukan sahaja Ahli-ahli Parlimen cakap. Bekas Ketua Pengarah SPRM, [*Sambil menunjuk senaskhah dokumen*] Dia sebut ini. “*Seksyen baharu wajib Ahli Parlimen isytihar harta*”. Dia pun cadang, bukan kita Ketua Pengarah SPRM. Dia buat *statement*. Ini sebut ini. Dia kata, “*Satu seksyen baharu akan diwujudkan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk mewajibkan pengisytiharan harta Ahli Parlimen*”. Sudah sebut dah. Mengapa Yang Berhormat Menteri, yang kerajaan yang tergila-gila yang tak cukup — orang kata, tergesa-gesa hendak bawa ini? Itu persoalan yang kami persoalkan. Ini disebut. [*Sambil menunjuk senaskhah dokumen*] Ini bukan Ahli Parlimen pun. Ini bekas Ketua Pengarah SPRM. Ini yang saya baca. Oleh sebab itu kita kata mesti ada punca dan daripada hujah kita pun, kita kena faham *separation of power*. Ini macam ada bertindih.

Saya tengok reformasi yang dibawa oleh pihak kerajaan. Hendak buat reformasi-reformasi Parlimen. Baru-baru ini bila pelantikan Ketua Pengarah SPRM pun dipertikaikan, mengapa tidak melalui *Select Committee* dan sebagainya. Ini sebab suatu pembaharuan kita hendak buat tetapi tidak terlaksana. Hal ini kalau hendak buat, buat betul-betul. Jangan jadi *kongkalikung*. Jangan jadi kerajaan kongkalikung. Kerajaan *U-turn*. *Flip-flop*, *flip-flop*. Kesian. Rakyat pun pening kepala.

Jadi sebab itu, saya hendak cadangkan seperti rakan-rakan kata, bukan kita takut. Saya dengar tadi Yang Berhormat Menteri cakap, lima kali atau dua kali, "*rasuah, rasuah, rasuah*". Siapa rasuah ini? Kami dekat pihak pembangkang ini ada ke kuasa lagi? *Conflict of interest*. Kalau kita ada kuasa, mungkinlah kita ada. Kita boleh salah guna kuasa. Akan tetapi sebagaimana Yang Berhormat Arau katakan tadi, peruntukan kita pun janji hendak bagi sama rata, *last-last* beri RM100,000 sahaja. Sana RM38 juta, mana keadilannya? Hendak cakap buat reformasi. Kalau hendak buat, buat betul-betul. Jangan hendak menipu rakyat. Cukup-cukuplah anda tipu rakyat, jangan kami pula Ahli Parlimen pun hendak ditipu juga. Rakyat bolehlah kena tipu, tetapi kami Ahli Parlimen pun hendak ditipu. Banyak lagi reformasi ini.

Jadi sebab itu, saya kata kita kena hormati *separation of power*. Saya setuju, saya baca kenyataan daripada Tuan Yang di-Pertua supaya bajet Parlimen ini diasingkan. *Judiciary* lain, *executive* lain. Parlimen ini biar Parlimen yang uruskan. Saya bersetuju, balik seperti masa dahulu. Jangan nanti ada Menteri pula yang jaga Parlimen dan sebagainya, biar Parlimen ini, ini Parlimen betul-betul. Saya memang sokong. Akan tetapi bila kita hendak buat, buatlah betul-betul, janganlah *flip-flop*. Jangan hanya hendak popular sahaja, hendak menipu rakyat. Jadi oleh kerana itu saya hendak mintak supaya imuniti Parlimen ini, kalau kita putus dalam Parlimen ini, biarlah Parlimen yang berkuasa. Tak perlulah kita kata pihak-pihak luar, SPRM atau lain-lain pihak berkuasa hendak campur tangan kerana ini urusan-urusan Parlimen, melainkan ia menjadi akta.

Daripada segi harta, banyak, LHDN. Berapa ramai saya baca hari itu, Yang Berhormat Jelutong. Dia pun sokong 80,000. Betul Yang Berhormat Jelutong? Seramai 80,000 LHDN kata telah dipanggil, disiasat untuk mengisytiharkan harta. Saya pun kena, saya akui. Saya pun telah pun mengisytiharkan harta saya di Lembaga Hasil Dalam Negeri. Tujuh tahun atau enam tahun, saya pergi isytihar. Kita isytihar. Akaun anak saya, akaun isteri saya, semua saya isytihar. Siapa kata kita tak ada undang-undang ini?

Ini yang kita kena faham, tetapi kita tidak menolak kalau kita hendak kenakan pula kepada Ahli-ahli Parlimen supaya integriti Ahli Parlimen ini lebih dihormati rakyat tetapi mestilah mengikut cara dan kaedah-kaedah yang betul. Bukannya hanya main *bulldoze* sahaja sebab kita ada peraturan. Jadi sebab itu saya nak beri contoh saya dengar tadi Ahli Parlimen sebelum ini, Yang Berhormat Bukit Bendera. Bukan main hebat Pulau Pinang. Tahniahlah Ahli Parlimen. Hebatlah Pulau Pinang isytihar harta. Akan tetapi Yang Berhormat terlupa satu, saya ingat tak tahulah, ini Timbalan Menteri pun ada. Seingat sayalah, tak pernah kita dengarlah kes tengah berjalan, kes rasuah-kes rasuah Menteri Kewangan sedang berjalan. Seramai 30 atau 29 saksi...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Tanjong Karang, apa kena mengena dengan isu aset?

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Eh! Nanti. *No*, saya hendak ungkit yang tadi Yang Berhormat Bukit Bendera cakap tadi. Hebat sangatkah Pulau Pinang ini, yang kata, "*kami hebat, isytihar harta*". Kalau nak buat...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Minta laluan.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: ...Betul-betul, betul-betul. Ini kalau setakat isytihar harta, tak ada apalah. Kes yang sedang berjalan, sudah dipanggil saksi, boleh di-*discharge*, akhirnya dibuang kes. Apa ini? Di mana— *stoplah* cakap fasal rasuahlah kalau kes sedang berjalan pun boleh diberhentikan. Jadi sebab itu, kita juga kata 1MDB. Yang Berhormat kata 1MDB. Saya pun hairan juga. Kes 1MDB ini sudah mula atau belum? Sudah bicara atau belum? Apa yang saya baca, Peguam Negara kata minta tangguh dahulu tetapi telah didakwa. Yang Berhormat Menteri Kewangan kata siapa dapat duit daripada 1MDB kena pulang. Mana duit 1MDB? Kes pun belum bicara lagi. Ini masalah dengan kerajaan. Membuat kesimpulan sebelum lagi keputusan itu dibuat. Sama juga dengan ini...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat, kalau tak ada kes 1MDB, kenapa luar negara mereka pulangkan duit itu? Kenapa Amerika Syarikat, Singapura semua pulangkan duit 1MDB? Kenapa kapal *Equanimity* dipulangkan? Kalau tak ada rasuah kes 1MDB, kenapa harta-harta ini dipulangkan?

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat, senang sahajalah. Yang Berhormat minta dipercepatkan kes Peguam Negara, sudah. Percepatkan kes 1MDB, kita hendak dengar juga. Percepatkan. Dahulu Jho Low. Sudah setahun lebih memerintah, mana Jho Low? Dulu kata kita melindungi Jho Low, mana Jho Low? Yang Berhormat tolong desak cepatkan...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat, tanya Yang Berhormat Sembrong. Tanya Yang Berhormat Sembrong. Yang Berhormat Sembrong kata hendak cari Jho Low. Tanya Yang Berhormat Sembrong, bawa balik Jho Low. Kalau Jho Low tak ada kena mengena, tak ada kes 1MDB, bawa balik Jho Low.

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli Yang Berhormat Tanjong Karang, masa telah tamat. Sila rumuskan. Sila.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Kalau 1MDB Yang Berhormat Jelutong, buatlah usul cepatkan kes 1MDB ini. Cepat tangkapkan Jho Low. Saya pun hendak dengar juga. Kami pun tertunggu-tunggu juga. Kita memang— saya hendak tahu tentang kes 1MDB ini, janganlah cakap sahaja. Yang Berhormat Jelutong peguam. Saya kadangkala malu dengan cara Yang Berhormat. Yang Berhormat peguam, buatlah cara cakap sebagai peguam.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Tanjong Karang, rumuskan.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Jangan ada benda yang belum ada saksi, belum ada bukti, janganlah kita buat kesimpulan. *Innocent until proven guilty*. Begitu juga undang-undang ini. Saya ingin ulang, saya hendak gulung...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Silakan.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Bahawa kita bukannya takut isytihar harta. Sudah isytihar pun. Kalau saya hendak isytihar, saya boleh *copy* apa yang saya isytihar dekat LHDN dalam bulan lepas. Kita hantar. Tiada masalah. Akan tetapi masalahnya ialah *procedure*. Malulah rakyat tengok. Malu la orang tengok. Kita ini pembuat undang-undang. Kalau kita pun main *bulldoze*, *how do you expect* rakyat juga ikut undang-undang. Kata hendak *rule of law*, ini bukan *rule of law*. Ini *rule of jungle* ini. Semua *rule of the jungle*. Jadi, terima kasih banyak.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik. Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Johor Bahru, diikuti Yang Berhormat Pontian, kemudian Yang Berhormat Rasah. Ini 10 minit. Silakan.

4.18 ptg

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengalu-alukan kehadiran rombongan daripada Parlimen Johor Bahru yang masih setia tunggu dekat satu jam tunggu giliran. *[Tepuk]*

Saya mulakan dengan mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kerajaan Pakatan Harapan atas komitmennya dalam usaha memerangi rasuah. Saya telah berulang-ulang kali mengingatkan Dewan yang mulia ini, setiap kali sesi perbahasan sama ada tahun lepas ataupun tahun ini mengenai keperluan untuk seseorang Ahli Parlimen itu mengisytiharkan harta mereka secara terbuka. Sebaiknya perkara ini perlu dilaksanakan di semua peringkat cabang kuasa kerajaan termasuklah peringkat eksekutif, legislatif dan kehakiman dengan izin, *we must walk the talk*.

Maka, wajarlah kita sebagai Ahli Parlimen bersikap telus dan jujur dengan mengisytiharkan harta kita, harta keluarga kita secara terbuka agar menjadi sebagai satu kayu ukur kepada negara sebagai usaha kita melawan rasuah dan salah guna kuasa. Jadi di sini, izinkan saya untuk menjelaskan mengapa usul ini penting. Kemudian, mengapa kita perlu isytihar secara terbuka dan apakah langkah-langkah yang boleh diambil selepas itu.

■1620

Tuan Yang di-Pertua, kenapa usul isytihar harta ini penting? Usaha melawan rasuah perlu merentasi fahaman politik. Selepas mendengar hujah, saya yakin pihak di sana pun melawan rasuah. Usaha melawan rasuah merentasi kekayaan seseorang. Ada yang kaya, ada yang miskin tetapi semua menolak rasuah. Agama mahupun kaum tetapi persepsi umum bahawa golongan politik ini sinonim dengan korupsi perlu dipulihkan.

Kita tidak boleh salahkan rakyat sebab rakyat ada pandangan sedemikian apabila melihat banyak skandal-skandal rasuah, salah guna kuasa dan pecah amanah yang melibatkan kepimpinan politik dan juga hasil wang negara seperti 1MDB, NFC, YaPEIM dan sebagainya ini yang mana telah berlaku dengan berleluasa sebelum ini. Walaupun umumnya, kita mengetahui rasuah ini sebenarnya sangat sukar dikesan ataupun untuk diukur dan disukat. Jadi, kelazimannya maklumat ini kita peroleh melalui *survey* ataupun kaji selidik yang dibuat seperti Indeks Persepsi Rasuah (CPI) ataupun melalui *Global Corruption Barometer* dijadikan rujukan untuk kita tahu pandangan masyarakat berkaitan rasuah dalam masyarakat tersebut.

Namun, selalunya perkara ini adalah hanya kaedah menilai sesuatu perkara selepas ia berlaku. Selepas rasuahnya berlaku. Pandangan saya, mencegah itu lebih penting dan berkesan. Oleh sebab itu, sebahagian daripada kami, daripada Pakatan Harapan, sebelum Pilihan Raya Umum ke-14 telah mengisytiharkan harta secara terbuka dan sukarela untuk membuktikan kepada masyarakat bahawa mereka yang menawarkan diri dalam kancah politik ini, bukan semuanya kotor. Ada juga orang yang

masuk politik sebenarnya orang yang baik dan bersih dalam keadaan negara berdepan dengan skandal rasuah. *Alhamdulillah*, selepas berlakunya perubahan pada PRU yang ke-14, Ahli-ahli Parlimen kerajaan memberikan komitmen dan bersetuju untuk isytiharkan harta kepada SPRM dengan sukarela. Tidak perlu dikenakan tindakan undang-undang ataupun sebagainya.

Namun, malangnya selepas setahun, apa yang kita jangkakan akan jadi amalan yang baik, budaya yang baik dan akan menjadi ikutan tetapi namun sehingga kini masih belum ada Ahli Parlimen daripada sana untuk isytiharkan harta secara terbuka sama ada daripada parti UMNO mahupun PAS. Jadi, sebab itu usul ini amat penting bagi membuka jalan kepada kita sebagai Ahli Parlimen...

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Minta laluan sedikit.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: ...untuk berdepan secara keseluruhan dan secara kolektif untuk mengembalikan keyakinan dan kepercayaan masyarakat terhadap institusi politik.

Saya gunakan Peraturan 37 untuk tidak memberikan laluan. Yang Berhormat...

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Kalau tidak beri laluan, jangan membuat tuduhan.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: ...Tuan Yang di-Pertua. Kedua, kenapa isytihar harta secara terbuka? Amalan mengisytiharkan harta ini, saya yakin bukanlah sesuatu yang baru. Tadi telah dijelaskan dengan panjang lebar malah anggota pentadbiran melalui Akta Pentadbiran Kerajaan pun terpaksa mengisytiharkan harta dan Jemaah Menteri-menteri sebelum ini telah pun mengisytiharkan harta. Cuma masalahnya, Menteri-menteri terdahulu membuat pengisytiharan kepada Yang Berhormat Pekan.

Jadi, bezanya sekarang Pakatan harapan memberikan penekanan supaya kita isytihar kepada umum, kepada rakyat supaya rakyat boleh menilai sendiri dan ada ketelusan itu. Ini disebabkan...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Johor Bahru.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: ...akhirnya kita sebagai wakil rakyat ini...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Johor Bahru.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: ...kita sebenarnya perlu menjawab kepada rakyat.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Johor Bahru. Sedikit.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: Jadi, kita tidak mahu, skandal-skandal seperti ini berulang.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Johor Bahru.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: Jadi, kalau tadi Yang Berhormat Kota Bharu ada sebut macam mana harta yang telah di isytihar dan yang diambil daripada *website*. Saya hendak sebut macam mana kita menjumpai harta-harta pada 18 Mei 2018 di Pavilion...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Johor Bahru.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: ...kondominium Pavilion supaya...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Johor Bahru.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: ...mengingatkan balik...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Johor Bahru.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: ...kenapa isytiharkan harta ini sangat penting?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: RM140 juta. *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Johor Bahru.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: Apa yang kita jumpa? Pertama kita jumpa lebih 12 ribu keping barang kemas yang disita...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Johor Bahru.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: ...termasuk 2,200 bentuk cincin...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Johor Bahru.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: ...2,800 anting-anting *[Disampuk]*

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Itu barang kemas itu belum *confirm* lagi siapa punya.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: ...1,600 kerongsang *[Pembesar suara dimatikan]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli Yang Berhormat, jangan diganggu. Silakan Yang Berhormat Johor Bahru, teruskan. Yang Berhormat Paya Besar *sit down*.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: Seterusnya, dijumpai...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Siapa punya itu?

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: 567 buah beg tangan mewah...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Duduklah, balik-balik tuduhan.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: ...yang bernilai RM51.3 juta. 423 utas jam tangan yang bernilai RM78 juta. RM116.7 juta tunai yang terdiri daripada 26 mata wang yang berbeza. Jumlah semua yang kita jumpa ini hampir nilai terkini sehingga...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jumpa. *So what?*

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: ...RM1.1 bilion. Jadi disebabkan inilah...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Is belong to whom?* Siapa?

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: ...Kita perlu isytiharkan harta secara terbuka.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Jelutong diamlah.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Johor Bahru, Yang Berhormat Johor Bahru.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Jelutong tipu.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara] [Tidak jelas]*

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: ...Supaya kita boleh pastikan...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Jelutong tidak isytihar. Kosong.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: ...wang rakyat ini tidak disalahgunakan...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Johor Bahru.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: ...oleh mana-mana pimpinan politik. Minta maaf Yang Berhormat Pendang. Ada tiga minit lagi.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Sikit saja. Sikit saja. Sikit saja.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Johor Bahru. Yang Berhormat Johor Bahru. Yang Berhormat Johor Bahru.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pendang duduk. Yang Berhormat Pendang duduk. Yang Berhormat Johor Bahru tidak bagi.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Johor Bahru sikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila teruskan.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: Yang Berhormat Pendang dulu minta borang tetapi sampai sekarang belum lagi isytihar. *[Dewan riuh]*

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Jawab dulu. Bagi saya peluanglah saya jawab.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: Cuma yang ketiga selepas diisytiharkan...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Bagi peluang.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: Apa yang boleh kita lakukan...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Johor Bahru.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Bagi peluang saya. Sikit saja.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Bagilah, Yang Berhormat Johor Bahru. Yang Berhormat Johor Baru.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: Izinkan saya. Saya percaya SPRM akan memberikan tempoh kepada kawan-kawan...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Sikit.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: Untuk tengok balik, semak harta masing-masing sehari...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Saya hendak tolong Yang Berhormat Johor Bahru ini.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: ...kalau tertinggal dan sebagainya...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Johor Bahru.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: ...kumpul semua mungkin tiga bulan... *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Paya Besar duduk. Yang Berhormat Johor Bahru tidak bagi laluan. Duduk.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: ...kita boleh usahakan tersebut. Cuma...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Sedikit saja.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: ...kepada Ahli-ahli Parlimen dekat sana, saya hendak pesan dalam tempoh jangka masa tiga bulan... *[Disampuk]*

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Sedaplah tuduh orang. Kami hendak jawab tidak boleh.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: ...masing-masing janganlah cuba hendak memindahkan harta ke luar negara ataupun tukar nama dan sebagainya. Sebab itu hanya mengesahkan bahawa kekayaan itu datang daripada sumber yang tidak sah dan hanya memudahkan kerja SPRM.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasar Salak]: Yakni yang kerajaan itu. *[Disampuk]*

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: Jadi, apa yang berlaku selepas kita isytiharkan harta, kita perlu kuatkuasakan langkah pencegahan rasuah yang bersabit dengan *living beyond means*, dengan izin ataupun kehidupan mewah yang melampaui kemampuan. Jadi, ada tiga kaedah yang kita boleh kesan.

Pertama, mungkin akan ada yang hendak cuba sembunyikan aset-aset...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Peraturan mesyuarat. Peraturan mesyuarat. Peraturan mesyuarat.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Johor Bahru.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: ...yang tidak isytihar ataupun dipindah milik atau penama yang lain.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Peraturan mesyuarat. Peraturan mesyuarat. Peraturan mesyuarat.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: Pengisytiharan ini, sebab itu kita...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Johor Bahru. Takkan [*Tidak jelas*] takut?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Peraturan mesyuarat. Peraturan mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Arau, silakan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Peraturan 36(6). Sangkaan jahat kepada kami untuk memindahkan harta. [*Dewan riuh*]

Seorang Ahli: [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*] Ada.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sangkaan jahat. Yang Berhormat Johor Bahru kena tarik balik. Ini tidak boleh Tuan Yang di-Pertua. Ini ada peraturan. [*Dewan riuh*] Kita buat usul, bawa usul tidak ada punca kuasa.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: [*Bangun*]

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Akan tetapi, saya cakap peraturan mesyuarat ada kuasa.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Betul. Peraturan 36(6). Malulah dengan orang Johor Bahru. Malulah dengan pengundi. Dia buat tuduhan itu tidak betul.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tidak apa.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Kita isytihar. Lembaga Hasil Dalam Negeri pun kita isytihar. Itu hari tuduh macam itu. Tarik baliklah.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Dalam video pun kita tidak tuduh. Biarlah *investigate*.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Buat malu dengan orang kawasan sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Okey, baik. Terima kasih Yang Berhormat Tanjong karang. Terima kasih.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Video itu. Biarlah yang mana *investigate*. [*Dewan riuh*]

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: Okey, baik. Saya teruskan. Yakni yang mana sebenarnya, sebab itu kita penting untuk kita isytiharkan harta sebab seterusnya kita perlu pastikan, kita tidak ada yang *living beyond means* ataupun hidup mewah melampaui kemampuan.

Jadi, kaedah pertama kita hendak kesan mereka ini, mungkin ada yang cuba tidak isytiharkan aset-aset ini sama ada disembunyikan ataupun diselewengkan. Akan tetapi, sebab itu kita pastikan isytihar ini dibuat secara akuan bersumpah supaya ada tindakan undang-undang yang boleh diambil sekiranya pengisytiharan itu tidak benar.

Kedua, sikit lagi Tuan Yang di-Pertua... [Disampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Minta rumuskan.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: Ya, membandingkan kekayaan iaitu aset-aset dengan pendapatan mereka. Bagi yang mana ada *business* dan sebagainya, isytihar. Sahabat kami di sini juga yang kaya tetapi mereka amanah. Saya harapkan kita dapat mencontohi mereka semua.

Ketiga, yang terakhir sekali Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya rakyat di luar sana boleh sahaja menilai kehidupan Ahli-ahli Parlimen. Mereka boleh sahaja lihat di *Instagram*, *Facebook* dan sebagainya supaya dikesan *lifestyle*, dengan izin, yang mungkin tidak mencerminkan gambar sebagai seorang Ahli Parlimen.

Sebagai kesimpulan Tuan Yang di-Pertua, saya yakin bahawa Usul Pengisytiharan Harta ini dapat meningkatkan ketelusan dan integriti seluruh Ahli Parlimen dalam usaha kita melawan rasuah. Saya mengharapkan agar usul ini mendapat sokongan sebulat suara tanpa ada yang membantah atau berkecuali. "*Malu apa bossku*". Harap dapat isytiharkan harta secara terbuka.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Johor Bahru. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Arau. 10 minit.

4.29 ptg.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang budiman. Pertama sekali ialah kita tidak ada di kalangan kami yang menentang usul ini. Kita sokong. Akan tetapi, masalah besar Yang Berhormat Menteri Undang-undang, tidak faham undang-undang.

■1630

Kita hendak tengok punca kuasa ini. Di mana punca kuasanya? Kita hendak sumberkan kepada mana untuk bawa usul ini.

Kalau sekiranya ada dalam peraturan yang menyebut bahawa kita kena isytiharkan harta dalam peraturan, kita isytihar. Yang Berhormat pinda usul dulu. Jadi sekarang ini, seolah-olah ditunjukkan kepada rakyat bahawa kami tidak mahu mengisytiharkan harta. Hendak isytihar harta sekarang pun boleh, tidak ada masalah.

Akan tetapi sekarang ini peraturan yang ada ialah ketua kepada sesuatu parti itu, dia suruh orang ataupun wakil rakyatnya isytihar harta kepadanya. Jadi masalah kami sekarang ini, kami pembangkang. Kami isytiharkanlah kepada ketua kami kalau ketua kami minta. Tidak ada masalah.

Selama 60 tahun Yang Berhormat Bukit Bendera, Barisan Nasional memerintah, kita isytihar harta. Semua EXCO isytihar harta, semua Menteri Besar isytihar harta, semua Menteri isytihar harta, semua Perdana Menteri isytihar harta. Tidak ada masalah. Jangan berbangga bahawa Pulau Pinang sahaja isytihar harta. Baru sahaja Pulau Pinang setelah melalui proses fitnah dan sebagainya, baru menang, baru isytihar harta. Sebelum ini tidak ada. Jangan berbangga tentang Pulau Pinang sebab banyak kes Pulau Pinang yang boleh kita bawa untuk bincang di Parlimen ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama sekali...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Perkara yang pertama sekali, kenapa dibawa usul. Usul ini hendaklah sesuatu yang boleh dibincangkan untuk kepentingan rakyat. Yang Berhormat, kepentingan rakyat sekarang ini ialah peristiwa toksik di Johor. Ini kali yang kedua. Sepatutnya bawa usul tergepar untuk membincangkan bagaimana kita hendak buat kepada *factory* kimia yang berada di Pasir Gudang untuk dipindahkan ke tempat lain yang tidak ada penduduk dan sebagainya. Itu patut dibincangkan. Itu patut menjadi usul tergepar. Masalah rakyat, saham jatuh, itu isu tergepar.

Yang Berhormat, saya hendak beritahu, ada satu peristiwa. Seorang rakyat Malaysia berniaga di Singapura, pasaran saham tetapi kerana Kerajaan Singapura tuduh ada manipulasi saham sehingga menyebabkan saham-saham lain jatuh berangkaian sehingga melibatkan hampir tujuh bilion kerugian berlaku, walaupun benda itu berlaku pada satu syarikat, tetapi rangkaian kepada persepsi yang dibawa, maka orang ini telah dihukum di Singapura.

Akan tetapi di Malaysia, Menteri Kewangan telah mengeluarkan beberapa kenyataan yang menyebabkan saham jatuh. Tidak ada tindakan diambil. Bawalah usul bahawa Menteri-menteri kena jaga cakap mereka sebab salah cakap, saham jatuh.

Salah sebab Menteri cakap hendak tanam buluh, saham jatuh. Yang Berhormat Menteri Pertahanan saya tidak mahu cakaplah sebab dia kawan baik saya tetapi kalau silap cakap Yang Berhormat, saham jatuh juga. Jadi tidak mahu sebut. Akan tetapi saya rasa tidak adillah sebab saya *bias* kerana dia kawan saya, jadi saya tidak sebut. Akan tetapi saya hendak sebut, beberapa orang Menteri patut kita bawa usul kerana telah mengeluarkan kenyataan menyebabkan saham jatuh.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sini [*Merujuk kepada blok pembangkang*] banyak yang terbakar jari. Ahli-ahli Yang Berhormat di sana, [*Merujuk kepada blok kerajaan*] pun banyak yang terbakar jari, saham jatuh kerana kenyataan Menteri yang tidak menggalakkan rakyat untuk berniaga dan sebagainya.

Sekarang kita tahu. Ini tiba-tiba kita *duk* seronok-seronok, bukanlah seronok sangat, tidak berapa seronok tetapi amanlah juga. Tiba-tiba hendak ambil orang Afrika mari. Apa faedahnya tiba-tiba hendak ambil orang Afrika kerja?

Saya tengok tadi Menteri baru keluar kenyataan, dia kata ladang kelapa sawit memerlukan 50,000 orang. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, dia dapat angka ini dari mana? Sekarang kita tengok masalah yang berlaku. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyebutkan bahawa hampir 7 juta orang asing yang ada di sini, 7 juta. Rakyat Malaysia 33 juta. Ini satu kerja yang gila. Saya ingat silap-silap dalam masa dua, tiga tahun ia akan menjadi 10 juta. Apa makna sudah rakyat negara ini kalau orang asing sudah terlampau ramai?

Yang Berhormat, saya hendak beritahu, angka yang dibagi itu adalah tidak tepat kerana kita tidak ada satu angka, saya tahu sebab saya dalam kerajaan dahulu. Tidak ada satu angka untuk menunjukkan bahawa orang yang datang bekerja itu setelah tamat perमितnya, tamat kontrak, dia balik ke negaranya. Contohnya, satu *construction company*, ambillah katakan 1,000 orang tetapi bila kerja itu siap, dia telah diberhentikan kerja tetapi mana ada bukti imigresen hantar orang ini balik dan syarikat ini pun tidak digalakkan orang ini balik. Dia tidak galak.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Akan tetapi bila dia dapat kerja baharu, dia minta pekerja baharu.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Yang Berhormat Arau, apa kena-mengena dengan usul ini?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Akan tetapi macam mana dengan pekerja asal tadi? Siapa yang hantar balik? Demikian juga pekerja-pekerja kontrak di ladang kelapa sawit...

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Yang Berhormat Arau, apa kena-mengena dalam tajuk ini, usul ini? Sini, sini. *[Sambil melambai]* Apa kena-mengena dengan usul ini?

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: / tanya sahaja, tanya soalan.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Tidak apa, / duduk, boleh ya. / tanya Yang Berhormat Arau, bukan tanya *you*.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kamu rujuk Peraturan Mesyuarat 80 tadi, macam orang tidak cerdik, tahu? Awak pergi rujuk Peraturan Mesyuarat 80. Peraturan Mesyuarat 80 ini setelah ada usul, hukuman dijatuhkan melalui Peraturan Mesyuarat 80. Rujuk pun tidak betul. *Pi* mengaji sekolah dulu.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Silap Yang Berhormat Arau, Peraturan Mesyuarat 80A.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Arau, teruskan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, tidak apa. Akan tetapi jangan bagi dia ganggu. Yang Berhormat, tinggal empat minit, mana boleh. Ini baru mukadimah.

Jadi Yang Berhormat, kenyataan Menteri itu patut dibawa usul. Kerajaan sengaja bawa lari daripada isu sebenar. Masalah rakyat itu bawa usullah, bawa usul supaya peniaga-peniaga jangan naikkan harga barang. Itu dia sebenarnya usul. Ini usul tentang pengisytiharan harta.

Hari ini boleh isytihar, dengan syarat, kita kena beritahu punca kuasa, RUU SPRM. Macam tadi Yang Berhormat Jelutong sebut, dia kata "*Ini satu peraturan silap*". Saya baru pergi belakang dekat Yang Berhormat Paya Besar, tengok dalam *website*, tengok yang Berhormat Jelutong masih isytihar, hartanya kosong. Mana boleh silap. Yang Berhormat Johor Bahru, RM914,000 dia sebut di situ. Kemudian Yang Berhormat Jelutong, kosong. Punca kuasa silap di mana? Jangan buat kerja macam itu, awak peguam. Tidak boleh cakap melilau-lilau.

Okey, mari tajuk ini balik. Kenapa bawa usul yang tidak ada punca kuasa?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Bawa usul...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Arau, lihat *website* mana? Tanya SPRM. Pada 10 Oktober, kita serah di Parlimen.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey sekarang ...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *Website* mana? Cukuplah.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Arau, sikit Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Website*, ini *menatang* di depan ini ya. [*Sambil menunjukkan skrin komputer*] Buka ini, buka. Yang Berhormat buka sekarang *website* tentang pengisytiharan harta SPRM, Yang Berhormat tengok Yang Berhormat Johor Bahru berapa, Yang Berhormat kosong. [*Bercakap kepada Yang Berhormat Jelutong*]

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Arau boleh sikit, Yang Berhormat Arau sikit.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya baru tengok. Saya tidak hendak cakap bohong.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *You* tanya SPRM lah. Kalau mereka sudah silap. Saya beritahu sendiri. Saya beritahu, saya cabar ulangi di luar.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, dalam dunia ini awak seorang yang betul. Kami *dok* cakap tajuk lain, awal timbul fasal 1MDB.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya hendak beritahu Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, Yang Berhormat Paya Besar.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Arau, sikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Paya Besar.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Saya hendak bantu Yang Berhormat Jelutong, sebab apa yang telah dinyatakan oleh *website www.mydeclaration.sprm.gov.my*, sekarang *real time*.

Seorang Ahli: *Real, now, now.*

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Ahli Parlimen kerajaan yang tidak mengisytiharkan harta, 14 orang. Anggota Pentadbiran yang tidak mengisytiharkan harta, enam orang. Minta komen Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini Yang Berhormat Paya Besar terbaiklah. Dia layak, kalau kita memerintah, kita lantik dia jadi Menteri terus. *[Ketawa]* Ini sebab dia cakap benar dan bila saya hendak tengok dua orang cakapkan, saya hendak tengok orang ini bercakap benar ataupun tidak, saya lebih percaya Yang Berhormat Paya Besar daripada Yang Berhormat Jelutong sebab Yang Berhormat Jelutong mungkin tidak pandai buka *website*, tidak berapa pandai dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Arau, teruskan bahas.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey, mula tajuk ini balik Yang Berhormat.

Keduanya, kalau kita hendak isytiharkan harta, perkara yang pertama, Ahli Parlimen kena bagi peruntukan yang sama. Ahli Parlimen kerajaan dapat RM3.8 juta tetapi kami dapat RM100 ribu. Yang Berhormat Kangar *shut up*, dengan izin.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Arau dapat lebih daripada kami, macam mana?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ahli Parlimen Barisan Nasional dapat RM100 ribu tetapi kerajaan dapat RM3.8 juta, nombor satu.

Nombor dua, sumber kewangan parti-parti politik. Okey, kami dituduh macam-macam, 1MDB dan sebagainya. Saya hendak minta supaya semua parti politik isytihar harta sumber punca kewangannya daripada mana. DAP dulu tidak mahu. DAP bila kita ajak untuk mengisytiharkan harta punca sumber kewangan, DAP tidak mahu dan kita menganggap bahawa DAP mungkin dapat sumber haram, wang haram, wang daripada yang tidak sihat. Jadi kalau sekiranya mereka kata UMNO kena haram sebab terima wang 1MDB, DAP patut diharam masa hari penubuhan lagi sebab sumber kewangannya boleh dikatakan haram. Kita kena ingat bahawa seperti saya sebut ...*[Disampuk]*

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Yang Berhormat Arau bila dapat RM8 juta itu patut simpanlah sikit sekarang.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kita kena ingat 13 Mei, apa yang berlaku. Lepas itu tertubuhlah parti-parti politik dan sebagainya. Sudah pasti banyak sumber haram yang berlaku bila Komunis terlibat dalam Peristiwa 13 Mei.

Jadi kalau hendak isytihar harta, isytihar sumber kewangan DAP daripada mana. Isytiharlah. Yang Berhormat UMNO yang pergi kepada sebelah sana. *[Merujuk kepada blok kerajaan]* Jangan cakap banyak, kita ...*[Disampuk]*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Arau, minta rumuskan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Akan tetapi, saya hendak beritahu bahawa kami tidak akan mengisytiharkan harta melalui usul ini. Akan tetapi kalau rang undang-undang yang membolehkan kami isytihar harta, kami akan isytihar harta.

Akhir sekali ...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Di bawah kesimpulan akhirnya ialah kita minta supaya jangan pesongkan daripada masalah yang rakyat hadapi sekarang. Masalah toksik.

Saya setuju bahawa tentang kes semburit tidak patut dibincangkan di sini sebab tidak wajar untuk kita bawa usul dan sebagainya. Itu adalah benda-benda yang lain. Saya tidak setuju benda itu.

■1640

Akan tetapi kes toksik, kes rakyat, kes tanam buluh, kes harga barang naik, kes duit Malaysia jatuh, kes saham naik – Ini Yang Berhormat Menteri Pertahanan, *you* tahu tidak kita *duk* pergi Thailand dulu, kita pergi Thailand dulu duit kita THB10 bersamaan RM1. Sekarang ini kita pergi sana, THB7 bersamaan dengan RM1. Duit kita jatuh merudum tetapi pasaran tukaran wang Thailand yang kedua terbesar dalam dunia. Negara jiran, Perlis dan Padang Besar tidak sampai lima minit pergi ke sana, saya jadi kaya, *mai* sini saya jadi miskin.

Jadi...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Arau, cukup masa sudah Yang Berhormat Arau. Rumuskan terus.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya. Tuan Yang di-Pertua ganggu, tengah dok *flow* cantik tu. Okey, tidak apa. Okey, jangan sentuh yang penghabis. Saya hendak beritahu bahawa, ini dia masalah rakyat yang kita perlu buat usul. Yang Berhormat Menteri, kita kawan baik. Saya akan sokong segala usul yang melibatkan

untuk memartabatkan rakyat. Bukan usul yang dibawa bercanggah dengan peraturan yang sedia ada sekarang. Jadi, saya minta usul ini, saya menyokong dengan syarat bahawa di bawah punca kuasa yang ada seperti Rang Undang-undang SPRM dan sebagainya. Bukan usul di Parlimen, yang sewajarnya kita bincang masalah rakyat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Rasah.

4.41 ptg.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya turut serta dalam perbahasan untuk usul pengisytiharan harta pada petang ini. Pertamanya, saya hendak mengatakan sokongan penuh saya terhadap usul ini. Saya sudah dengar hujah-hujah daripada perbahasan pembahas-pembahas sebelum ini, dari pihak kami, dari pihak pembangkang. Saya rasa rata-rata semua secara dasarnya menyokong pengisytiharan harta. Saya mengambil maklum ataupun pandangan daripada sebelah sana, pihak pembangkang yang mengatakan bahawa pada dasarnya mereka bersetuju. Jadi, saya mohon mencadangkan kepada kerajaan agar usul ini kita luluskan pada hari ini. Ini sebagai langkah pertama sebelum kita sempat menggubal rang undang-undang yang mana satu hari nanti mungkin pada sesi Parlimen hujung tahun ini atau tahun hadapan, kita jadikan akta.

Jadi, usul ini sebagai langkah pertama sebelum ia menjadi akta pada masa akan datang. Ini supaya pihak di sebelah sana, tidak akan terlepas dan tidak ada modal, tidak ada helah lagi untuk tidak mengisytiharkan harta. Ini kerana sekiranya ia menjadi akta pada suatu hari nanti, sesiapa yang ingkar, yang berterang-terangan menyatakan tidak mahu mengisytiharkan harta secara terbuka mereka akan diheret ke muka pengadilan di mahkamah. Kalau sekarang, kita hanya merujuk mereka kepada jawatankuasa di dalam Parlimen sahaja.

Jadi saya harap usul ini sebagai langkah pertama, sebagai satu langkah interim tetapi dari segi undang-undangnya ia tetap dapat dilaksanakan dan dikuatkuasakan. Saya mohon perangai seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Kota Baharu. Walaupun sudah lama duduk sini, senior saya dalam *legal practice* dan sebagainya, tetapi terang-terangan mengatakan tidak mahu mengisytiharkan harta, hendak langgar. Ia seolah-olah satu penghinaan kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga Dewan yang mulia ini. Janganlah macam itu Yang Berhormat Kota Bharu.

Saya juga berharap pihak kerajaan boleh mengarahkan *AG Chamber*, Pejabat Peguam Negara khasnya unit yang akan menggubal rang undang-undang supaya boleh mulakan kerja sekarang. Jangan nanti kita tunggu hujung penggal ini baru kita hendak buat. Akan tetapi, boleh memulakan kerja untuk menggubal draf rang undang-undang, kalau boleh tahun depan kita cadangkan. Agar semua di kalangan kita dapat mengisytiharkan harta dan rakyat tahu harta kita. Saya rasa tidak salah untuk rakyat tahu sebab kita ini wakil rakyat.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Bulan 10 ini, buatlah Yang Berhormat Rasah. Bulan 10 ini boleh? Bulan 10 ini.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Peraturan Mesyuarat 37.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Okey.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Jadi, pelaksanaan ini juga selaras dengan Janji 14 dalam Buku Harapan. Saya percaya, ketika rakyat mengundi pada PRU yang akan datang, antara yang mendorong rakyat supaya menyokong Pakatan Harapan ketika itu adalah berkenaan dengan prinsip integriti dan ketelusan yang ditekankan dan ditegaskan oleh Pakatan Harapan ketika itu.

Jadi, saya mohon supaya langkah ini dapat kita laksanakan supaya kita boleh membentuk satu sistem demokrasi yang sihat, yang akhirnya rakyat akan memantau setiap gerak geri dan juga tindakan oleh ahli-ahli politik.

Bagi saya, pengisytiharan harta ini tidak menghalang sesiapa untuk menambah harta mereka. Tidak menghalang sesiapa untuk menjadi kaya. Tidak menghalang sesiapa yang terlibat dengan perniagaan kecuali yang duduk di dalam eksekutif, yang *backbenchers*, pembangkang, boleh terus berniaga. Tidak ada masalah. Saya tahu Yang Berhormat Pasir Puteh antara tokoh usahawan yang berjaya.

Yang Berhormat Kota Baharu antara peguam yang berjaya. Kita boleh teruskan supaya kita boleh teruskan karier sebagai peguam, peniaga, usahawan dan sebagainya serta sebagai Ahli Parlimen. Apa yang pentingnya adalah setiap harta yang kita peroleh, melalui jalan yang sah dan tertakluk kepada pembayaran cukai pendapatan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri yang akhirnya kerajaan dan negara akan mengutip hasil daripada pendapatan kita.

Sekiranya semua hasil pendapatan kita melalui jalan yang betul, melalui landasan yang sah, tidak salah. Kita kaya. Ya lah, kita kaya. Itu usaha kita, kebolehan kita, kepakaran yang kita ada. Saya rasa rakyat tidak marah walaupun kita memiliki harta yang berjuta-juta. Macam Yang Berhormat Segamat, beliau adalah tokoh usahawan

yang berjaya sebelum beliau menjadi Ahli Parlimen. Apa salahnya beliau ada harta yang melebihi RM100 juta? Kita patut puji beliau, kita patut belajar dengan beliau. Apakah cara beliau? Itu caranya. Jadi, saya berharap supaya janganlah dijadikan alasan yang mana akan menghalang ahli politik daripada terlibat dengan perniagaan pula.

Ketiganya Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Minta laluan. Boleh?

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Peraturan Mesyuarat 37. Minta maaf sebab masa terhad, tinggal empat minit sahaja. Perkara seterusnya yang saya hendak cadangkan kepada kerajaan. Saya berharap pihak kerajaan sama ada SPRM ataupun Pejabat Peguam Negara menganggap hari ini sebagai satu permulaan, satu detik baharu, sejarah baharu dalam lembaran politik kita. Kalau boleh perkara yang sama kita lakukan di setiap negeri, biar penasihat undang-undang di setiap negeri lakukannya.

Saya bagi contoh, di negeri saya iaitu Negeri Sembilan. Setakat ini hanya Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan EXCO Kerajaan Negeri yang telah mengisytiharkan harta masing-masing. Macam mana dengan Ahli Dewan Undangan Negeri? Mereka juga wakil rakyat. Tidak kira yang *backbenchers* ataupun yang pembangkang. Jadi, saya harap akhirnya semua wakil rakyat tidak bermaksud yang hanya duduk di sini yang hanya 222 orang Ahli Dewan Rakyat, Ahli Dewan Negara, semua Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, di ketiga-tiga belas Dewan Undangan Negeri yang kita ada, semua akhirnya akan mengisytiharkan harta mereka dan rakyat boleh mengetahui macam mana punca dan juga setakat mana status pemilikan harta mereka.

Itu kalau dapat dilakukan dalam penggal ini sebelum PRU yang akan datang, saya yakin dan saya percaya rakyat akan lebih menghormati ahli politik dan dapat mengikis atau dapat mengurangkan persepsi selama ini bahawa orang politik banyak terlibat dengan kerja-kerja kotor. Oleh sebab ini adalah cara yang akhirnya akan menguntungkan semua parti politik. Bukan sahaja Pakatan Harapan yang menjadi kerajaan pada hari ini, tetapi oleh semua parti politik agar kita dapat melaksanakan tugas demokrasi kita dalam satu sistem yang bersih, berintegriti dan berketelusan tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, perkara terakhir yang saya hendak katakan adalah, saya hendak tanya pihak kerajaan berkenaan dengan pengisytiharan harta ini. Kalau kita buat setakat sekali sahaja, ia tidak membawa maksud yang tinggi. Sebaliknya, ia perlu dipantau, dilakukan pemantauan secara berkala. Saya cadangkan, kalau boleh dilakukan pengisytiharan setiap tahun atau dua tahun sekali. Ini supaya rakyat sendiri dapat memantau status pemilikan harta oleh setiap wakil rakyat sama ada harta yang

dimiliki itu meningkat ataupun menyusut. Tidak salah meningkat. Apa yang pasti adalah kalau yang meningkat itu. Saya bagi contoh, kalau hari ini ada mana-mana Ahli Parlimen di kalangan kita memiliki harta RM1 juta...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Minta laluan.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Peraturan Mesyuarat 37.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Saya selalu bagi laluan kepada Yang Berhormat Rasah.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tidak apa, tidak apa. *[Disampuk]* Andai kata hari ini dalam pengisytiharan yang pertama, dikatakan hartanya sebanyak RM1 juta, selepas dua tahun, hartanya menjadi RM3 juta. Kenapa bertambah RM2 juta dalam dua tahun? Kita siasat. Kalau beliau adalah usahawan yang berjaya, mana tahu dalam masa dua tahun ini beliau terlibat dengan mana-mana perniagaan dan beliau bayar cukai pendapatan dengan cara yang betul, tidak menyalahi undang-undang, tidak terlibat dengan aktiviti yang menyeleweng dan sebagainya, tetapi dengan usaha beliau sendiri, tidak salah.

■1650

Itu cara dia. Kalau beliau membuat pelaburan yang berjaya, jadi dalam dua tahun meningkat kepada RM2 juta, kita kena terima hakikat orang politik pun boleh jadi kaya. Akan tetapi dengan cara yang betul, bukan dengan pengaruh, bukan dengan kedudukan politik. Oh! Bukan sebab dia Yang Berhormat, dia wakil rakyat tiba-tiba dia dapat keuntungan yang tidak sah, pengaruh yang tidak berpatutan yang menyebabkan peningkatan harta. Itu yang kita tidak mahu.

Jadi, pengisytiharan harta ini akan membolehkan wakil rakyat, Ahli-ahli Parlimen yang ada pada hari ini supaya sentiasa *answerable* menjawab pertanyaan dan berhadapan dengan rakyat dan membolehkan rakyat memantau. Jadi saya berharap satu mekanisme yang lebih sistematik, yang mana mewajibkan pengisytiharan secara berkala dapat dilakukan supaya akhirnya sistem ini akan kita anggap sebagai satu sistem undang-undang yang terpakai.

Tidak kira siapa yang menjadi kerajaan, teruskan dengan usaha ini. Itu yang rakyat hendak, itu yang akan memastikan bahawa orang politik tidak mengambil keuntungan, kelebihan daripada kedudukan politik sebab akhirnya rakyat akan tahu kerajaan yang bersih, kerajaan yang amanah bermula dengan ahli politik sendiri, pemimpin politik sendiri yang menjaga amanah dan integriti yang tinggi yang akhirnya akan menguntungkan negara dan masyarakat kita.

Jadi, sekian sahaja ucapan saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Rasah. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Tampin, sekiranya tidak ada saya – ada Yang Berhormat Tampin? Sila Yang Berhormat Tampin. Saya ingin memulakan pengehadan masa kepada lima minit selepas daripada ini kerana ramai yang hendak berbahas. Silakan Yang Berhormat Tampin. Kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Ledang dan kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Jelutong.

6.51 ptg.

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: *Bismillahir Rahmanir Rahim, Alhamdulillahrabill Alamin Wassalatu Wassalamu Ala Rasullillah Waala Alihi Waashabihi Ajmain. Assalamualaikum warahmatullahi wabarahkatuh.*

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kita telah mendengar perbahasan daripada kedua-dua belah pihak dan kita boleh membuat kesimpulan bahawa kedua-dua pihak sama ada kerajaan ataupun pembangkang menyokong soal pengisytiharan harta ini. Cumanya berbeza daripada aspek teknikal sahaja. Saya yakin dan percaya semua pihak berkehendakkan suatu integriti yang tinggi. Semua pihak mahukan suatu nilai peribadi yang cukup murni dan semua pihak untuk dilihat oleh rakyat mempunyai integriti yang begitu mantap dan kuat.

Kita dipilih oleh rakyat, rakyat berhak untuk mengetahui aliran harta kita. Kita dipilih oleh rakyat, rakyat berhak untuk mengetahui daripada mana kita dapat harta itu. Majikan kita adalah rakyat, jadi oleh sebab itulah suara untuk menyatakan, untuk memberikan mengisytiharkan harta ini kepada rakyat adalah cukup penting sebab rakyat adalah berhak untuk mendapat apa yang sepatutnya dia tahu.

Jadi, justeru itulah saya ingin mengambil satu sejarah apa yang disebut di dalam zaman Saidina Umar al-Khattab, apabila dia membaca khutbah Jumaat dan ditanya oleh rakyat tentang kelebihan jubahnya mengatasi buku lali. Apabila ditanya oleh rakyat, maka Umar memberitahu bahawa jubahnya itu bukan miliknya tetapi adalah milik anaknya yang lebih tinggi daripadanya. Ini bermakna, rakyat berhak untuk mengetahui daripada mana harta yang dia dapat. Jadi mengisytiharkan harta ini adalah suatu yang amat penting untuk kita menjaga integriti kita sebagai wakil rakyat.

Apa yang dibicarakan oleh kedua-dua belah pihak, saya nampak tidak ada yang membangkang untuk menerima pakai ataupun menerima untuk mengisytiharkan harta masing-masing. Cumanya dari segi aspek pelaksanaan dan juga dikhuatiri berlaku

sesuatu perkara yang tidak sepatutnya berlaku. Jadi, justeru itu kita menyeru kepada pihak kerajaan supaya melihat perkara ini dengan teliti di dalam kita hendak melaksanakan sesuatu perkara itu. Apa yang dibangkitkan harus diteliti dan apa yang diberi komen harus juga dilihat.

Jadi oleh sebab itulah saya yakin dan percaya dengan adanya pengisytiharan harta ini, kita akan mengurangkan persepsi masyarakat yang melihat wakil rakyat apabila mendapat kuasa, mendapat tempat maka dia akan menggunakan kuasanya, menggunakan tempatnya untuk kepentingan dirinya, untuk kepentingan keluarganya, untuk kepentingan anak beranaknya. Jadi untuk mengelakkan persepsi masyarakat sebab politik berdasarkan kepada persepsi. Jadi oleh sebab itulah untuk mengelakkan persepsi masyarakat melihat ahli politik ini bersih, suci ataupun berintegriti, maka kita haruslah melihat pengisytiharan harta ini suatu perkara yang amat penting untuk kita laksanakan di dalam menjalankan tugas sebagai wakil rakyat.

Oleh sebab itu, berdiri saya di sini saya menyokong usul untuk pengisytiharan harta bagi Ahli Parlimen. *Wallahualam.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Tampin. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Ledang, lima minit.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,* Salam sejahtera, selamat petang.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedar bahawa Malaysia sedang menuju ke negara maju seiring dengan Wawasan 2020. Skandal-skandal kewangan yang berlaku sedikit sebanyak, mungkin banyak telah merencatkan keyakinan dan kepercayaan masyarakat dunia terhadap pentadbiran negara. Kajian mengenai profesion paling dipercayai rakyat Malaysia menunjukkan ahli politik menduduki tempat paling akhir yang hanya mendapat 11 peratus kepercayaan rakyat. Tambahan dengan berita-berita rampasan wang tunai, barang kemas dan sebagainya, itu tambah lagi memburukkan keadaan.

Malaysia menduduki ranking yang ke-61 bagi Indeks Persepsi Rasuah pada tahun 2018. Mewajibkan Ahli Parlimen mengisytiharkan harta kepada Dewan yang mulia ini dan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia serta menyiarkan kepada awam akan membuktikan ketulusan, integriti dan kesediaan seseorang pemimpin dan wakil rakyat daripada kerajaan ataupun pembangkang untuk memikul amanah yang diberi. Dengan ini juga akan menaikkan lagi ranking persepsi rasuah.

Reformasi institusi tuan-tuan sekalian mestilah bermula daripada ahli Dewan ini dahulu. Ia akan menjadi contoh teladan dan semangat kepada semua pihak apabila

ianya akan dilaksanakan ke semua peringkat dan institusi. Dewan ini harus menjadi titik tolak permulaan reformasi yang jitu dan kita tidak akan dituduh seperti peribahasa mengatakan, '*bagaikan ketam mengajar anaknya berjalan lurus*'.

Sebanyak 163 buah negara telah terlibat dalam mengisytiharkan kepada awam. Pengisytiharan harta bukan sahaja kepada peringkat eksekutif, malah semua peringkat seperti eksekutif, legislatif dan juga *judiciary*. Di Amerika Syarikat sahaja mereka telah pun isytihar harta dan dibuat setiap 15 hari bulan Mei dan dipantau oleh *Office of Government Ethics*. Malah mereka ada juga sistem di mana terpaksa membayar denda dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebutkan bahawa ada satu sirah ketika di bawah pemerintahan Khalifah Umar, di mana beliau telah disoal tentang baju yang beliau dapat tatkala beliau sedang membahagikan baju kepada rakyatnya. Salman al-Farisi menyoal Saidina Umar kerana mendapat lebih daripada yang sepatutnya. Saidina Umar telah menerangkan bahawa ia adalah pemberian daripada bahagian anaknya kepada beliau.

Apabila rakyat dapat akses maklumat tentang pendapatan dan kekayaan yang dimiliki oleh pimpinan mereka, rakyat berhak untuk mempersoalkan mengapa pimpinan mereka mempunyai harta atau aset yang tidak masuk akal.

■1700

Jadi, bagi saya ini adalah satu ruang yang terbuka, ruang yang baik untuk kita mengambil sikap pertanggungjawaban. Saya ambil contoh, kedua-dua Perdana Menteri Slovenia dan Ketua Pembangkang di Slovenia didesak untuk meletak jawatan apabila mereka didapati menyembunyikan aset yang bernilai tinggi dan mereka tidak mengisytiharkan pelanggaran kepentingan dalam rundingan perniagaan, rakyat desak untuk mereka meletak jawatan.

Satu persoalan yang ditimbulkan ialah mengapa pembangkang perlu wajibkan—mengapa pengisytiharan harta wajibkan kepada pembangkang? Ini ada dinyatakan tadi, disebutkan. Jawapannya mudah, untuk tutup lubang-lubang rasuah, untuk tutup salah laku, untuk tutup salah guna kuasa, untuk telus dan tulus, akhirnya ialah kepada rakyat. Wakil rakyat tidak kira kerajaan ataupun pembangkang ada pengaruh, ada kuasa, janganlah kita nafikan. Sesetengahnya ada kedudukan dalam GLC, dalam GLC negeri. Akan tetapi tidak ada masalah kalau pendapatan itu pendapatan yang sah. Akan tetapi kalau pendapatan yang diperoleh agak melampau, tidak munasabah, maka mekanisme pengisytiharan harta ini boleh menyemaknya. Saya rasalah ini bukan soal peruntukan

Yang Berhormat, peruntukan besar ataupun kecil. Ia sebenarnya adalah dari segi sama ada kita dapat sumber pendapatan itu daripada sumber samar ataupun gelap, mungkin kita dapat daripada kontraktor dan lain-lain. Itu yang menimbulkan permasalahan.

Akan tetapi dengan adanya pengisytiharan harta, kita harap maka perkara-perkara itu dapat disemak. Tuan Yang di-Pertua, saya percaya usul ini ialah langkah awal yang penting di peringkat Parlimen untuk kita benar-benar mengukuhkan dan mereformasi institusi Parlimen. Tidak ada salahnya kita mulakan dengan usul ini sebagai tanda komitmen wakil rakyat dan diikuti kemudiannya dengan pindaan undang-undang. Tidak ada salahnya dan pengisytiharan harta ini bukanlah baharu, ini sudah lama kita bincang, malah kerajaan ini dan wakil-wakil rakyat telah buat pengisytiharan lebih awal, bukan pada tahun ini, bukan pada selepas ini tetapi lebih awal lagi.

Jadi, saya percaya dan yakin, *insya-Allah* sebagai kesimpulan Tuan Yang di-Pertua, kaedah usul yang dibawa ini tidak ada masalahnya, malah menjadi tanggungjawab bagi setiap Ahli Dewan untuk menyokongnya atas semangat ketelusan dan kebertanggungjawaban kepada rakyat. Kerajaan kali ini jelas serius dengan inisiatif ini dan saya syorkan pembangkang untuk sokong, bukan sebab tunduk kepada usul daripada kerajaan dan bukan kerana hendak mempertikaikan soal teknikal tetapi sebab akur kepada kehendak rakyat. Saya yakin Malaysia di atas landasan yang betul untuk perangi rasuah dan kita sama-sama jayakannya. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Ledang. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Jelutong, lima minit.

5.03 ptg.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya menunggu-nunggu untuk peluang ini diberikan. Daripada pagi tadi kita berbahas tentang Usul Pengisytiharan Harta dan bersama-sama saya ada di sini borang yang telah saya sendiri serahkan kepada pihak SPRM. [*Tepuk*] Pada tarikh 10 hari bulan, berapa harta yang saya ada, berapa kereta yang saya ada, semuanya di sini. Ada juga akuan penerimaan oleh pihak SPRM. Cuma dalam portal tersebut tidak dinyatakan aset, kalau Yang Berhormat Kota Bharu ingin tahu berapakah maklumat, saya sedia serahkan, berapa rumah, berapa kereta yang ada, boleh datang dan lihat, kepada wartawan juga akan saya serahkan nanti.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tunggu dahulu, saya belum. *Sorry I'm not*— saya tidak beri jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Cuma 4 minit sahaja.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya cuma ingin nyatakan di sini bahawa saranan yang dibuat untuk semua Ahli-ahli Parlimen kerajaan menyerahkan aset mereka adalah sesuatu peraturan di mana semua kita telah mematuhi peraturan tersebut. Sekiranya kita tidak menyatakan aset-aset kita, saya yakin dan percaya tindakan tatatertib mungkin akan diambil. Ini juga adalah untuk meningkatkan integriti Kerajaan Pakatan Harapan.

Saya cuma ingin menyatakan di sini bahawa saya tidak mahu Yang Berhormat di sebelah sana, terutamanya daripada Barisan Nasional dan PAS, untuk berselindung di sebalik alasan-alasan yang remeh. Saya cabar, kalau saya sebelum menjadi seorang ahli politik, menjadi seorang peguam dan saya membela dan juga mengutip yuran untuk kes-kes yang telah saya kendalikan, yakin dan percaya bahawa itu juga adalah sama dengan Yang Berhormat Kota Bharu.

So, semua harta-harta pencarian kita, kita isytiharkan dengan pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri. Oleh sebab itulah saya berani untuk mengisytiharkan di sini aset-aset yang telah saya beli dan yang masih lagi saya hutang dan masih lagi sedang saya bayar kepada pihak bank, tidak kiralah kedai, rumah kedai, rumah ataupun kereta dan sebagainya. Akan tetapi saya cabar Yang Berhormat-Yang Berhormat di sebelah sana.

Kalau semua pencarian, harta pencarian Yang Berhormat-Yang Berhormat di sebelah sana, PAS dan UMNO, MCA, MIC semuanya halal, tidak ada melibatkan rasuah, kenapa takut untuk mengisytiharkan? Kalau betul anak jantan, kalau betul anak jantan, kalau semua pendapatan itu adalah pendapatan yang halal, saya cabar untuk isytiharkan sekarang juga supaya jangan kita gunakan alasan-alasan bahawa ini adalah merupakan usul yang tidak ada mengikat kita dari segi undang-undang dan sebagainya.

Saya di sini, ingin menyatakan bahawa dalam sejarah kita lihat sejak kebelakangan ini Ahli-ahli Parlimen daripada UMNO dituduh begitu banyak sekali melakukan kes-kes rasuah. Kita lihat Yang Berhormat Pekan sendiri menyimpan duit sebanyak RM114 juta tunai dalam pangsapuri beliau baru-baru selepas pilihan raya selesai. Kita minta penjelasan, rakyat hendak tahu dari mana datang duit ini? Dari mana pendapatan ini? Adakah duit ini dicari secara halal? Yang Berhormat daripada PAS, kalau kita...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Jelutong, beri peluang.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Pendang, tunggu dahulu, saya belum habis. Kalau Yang Berhormat daripada PAS juga tidak risau, tidak ada perkara-perkara kita hendak tutup, kalau kita tidak setuju dengan usul ini pun, kita bolehlah meningkatkan lagi imej kita di sisi rakyat jelata bahawa kita tidak ada apa-apa untuk takut. Seperti pepatah Melayu, "*berani kerana benar, takut kerana salah*". Di sebelah sini kita berani isytihar sebab kita berani kerana benar, kenapakah Yang Berhormat-Yang Berhormat di sebelah sana takut untuk isytihar? Takut kerana mungkin pendapatan itu tidak halal? Takut kerana tidak mahu rakyat tahu harta-harta ini begitu banyak sangat dicari oleh kita dengan menggunakan cara-cara yang tidak halal? Adakah itu perkara yang dirisaukan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat di sebelah sana?

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: So, saya di sini hendak tahu Yang Berhormat, akhir katalah saya akan beri peluang. Kalau kita di sebelah sana bukanlah penyamun, penyangak, pencuri seperti yang dikatakan Yang Berhormat Langkawi selalu, saya berani Yang Berhormat-Yang Berhormat di sebelah sana isytiharkanlah harta, saya cabar. Terima kasih Yang Berhormat. Saya mohon menyokong. [Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Saya ingin teruskan menjemput Yang Berhormat Setiawangsa. Ada? Kalau tidak, saya terus— Yang Berhormat Setiawangsa baharu masuk, 5 minit Yang Berhormat.

5.08 ptg.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali, pengisytiharan harta ini bukanlah perkara baharu. Ada satu pepatah ataupun kata-kata yang sering digunakan oleh mereka yang memperjuangkan pengisytiharan harta iaitu "*sinaran mentari adalah pembasmi kuman yang terbaik/Sunlight is the best disinfectant*" yang dikatakan oleh Hakim Louis Brandeis. Di mana simboliknya, apabila ada ketelusan, maka ia dapat membantu untuk mencegah amalan seperti rasuah dan salah guna kuasa.

Antara Parlimen yang telah menguatkuasakan pengisytiharan harta untuk Ahli-ahli Parlimen, antaranya termasuklah Ahli Parlimen di Parlimen Eropah (*European*

Parliament), Ahli Parlimen United Kingdom menerusi *Register of Members' Financial Interests*, Ahli Lok Sabha ataupun Parlimen India, Ahli Parlimen Australia dan banyak lagi. Kajian Bank Dunia pada tahun 2012 terhadap 176 negara, memperlihatkan 137 negara mempunyai *system financial disclosure*, 127 negara memperuntukkannya untuk anggota Kabinet dan 125 negara memperuntukkannya untuk Ahli Parlimen.

Jadi, dakwaan yang dibuat oleh pihak pembangkang bahawa tidak patut diperkenalkan perkara ini untuk Ahli Parlimen, sebenarnya tidak relevan.

■1710

Kita telah tahu di Malaysia, anggota pentadbiran telah lama melakukannya. Cuma kalau dalam sistem terdahulu, ia dilakukan kepada Perdana Menteri. Kerajaan Pakatan Rakyat yang mana PAS juga sebahagian daripadanya dan tidak timbul isu Tuhan melarang mengisytiharkan harta dan sebagainya, Kerajaan Pakatan Rakyat di Pulau Pinang dan Selangor juga telah membuat pengisytiharan harta secara terbuka yang melibatkan Menteri Besar, Ketua Menteri dan EXCO-EXCO termasuk EXCO daripada PAS.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Minta laluan.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Ya.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Terima kasih Yang Berhormat kawasan ...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Setiawangsa.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Setiawangsa. Semasa kita dalam Pakatan Rakyat, kita pun bersetuju bukan masalah apa. Ini satu usul. Dahulu kita secara sukarela, ia di antara tiga gabungan ini bersetuju untuk mengisytiharkan harta kepada ...

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Okey.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Sesama kerajaan.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Saya faham.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Itu yang pertama.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Okey saya faham. Sekarang *turn* saya, jadi akan jawab.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Jadi saya mintalah. Saya hendak minta sebab ini satu perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Setiawangsa tadi.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Ya, jadi okey, terima kasih.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Jadi usul ini merupakan satu *motion*. *Motion* hanya berkisar di dalam Parlimen.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Okey, terima kasih. Saya faham ...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Katakanlah kita tidak isytihar ...

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Saya faham, saya akan jawab sebab saya tinggal dua minit lagi.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Parlimen sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pendang, masa sudah suntuk. Terima kasih Yang Berhormat Pendang.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Sekarang masa saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Maaf. Sila Yang Berhormat Setiawangsa.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Jadi persoalannya sebab saya hendak menjawab sebab tadi ada hujah yang diutarakan oleh pemimpin PAS bahawa kita tidak sepatutnya menunjuk-nunjukkan harta. Jadi saya menjawab soal itu dan saya akan menjawab soal *technicality* yang dibangkitkan sebentar tadi. Jadi dengan pengisytiharan yang pernah dibuat oleh pimpinan PAS sebelum ini dalam Pakatan Rakyat, tidak timbul soal tidak boleh menunjukkan harta sebagaimana seorang kepimpinan. Saya telah katakan juga untuk Ahli Parlimen, ia telah dilakukan di 125 negara pada tahun 2012. Jadi ia adalah sebahagian daripada kriteria untuk menjadi sebuah negara maju.

Kalau kita lihat pengisytiharan harta ini adalah sangat penting agar rakyat mempercayai kepimpinan mereka. Kita tidak dapat mereformasi negara atau memajukannya jika rakyat tidak mempercayai ahli politik. Kita lihat krisis politik di United Kingdom dan *Brexit* pada hari ini dan banyak masalah keyakinan terhadap pimpinan politik di United Kingdom bermula daripada skandal perbelanjaan Ahli Parlimen ataupun *expenses scandal* yang berlaku di sana.

Jadi tadi Yang Berhormat Santubong juga ada membangkitkan bagaimana tentang Ahli Parlimen pembangkang yang terlibat di dalam *business*. Kami *backbencher* pun kena mengisytiharkan harta dan ada yang banyak harta. Saya tidak banyaklah tetapi tidak ada masalah. Apa yang kita hendak ceritakan kepada rakyat adalah sumber pendapatan itu adalah pendapatan yang betul. Kita tidak mahu tiba-tiba masuk dalam

akaun kita wang, selepas itu hendak menjawab, kita kata datang daripada putera Arab dan sebagainya.

Perubahan jumlah wang juga tiada isu. Sebagaimana saya telah nyatakan tadi kerana seperti juga laporan kewangan syarikat, ia adalah *snapshot* pada tarikh yang tertentu yang mana menggambarkan keadaan kewangan kita. Jadi tidak timbul alasan.

Saya hendak menyentuh sedikit lagi tentang dalam Kitab Rijal Haul al-Rasul yang disebutkan Abu Hurairah pernah dilantik menjadi Amir Bahrain, yang merupakan jawatan kerajaan. Beliau telah bekerja di samping menjawat jawatan tersebut sehingga beliau menjadi orang yang berharta. Apabila penambahan harta Abu Hurairah ini – saya hendak habiskan – sampai kepada pengetahuan Sayidina Umar yang merupakan khalifah ketika itu, ia menyebabkan Umar telah memanggil Abu Hurairah supaya datang menghadap. Ketika berhadapan dengan Abu Hurairah, Umar berkata, *“Wahai musuh Allah dan musuh kitabullah, apakah kamu telah mencuri harta Allah?”*

Ucapan keras Umar itu menyebabkan Abu Hurairah tersentak, lalu berkata, *“Aku bukan musuh Allah, dan bukan musuh kitabullah, malahan aku akan menjadi musuh kepada orang yang memusuhi kedua-duanya dan aku juga bukan orang yang mencuri harta Allah”*. *“Justeru, dari mana kamu peroleh sepuluh ribu itu?”*. Ini adalah pengisytiharan harta yang berlaku ketika itu. *“Kuda kepunyaanku telah beranak pinak, dan lagi, aku mendapat pemberian dari orang yang mengunjungiku”* jawab Abu Hurairah. *“Jika begitu, serahkan semua hartamu itu kepada baitulmal”*, kata Sayidina Umar.

Jadi sebab itu bagi saya, ini adalah jawapan kalau mereka hendak menggunakan hujah agama untuk tidak bersetuju dengan perkara ini. Akan tetapi apa yang saya boleh persetujui adalah untuk bergerak ke hadapan, kita boleh mantapkan lagi kerangka pengisytiharan harta supaya kita boleh buat melalui pindaan peraturan mesyuarat dan sebagainya, supaya nampak lebih konkrit. Itu saya tidak ada masalah dengan pihak pembangkang tetapi bagi saya, ini adalah satu permulaan dan permulaan yang patut disambut dengan positif kerana telah banyak dilakukan oleh pihak kerajaan dan sebagainya. Kita melihat ini sebagai satu amalan untuk memantapkan sistem Parlimen negara kita. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato’ Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Setiawangsa. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tebrau diikuti oleh Yang Berhormat Lembah Pantai, diikuti oleh Yang Berhormat Subang. Lima minit seorang.

5.15 ptg.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi saya, pengisytiharan harta ini adalah satu tatatertib yang baik untuk diamalkan oleh semua Ahli- Yang Berhormat. Cukup sudah undang-undang yang sedia ada, yang berkenaan kena membuat akuan sumpah di bawah Akta Akuan Berkanun. Jika membuat akuan yang palsu, seseorang itu boleh didakwa di bawah akta yang saya sebutkan tadi. Seseorang yang membuat akuan palsu juga boleh didakwa di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Jadi ini bagi saya tidak perlu kita merangka satu undang-undang yang baharu sebelum kita mengamalkan pengisytiharan harta.

Saya nampak tujuan pengisytiharan harta bagi semua Yang Berhormat ini merupakan satu langkah yang baik. Hari ini yang sebelah sana merupakan pembangkang. Mana tahu suatu hari nanti mereka akan mengambil kuasa lagi sekali. Ini cuma satu langkah permulaan untuk menempatkan Malaysia dalam satu situasi yang akan mengelakkan semua masalah yang ketara, yang berpunca daripada rasuah yang berleluasa dan besar seperti yang telah berlaku sebelum PRU14.

Ini pun boleh dijadikan sebagai satu amalan yang baik bagi sektor perdagangan pada masa yang akan datang. Saya berharap dengan permulaan pengisytiharan harta ini oleh semua wakil rakyat, amalan ini akan menjadi satu budaya yang mana rakyat jelata pun sedia menerimanya dan juga menukar sikap mereka supaya mereka boleh melakukan pemantauan keadaan rasuah dalam masyarakat kita.

Rasuah ini harus dikawal. Rasuah merupakan ekonomi hitam dan ia membawa impak besar terhadap ekonomi sesebuah negara. Hasil kerajaan akan dikurangkan kerana duit rasuah akan lari daripada dikenakan cukai. Selain daripada hasil berkurangan, kos juga meningkat disebabkan rasuah. Pelaksanaan Program Mesra Rakyat akan disekat oleh sebab kita kena membayar lebih banyak lagi daripada yang sepatutnya. Jadi langkah yang dimulakan dengan pengisytiharan harta ini harus disokong oleh semua.

Akan tetapi di sini, saya berharap maksud "aset" dalam borang pengisytiharan itu mesti diluaskan untuk memasukkan duit simpanan tetap, bon, opsyen, *i-account* dan sebagainya. Bukan hanya saham sahaja kerana kalau kita melupakan semua ini, jadi ia tidak akan menggambarkan harta aset yang kesemuanya. Saya berharap juga kita harus mengemaskinikan semua perubahan harta setiap wakil rakyat pada setiap tahun yang berakhir pada 31 Disember.

■1720

Jadi saya berharap dengan ini, saya sokong sepenuhnya usul pengisytiharan aset. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Tebrau. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Lembah Pantai, lima minit.

5.20 ptg.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada tiga perkara yang ingin saya bangkitkan. Pertama adalah bila kita bincang dan berbahas, sebenarnya rakyat di luar sana amat mengharapkan kita melaksanakan pengisytiharan aset. Pada 1 Jun yang lalu, satu laporan berita telah menyatakan mengikut kajian daripada *UCSI Poll Research Centre* terhadap 1,015 responden. Sejumlah 61.1 peratus daripada responden berkata pengisytiharan harta merupakan kaedah berkesan untuk menangani amalan rasuah. Saya baru memuat naik dalam *Twitter* saya sendiri dan bertanya kepada warga net, apakah pandangan mereka? Hampir 90 peratus daripada mereka yang walaupun tidak saintifik, tetapi bagi saya menunjukkan rakyat yang prihatin tentang isu ini mengharapkan kita mengisytiharkan harta. Jadi di luar sana, rakyat Malaysia mengharapkan kita di kalangan yang ada di sini, 222 orang daripada lebih 30 juta rakyat Malaysia yang menjadi pemimpin boleh menunjukkan tahap kepimpinan kita dengan mengisytiharkan harta. Dalam suasana demokrasi yang ingin kita mantapkan, saya rasa ini adalah satu langkah yang cukup baik.

Kedua, ada persoalan tentang – saya sedikit terkeliru dengan pendirian Yang Berhormat Kubang Kerian yang mana di akhir penghujahan beliau tadi, saya tidak pasti sebenarnya kedudukan beliau apa. Saya minta staf saya melihat semula ucapan Yang Berhormat Kubang Kerian. Pada 3 April, Yang Berhormat Kubang Kerian telah menyatakan bahawa beliau – saya bacakan di sini, *“Pertama sekali saya ingat soal pengisytiharan harta ada beberapa perkara yang perlu kita beri perhatian. Soal pertama ialah peraturan yang kita buat mewajibkan semua pihak kerajaan mengisytiharkan harta. Kewajipan tersebut tidak dilebarkan kepada pembangkang”*. Ini satu perkara. Bermaksud pada bulan April yang lalu, Yang Berhormat Kubang Kerian sebenarnya menyokong usaha untuk melebarkan, meluaskan pengisytiharan harta ini kepada pihak pembangkang. Akan tetapi pada hari ini, saya tidak pasti pendirian beliau sampaikan orang di luar sana mempunyai tanggapan bahawa apakah yang ingin kita lindungi

ataupun kita selindungi dengan tidak mengisytiharkan harta. Pada hemat saya, pada pandangan saya, sebuah parti seperti PAS sepatutnya yang pertamalah mengarahkan ahli-ahli mereka untuk mengisytiharkan harta, bukan menggunakan hujah untuk berselindung. Bagi saya, marilah bersama-sama dengan kami untuk kita isytiharkan harta dan kita tunjukkan kepada rakyat, tidak ada apa-apa yang perlu kita risaukan.

Ketiga adalah persoalan tentang landasan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Santubong. Saya pun telah melihat kepada beberapa perkara...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: *[Bangun]*

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Memandangkan masa tidak mencukupi, saya ingin meneruskan. Saya tinggal dua minit sahaja lagi...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Pohon, pohon laluan. Tumpat pohon laluan. Ini sebab sebut PAS tadi.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Saya ingin meneruskan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Santubong berkenaan dengan landasan. Saya melihat bahawa bila kita lihat pada usul ini...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tadi sebut PAS, PAS hendak jawab tidak berani hendak dengar.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Ia menyatakan dengan jelas bahawa kita diminta untuk menyerahkan ataupun mengisytiharkan harta kepada Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Ini adalah arahan daripada Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat kepada Ahli-ahli Mesyuarat. Kalau kita lihat kepada Dewan Bahasa dan Pustaka, memang Tuan Yang di-Pertua itu adalah ditakrifkan sebagai orang yang dilantik menjadi ketua satu perkumpulan iaitu ini adalah satu perkumpulan dan kami berketuakan Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

Oleh yang demikian, kita tidak timbul isu untuk kita mengisytiharkan kepada Yang Berhormat Perdana Menteri ataupun tidak kerana kita mengisytiharkan mengikut usul ini kepada Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Bagi saya, isu ataupun kuasa apabila disebut tentang Ordinan ataupun Akta Majlis Parlimen 1952 jelas pada Perkara 9(c) dalam bahawa Inggeris disebut dengan izin, *"The willful failure or refusal to obey any lawful order of the House, whereby the House is likely to be obstructed or impeded"*. Ini adalah satu pelanggaran dan jika Tuan Yang di-Pertua telah menetapkan satu peraturan seperti yang termaktub dalam Peraturan Mesyuarat 43, keputusan Tuan Pengerusi adalah muktamad, maka pelanggaran itu membolehkan kita merujukkan seseorang ahli itu kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.

Bagi saya, apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Santubong itu tadi telah - bagi saya tidak berasas langsung, berasaskan kepada hujah-hujah yang saya berikan sekarang. Jadi, bagi saya tidak timbul perkara – marilah kita sama-sama mengangkat satu iltizam yang baharu dalam suasana Malaysia baharu untuk mengukuhkan amalan demokrasi di negara kita dengan menyokong usaha untuk mengisytiharkan harta. Marilah kita sama-sama membina sebuah Malaysia yang lebih baik. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Subang. Kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Segamat, Yang Berhormat Merbok dan Yang Berhormat Kapar. Ahli Yang Berhormat yang terakhir adalah Yang Berhormat Kapar. Lima minit seorang.

5.25 ptg.

Tuan Wong Chen [Subang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas dalam perkara pengisytiharan harta Ahli-ahli Parlimen. Dewan ini sedia maklum bahawa tahun lalu Ahli-ahli Parlimen kerajaan telah mengisytiharkan harta mereka. Oleh yang demikian, usul hari ini adalah sangat penting untuk memastikan *accountability* dan *transparency* diamalkan sepenuhnya di dalam Parlimen Malaysia.

Saya menyokong penuh usul ini dan saya memerhati bahawa usul ini memberi kuasa kepada Tuan Yang di-Pertua untuk mencorakkan bentuk dan rupa deklarasi-deklarasi isytihar harta. Dengan izin, *this motion basically empowers the Speaker to compel the MP's to make asset declaration in a format prescribe by him*. Ini adalah poin yang tersangat penting bahawa usul ini tidak mengehendkan kuasa Tuan Yang di-Pertua untuk mengikut format deklarasi Pakatan Harapan secara verbatim. Tuan Yang di-Pertua, *this is a golden opportunity to prescribe a new format on asset declaration that would be better and in a more accurate version*.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedia memberi *constructive criticism* terhadap deklarasi aset Pakatan Harapan demi kepentingan rakyat dan juga negara. Rakyat cukup bosan dan marah terhadap isu rasuah. Rakyat tidak faham kenapa pendapatan Ahli-ahli Parlimen termasuk Yang Berhormat Menteri adalah beribu-ribu ringgit, tetapi ada juga ahli keluarga Ahli Parlimen yang menggambarkan hidup *lifestyle* seperti orang yang mempunyai beratus-ratus juta aset. Saya diberitahu oleh pelatih-pelatih saya, *intern* saya bahawa terdapat banyak anak-anak Ahli Parlimen yang suka mengambil

gambar dengan kereta mewah, *holiday* yang mewah, pakai jam mahal beratus ribu, naik kapal terbang *first class* dan *post* dekat *Instagram* dan juga *social media* padahal ibu bapa mereka cuma bergaji beribu-ribu sahaja. Dengan izin, *there is a lots of unexplained wealth voluntarily posted on social media by this children*. Ini menimbulkan rasa kemarahan rakyat dan juga membuat rakyat *cynical* terhadap Ahli-ahli Parlimen dan secara *direct* menimbulkan prasangka bahawa deklarasi aset kita adalah buat wayang sahaja. Oleh yang demikian, dengan usul ini, *we have a second chance* untuk memperbaiki format dan juga *substance of asset declaration*.

Tuan Yang di-Pertua, poin pertama saya adalah untuk mengesyorkan deklarasi ini memberi gambaran aset isteri atau suami Ahli Parlimen secara sepenuhnya dengan izin, *the husband and wife should jointly declare their asset and make available details to the public*. Kalau tidak, seorang Ahli Parlimen boleh memindah aset kepada isteri ataupun suami dia untuk menonjolkan aset yang jauh kurang daripada apa yang sebenarnya.

Poin kedua ialah saya ada dua anak dan mereka berumur enam dan lapan tahun sahaja tetapi format deklarasi Pakatan Harapan, saya kena *declare* duit anak-anak saya yang kecil. Akan tetapi untuk anak Ahli Parlimen yang berumur 21 ke atas tidak perlu *declare* langsung. Ini bermakna terdapat *loophole* di mana Ahli Parlimen boleh sorok aset mereka kepada anak-anak dewasa mereka. Oleh yang demikian dengan usul ini, saya minta Tuan Yang di-Pertua untuk menggunakan kuasa untuk *ratify* kedua-dua *loophole asset declaration* Pakatan Harapan.

Poin ketiga Tuan Yang di-Pertua adalah *asset declaration* perlu diberi nasihat dan dipantau oleh *independent body*. Kita tidak boleh *just declare*, tetapi *independent body* kena memastikan bahawa deklarasi itu *reflects a true and fair view*. Saya faham banyak Ahli Parlimen bukannya akauntan, memang rumit untuk menyediakan akaun aset mereka, kadang-kadang ada juga *mistake*. Juga dalam isu-isu teknikal yang kompleks yang perlu di bincang seperti isu *preference shares*, *convertible shares* dan juga *poll and call option* dan juga *trust fund*. Ini semua perlu perkiraan teknikal yang cukup rumit.

Oleh demikian, untuk memastikan deklarasi aset Ahli Parlimen betul-betul *accurate*, saya cadangkan *pejabat Auditor General* dijemput untuk draf dan beri input sepenuhnya tentang perkara teknikal-teknikal tersebut. Saya juga faham bahawa rumitnya kalau kita hendak buat *valuation* terhadap saham syarikat seperti Yang Berhormat Beruas, beliau sudah timbulkan perkara ini. Oleh itu, kita perlu memastikan

bahawa pengisytiharan harta kita adalah sebaik mungkin. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, dengan izin juga, *“Asset declaration is the first step towards fighting the corruption. Let’s make sure that the first step is on firm and proper footing”*.

■1730

As a side note, saya juga menyeru kerajaan untuk merangka satu rang undang-undang untuk mengatasi isu *unexplained wealth*. Itu saya rasa adalah *step* kedua yang perlu kita lakukan untuk menyempurnakan semangat usul ini. Dengan adanya satu *unexplained wealth legislation*, kita boleh *forfeit* di bawah bidang kuasa undang-undang sivil semua aset yang berpunca dari rasuah dan juga salah guna kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja ucapan saya. Saya menyokong usul ini dan saya berharap semua pihak, *the both side* akan menyokongnya dengan izin, *it is high time for motion like this to shine the light of transparency to cleanse this House of Parliament from the darkness of corruption*. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato’ Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Subang. Saya jemput Yang Berhormat Segamat. Lima minit.

5.30 ptg.

Dato’ Seri Dr. Santhara [Segamat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan lima minit. Saya mendapati bahawa mereka yang seperti saya yang jauh datang ini selalu hanya mendapat lima minit. Ini satu perkara yang saya tidak puas hati tetapi apa yang saya hendak buat. Tuan Yang di-Pertua yang berkuasa di sini.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya menyokong Usul Pengisytiharan Harta ini kerana saya telah pun buat deklarasi harta saya. Akan tetapi pada masa yang sama, saya menyokong penuh Yang Berhormat Subang yang mengatakan bahawa niat untuk membuat deklarasi harta ini penting. Ini kerana niatnya adalah pastikan bahawa apabila seseorang telah menjadi Ahli Parlimen, wakil rakyat bahawa beliau akan memastikan bahawa tidak adanya peningkatan harta luar biasa selain daripada yang telah pun diisytiharkan kepada Lembaga Hasil ataupun pendapatan daripada *capital gain* mahupun saham ataupun daripada dividen.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menambah baik borang pengisytiharan ini. Ini kerana saya mendapati dalam borang yang kita laporkan pada tahun lepas, kita mendapati ada pendapatan Yang Berhormat dan juga ada pendapatan daripada isteri Yang Berhormat dan juga anak-anak yang berumur kurang daripada 21 tahun.

Akan tetapi saya mendapati bahawa harta bersama ataupun harta di antara suami dan isteri, harta bersama juga harus kita buat deklarasi ataupun harta bersama Yang Berhormat dengan saudara lain. Dalam keadaan ini, kita hanya buat deklarasi harta peribadi dan juga harta isteri dan juga harta anak.

Contohnya, memandangkan Yang Berhormat Kota Bharu tidak ada tetapi beliau telah menyatakan kepada - sewaktu saya keluar tadi tetapi saya mengambil kesempatan ini untuk menerangkan. Contohnya saya membuat deklarasi kepada MACC. Harta belian daripada saya adalah RM29.45 juta. Harta daripada isteri RM26.75 juta, harta di antara saya dengan isteri adalah RM28 juta. Harga belian RM84 juta tetapi selepas harga anggaran yang dianggarkan pada masa ini adalah saya punya RM63 juta, isteri RM73, bersama RM69 juta. Kesemuanya RM205 juta tetapi saya mendapati hari itu, harta bersama tidak dimasukkan ataupun naik dalam bidang MACC lagi.

Mengapa saya beritahu? Saya tidak mahu tahun depan Ahli Yang Berhormat kata RM132 juta sekarang jadi RM205 juta. Maka, saya ingin beritahu. Maknanya ini perlu ditambah baik kerana borang ini kita mendapati, saya *declare* penuh tetapi saya tidak mahu nanti orang kata tahun depan Yang Berhormat Segamat ini menipu. Maka borang ini harus ditambah baik. Ini kerana ia perlu pastikan kerana niatnya adalah untuk apabila seseorang telah menjadi sebagai ahli politik agar beliau tidak menipu atau menyalahgunakan kuasa. Walaupun pada asalnya saya mendapati... [Disampuk]

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Segamat, minta laluan.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Sebentar. Yang Berhormat Pendang saya mesti bagi orang Kedah. Ini kerana niatnya adalah untuk pastikan bahawa hanya kakitangan kerajaan ataupun mereka ini adalah daripada Ahli Parlimen pentadbiran. Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang membuat pengisytiharan harta dan juga letakkan dalam *website*. Akan tetapi setelah kita larang, mereka telah pun meletakkan untuk semua orang.

Kita mendapati memang ada banyak kekangan ataupun banyak ketegangan yang berlaku kepada keluarga dan juga sebagainya. Pada mulanya kita takut hendak pergi bawa anak dan juga sebagainya. Akan tetapi, lama-kelamaan kita mendapati bahawa kita dapat terima. Ini kerana apabila kita membuat satu *asset declaration* bukan bermaksud kita ada RM200 juta di rumah kita. Saya tidak ada RM140 juta di rumah saya tunai, tidak ada.

Ini adalah aset dan ada kalanya apabila kita beli aset di luar negara, jangan salahkan saya jika harga ringgit jatuh, harga mata wang negara asing, nilai mata wangnya tinggi tiba-tiba kita mendapati ada 40 peratus kenaikan kerana kejatuhan mata wang ringgit kita.

Maka, saya harap khususnya memandangkan Yang Berhormat Kota Bharu tadi ada mengemukakan agar perkara ini dilihat perkara yang penting, maka saya mengambil *liberty* untuk menjelaskan.

Akhir sekali, satu minit yang terakhir ialah saya hendak mengatakan bahawa yang pentingnya adalah *asset declaration* ini dibuat pada setiap tahun yang dijual dan yang dibeli dan juga seandainya ada hadiah yang diberikan. Jual tidak jual, masih buat *asset declaration*. Saya rasa itu yang penting. Saya yakin bahawa seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat Subang bahawa anak yang berumur 21 tahun ke atas setidak-tidaknya perlu dinyatakan bahawa berapa jumlahnya dan sebagainya ataupun diminta anak tersebut untuk juga membuat deklarasi harta dan sebagainya. Itu khususnya kepada Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ini kerana mereka mempunyai kuasa. Oleh sebab mempunyai kuasa maka haruslah memastikan bahawa kita memberikan kepercayaan dan keyakinan kepada rakyat. Kita kena tunjukkan teladan yang baik.

Maka dengan itu, saya mengambil peluang yang diberikan oleh Tuan Yang di-Pertua untuk menyokong penuh usul ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Segamat. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Merbok lima minit.

5.36 ptg.

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin respons sedikit persoalan kenapa usul ini kita lihat sebahagian daripada kita dilihat tergesa-gesa. Kenapa kita segerakan usul ini? Pada hemat saya, usul ini sewajarnya dilakukan beberapa puluh tahun dahulu, bukan sekarang. Kenapa pentingnya kepada rakyat? Kita kena harus ingat, semua bahawa Ahli Parlimen adalah mewakili rakyat. Jadi roh sebagai wakil rakyat itu maka amatlah rasional segala harta yang dipunyai oleh wakil rakyat diisytiharkan. Tidak kisahlah kita berada di sebelah mana pun.

Kemudiannya, saya ingin berkongsi satu kata-kata hikmah, "*Kehebatan seorang panglima itu tidak bergantung kepada berapa banyak kepala musuh yang dipenggalnya tetapi berapa banyak musuh yang dapat dijadikan kawan*". Maka, kiasannya di sini

bermakna kemenangan sebenarnya bukan berapa bilangan kerusi di Parlimen yang kita perolehi tetapi sejauh mana *success*-nya kita membawa agenda reformasi dengan kemenangan tersebut.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Maka, saya melihat pengisytiharan harta setiap Ahli Parlimen merupakan salah satu proses *reform* yang mesti kita lakukan. Ia juga sebenarnya kita boleh anggap sebagai auditor. Ini kerana manusia fitrahnya, apabila dirasakan sentiasa diaudit ia akan sentiasa berwaspada. Pengisytiharan ini juga saya lihat akan memelihara diri kita daripada terjebak daripada rasuah, menyusun projek-projek kerajaan menggunakan kedudukan atau membeli pengaruh. Saya setuju dengan Yang Berhormat Sibuti tadi apabila beliau sendiri memberikan contoh apabila Ahli Parlimen hendak tukar kereta daripada *Axia* kepada kereta pacuan empat roda pun timbul rasa kebimbangan kerana kita perlu isytihar pergerakan harta kita. Secara tidak langsung, ini akan memelihara integriti kita dalam diri kita.

Saya akhir sekali, belum akhir lagi. Akhir sekali saya ingin respon yang disebut dalam perbahasan tadi yang ada menyatakan hujah, kita tidak perlu hebah-hebahkan harta. Saya ingin kongsi satu kisah yang mana suatu ketika, apabila Rasulullah pernah bertanya kepada para sahabat secara terbuka. Siapa di antara kamu yang berpuasa? Maka Sayidina Abu Bakar bangkit dan menjawab saya. Kemudian Rasulullah bertanya lagi, siapa di antara kamu yang ziarah dan mengiringi jenazah. Sayidina Abu Bakar bangkit dan menjawab saya. Kemudian Baginda bertanya lagi, siapa di antara kamu yang menziarahi orang sakit? Maka Sayidina Abu Bakar bangkit dan menjawab saya. Seterusnya apabila Rasulullah bertanya, siapa di antara kamu yang memberi makan orang miskin, maka Sayidina Abu Bakar bangkit dan menjawab saya.

Dari kisah ini, saya memahami bahawa amalan peribadi boleh disebut apabila diminta oleh guru atau pemimpin secara terbuka. Maka apatah lagi dalam hal sebegini yang melibatkan kepentingan negara dan orang ramai, maka sangat wajar harta kita, kita isytiharkan. Maka dengan ini, saya setuju dengan usul ini, namun proses ini perlulah diteliti dengan sebaiknya agar memberikan keadilan kepada semua pihak dan objektifnya benar-benar tercapai. Dengan ini saya menyokong usul ini. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Merbok. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kapar.

5.39 ptg.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: *Assalamualaikum* Tuan Yang di-Pertua. Meneliti dan memahami, cuba menghadamkan dan juga *me-respond* daripada apa yang telah dicadangkan, yang diusulkan dan juga yang difikirkan oleh Yang Berhormat Menteri dalam Akuan Berkanun Pengisytiharan Harta Ahli Dewan Rakyat menjurus kepada beberapa perkara yang sebelum ini dilihat bahawa masa depan ataupun apa akan berlaku sekiranya ia terjadi.

Maka usul ini dilihat sebagai berbagai-bagai pandangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat. Ada yang mengatakan bahawa itu tidak memberikan kesan, takut harta dimaklumkan, diketahui, berlakulah jenayah yang akan mereka hadapi. Begitu juga di sebelah sini mengatakan kita ada kekuatan untuk berani mengatakan ini harta kita.

■1740

Maka, pertembungan itu berlaku. Bila pertembungan itu berlaku, kita kena lihat apa nisbah atau apakah inti pati yang hendak dizahirkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan. Sebelum ini cerita rasuah begitu menghantui rakyat. Rakyat takut ada-ada pemimpin tertentu yang mempunyai, mengumpul dan melombongkan harta mereka, ratusan juta dan ini memberikan kesan yang terlalu tersisih, rakyat yang terpinggir. Maka, menjadi satu tanggungjawab Kerajaan Pakatan Harapan yang memacakkan keinginan untuk menjelaskan bahawa kami tidak akan berkompromi dan kami tidak akan membenarkan rasuah berlaku dalam pentadbiran Pakatan Harapan. Satu langkah yang berani dan saya menampakkan kehadiran itu penantian rakyat. Maka keduanya, kenapa Akaun Berkanun Pengisytiharan Harta ini jelas dilakukan? Pertama Tuan Yang di-Pertua, untuk mencerminkan bahawa integriti kerajaan itu perlu ada sistem atau *guideline*-nya, kerana ini satu usul, bukan akta. Namun, integriti dan juga keikhlasan Ahli-ahli Parlimen tidak boleh dilihat cuba berselindung dengan mengaut kekayaan dan menjadi perompak dan penyamun dan rakyat hidup sengsara dan merana. Oleh sebab itu, akaun ataupun usul ini saya tidak fikir sesiapa pun boleh menafikan haknya. Itu satu pergerakan yang luar biasa, langkah setahun kita memerintah.

Ketiganya, dalam roh mengisytiharkan harta ini perlu ada kekuatan. Kekuatannya apa? Kekuatannya untuk memastikan tidak ada berlaku kepincangan dan tidak ada mereka yang cuba menyembunyikan benda yang sebenar. Perkara ini semestinya menjadi satu laungan kita sebelum kita memerintah. Hari ini kita memerintah, jangan ada bicara yang mengatakan bahawa ini sebenarnya memberikan

kesan negatif kepada wakil-wakil rakyat sebelum ini. Sebelum ini pun kita sudah pun membuat pengisytiharan harta. Sebelum pilihan raya dan sudah lepas pilihan raya, maka tidak menjadi masalah untuk kita meneruskan untuk memastikan bahawa kita sentiasa diperhatikan. Maka, menjadi perhatian itulah kalau kita melihat daripada kancah sejarah itu sendiri kenapa adanya zakat? Mengapa adanya anak miskin dan anak asnaf ataupun anak yatim?

Oleh kerana inilah gerombolan yang berlaku daripada zaman Rasulullah SAW sampai sekarang. Menilai daripada hak zakat itu sendiri memberikan motivasi kepada mereka, ini dapat di cermin dan dijernihkan oleh Ahli-ahli Parlimen yang bersedia untuk mereka menjadi *front desk* atau ke depan dalam soal integriti. Keempat, sejarah silam yang memberikan kita banyak isyarat dan kita membicarakan soal masa depan negara, negara akan rosak kalau ada rasuah. Negara akan jahanam kalau mereka lakukan rompakan. Negara ini akan menjadi kucar-kacir kalau ada penjenayah dalam politik yang dianggap penjenayah yang tidak bermaruah. Namun, mesti ada sesuatu peraturan yang membolehkan mereka ini dikawal selia, bukan sahaja memberikan kesan ketakutan tetapi juga memberi kesan harga diri dan maruah. Maruah milik kita semua tetapi maruah perlu ada atur cara. Maruah perlu diberikan peringatan. Maruah juga menjadi sasaran dan maruah akan meraih hasil masyhur sokongan rakyat.

Maka, saya tidak ada bantahan langsung dalam sejarah yang mengatakan bahawa kita perlu ada usul ini. Tuan Yang di-Pertua, orang yang berkuasa penuh untuk menentukan, memastikan bahawa tidak berlaku kepincangan laporan, tidak berlaku penipuan dokumen. Maka, ini satu langkah yang cukup murni dan baik, melombongkan seluruh hujah saya *five seconds* daripada sekarang. Saya, bersetuju tanpa bantahan, 100 peratus usul ini diangkat menjadi *guidelines* atau peraturan Ahli-ahli Parlimen supaya Ahli Parlimen diangkat maruah mereka sebagai pemimpin yang bersih dan jujur. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Kapar. Yang Berhormat Kapar adalah pembahas yang terakhir. Jadi, saya menjemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Silakan.

5.44 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun memberi peranan dalam *debate*

ini dengan begitu hemah sekali, begitu pantas sekali. Jadi, dalam sesi ini saya rasa ini merupakan satu usul yang akan pastinya memberi kesan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini. Cadangan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat juga saya akan mempertimbangkan. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, ramai Ahli Parlimen telah pun bertanya mengenai punca kuasa dari segi perundangan berkaitan dengan Usul Pengisytiharan Harta yang dibentangkan ini. Untuk makluman Yang Berhormat, usul ini telah pun dibawa di bawah Peruntukan Mesyuarat 27(3) di mana Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat ini telah pun dibuat oleh Dewan Rakyat menurut Perkara 62(1) Perlembagaan Persekutuan yang merupakan undang-undang tertinggi di negara kita ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, saya yang sebenarnya telah pun berjumpa dengan Tuan Yang di-Pertua dan mengemukakan pemberitahuan kepada pihak Speaker melalui Setiausaha Dewan Rakyat pada minggu yang lalu. Saya telah pun dimaklumkan bahawa Tuan Yang di-Pertua berpuas hati bahawa usul ini adalah mengikut Peraturan Mesyuarat 27(3) dan membenarkan usul ini dibentangkan di Dewan Rakyat sejak pagi ini. Jadi pada masa yang sama, kita dapat lihat bahawa kita sebagai Ahli Parlimen yang telah pun dipilih oleh rakyat untuk menduduki di Dewan yang mulia ini, selanjutnya menjalankan tugas-tugasan dan juga tanggungjawab sebagai Ahli Wakil Rakyat. Maka, rakyat berhak untuk mengetahui kedudukan pendapatan dan juga harta yang kita miliki sebagai rakyat. Jadi, inilah bagi kepentingan rakyat untuk pastikan mereka tahu kedudukan harta dan juga pendapatan kita.

Selain daripada itu, bagi saya ini juga merupakan satu janji 14 yang telah pun terkandung dalam Buku Harapan. Ini adalah untuk faedah orang ramai, terutamanya kepada mereka iaitu rakyat yang telah pun mengundi Pakatan Harapan pada PRU ke-14 yang lalu. Jadi, saya juga mengambil maklum kebimbangan dan juga kekhawatiran yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di sebelah sama ada jika mereka perlu mengisytiharkan harta mereka kepada masyarakat umum. Pada masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, isu *procedural* sama ada perkara ini perlu dibawa sebagai usul atau satu bentuk undang-undang juga menjadi terma utama penglibatan pada hari ini. Justeru, saya menjawab isu-isu yang telah pun dibangkit oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Yang Berhormat Santubong, yang tidak hadir tetapi walau bagaimanapun beliau telah pun menyoal bagaimana dengan status akuan berkanun membabitkan anak-anak Ahli Parlimen. Untuk makluman Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, bahawa hanya

harta anak-anak yang berusia 21 tahun ke bawah sahaja yang perlu dinyatakan di akuan berkanun tersebut. Pada masa yang sama, Yang Berhormat Santubong juga bertanya adakah kerajaan akan menggubal akta bagi membolehkan pengisytiharan harta oleh Ahli Yang Berhormat.

Berkenaan dengan pengisytiharan harta melalui akta ini, untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan sememangnya sedang dalam proses untuk menggubal peruntukan tersebut untuk dimasukkan dalam akta yang berkenaan. Ini masih dalam proses Tuan Yang di-Pertua, saya harap bahawa ini akan dapat digubal dalam sesi persidangan Parlimen yang akan datang.

Yang Berhormat Sungai Petani, Tuan Yang di-Pertua, telah pun menyarankan agar menyediakan garis panduan yang jelas berkaitan pengisytiharan harta ini seperti tarikh akhir pengisytiharan dan juga sebagainya. Untuk makluman Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada usul ini, Ahli Dewan Rakyat yang telah mengisytiharkan harta mereka dalam tempoh tiga bulan iaitu daripada hari ini sekiranya diluluskan oleh Dewan yang mulia ini, hanya sehingga 1 Oktober tahun ini.

■1750

Dalam borang tersebut juga telah dinyatakan taksiran dan keterangan mengenai:-

- (i) maklumat suami ataupun isteri yang diperlukan yang boleh menyatakan jika mempunyai lebih daripada seorang isteri;
- (ii) anak yang berusia di bawah umur 21 tahun dan tanggungjawab serta hak umur anak;
- (iii) pemegang amanah;
- (iv) jenis pendapatan bulanan Ahli Parlimen dan suami ataupun isteri;
- (v) tanggungan ataupun ansuran bulanan atas pinjaman sendiri dan juga suami isteri; dan,
- (vi) pemilikan harta sendiri suami ataupun isteri, anak dan pemegang amanah.

Setakat ini, panduan dan maklumat dalam borang tersebut disifatkan mencukupi.

Yang Berhormat Sungai Petani juga menyarankan agar pengisytiharan liabiliti juga turut dimasukkan dalam Akuan Berkanun tersebut. Untuk maklumat Yang Berhormat, bahawa pengisytiharan harta seperti yang disarankan telah pun dimasukkan dalam borang pengisytiharan harta tersebut di Bahagian Ketiga keterangan mengenai tanggungan dan ansuran. 3A keterangan mengenai tanggungan ataupun ansuran

bulanan atas pinjaman sendiri manakala Bahagian 3B keterangan mengenai tanggungan ansuran bulanan atas pinjaman suami dan isteri.

Selain daripada itu, Yang Berhormat Kota Bharu telah pun menyoal, adakah peraturan 27(3) ini dipatuhi dan seperti yang saya katakan tadi bahawa semua peraturan telah pun dipatuhi oleh saya apabila saya mengemukakan usul pemberitahuan kepada pihak Tuan Yang di-Pertua minggu lalu. Pada masa yang sama, Yang Berhormat Kota Bharu juga menyoal, apakah tindakan yang telah diambil pihak SPRM dan juga LHDN terhadap pengisytiharan harta yang meragukan seperti yang terdapat dalam portal pengisytiharan harta SPRM. Untuk maklumat Yang Berhormat, berdasarkan dengan sub seksyen 36(1) Akta SPRM, apabila SPRM mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai berdasarkan penyiasatan yang dijalankan dan di sini saya ulangi bahawa perkataan “berdasarkan penyiasatan” yang dijalankan.

Ini merupakan satu senario di mana penyiasatan telah pun dijalankan dan bahawa apa-apa harta yang diperoleh hasil dari satu kesalahan di bawah Akta SPRM 2009 itu, barulah SPRM boleh menghendaki orang itu membuat kenyataan bertulis dengan bersumpah dan berikrar berhubung dengan harta berkenaan. Jadi sekiranya terdapat ...

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Liew Vui Keong: Sebilangan wang dalam akaun seseorang Ahli Parlimen, sekiranya tidak ada penyiasatan yang telah pun dijalankan terhadap harta benda itu, jadi Ahli-ahli Parlimen tidak payah khuatir sama sekali.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Pasir Mas.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pasir Mas minta laluan.

Datuk Liew Vui Keong: Saya habiskan dulu ya. Sebentar lagi. Ini bermakna, pihak SPRM tidak boleh terus menjalankan sesuatu penyiasatan terhadap harta yang meragukan itu tanpa adanya penyiasatan kesalahan di bawah Akta SPRM terlebih dahulu. So Tuan Yang di-Pertua, *as I said*, dia mesti mengadakan siasatan sebelum sesuatu tindakan boleh diambil oleh pihak SPRM terhadap harta benda yang telah pun diisytiharkan oleh Ahli-ahli Parlimen. Dipersilakan.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan saya berkenaan dengan maklumat yang dipaparkan oleh SPRM di laman web. Seperti mana yang telah disebut oleh rakan saya Yang Berhormat Kota Bharu bahawa ada Ahli Parlimen yang mengisytiharkan jumlah asetnya kosong. Jadi adakah di sini berlakunya salah lapor daripada SPRM di mana ia merupakan satu

kesalahan yang serius untuk dipaparkan di khalayak umum ataupun salah isytihar di pihak Ahli Parlimen berkenaan yang juga merupakan satu kesalahan yang perlu diambil tindakan? Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Menteri, saya sambung sikit boleh?

Datuk Liew Vui Keong: Boleh, boleh. Teruskan.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Okey, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berkaitan laman web *mydeclaration.sprm.gov.my*, apa yang dipaparkan ini merupakan tatapan umum dan rakyat hendak mengetahui seperti mana pihak kerajaan nyatakan dalam perbahasan tadi. Cumanya, saya hendak dapat kepastian daripada Yang Berhormat Menteri berkaitan terdapat 14 orang Ahli Parlimen kerajaan yang tidak mengisytiharkan harta dan anggota pentadbiran sebanyak lima orang. Jadi siapakah mereka ini? Saya harap Yang Berhormat Menteri dapat memberi jawapan. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih. Terima kasih kepada Yang Berhormat Pasir Mas yang telah pun bertanya soalan mengenai anggota pentadbiran yang telah pun isytihar bahawa mereka tidak memiliki apa-apa harta. Ini memang betul kerana saya telah pun berjumpa dengan Ahli Parlimen tersebut dan juga Menteri tersebut dan di mana dia telah pun memaklumkan kepada saya, "*Saya sememangnya tidak ada harta*" kerana harta yang dimiliki oleh beliau telah pun dipindah milik kepada anak-anak dia sebelum beliau menjadi Ahli Parlimen bagi kawasan beliau dan sebelum beliau menjadi anggota pentadbiran. Jadi tidak ada harta, jadi saya tanya juga beliau sama ada beliau memiliki kenderaan. Jadi dia jawab bahawa kenderaan itu pun dia guna kenderaan kerajaan.

Jadi ini adalah secara ikhlas di mana beliau telah pun mengatakan beliau tidak memiliki harta dan telah pun memberikan Akuan Berkanun mengatakan semua itu. Jadi sekiranya ada apa-apa yang kita dapat siasat, sekiranya beliau telah pun membuat pengisytiharan yang tidak sah ataupun tidak benar, jadi tindakan boleh diambil terhadap beliau di bawah Kanun Keseksaan kerana telah pun memberi perakuan yang tidak benar.

Jadi mengenai Ahli-ahli Parlimen yang telah pun dikatakan oleh Yang Berhormat Paya Besar yang tidak mengisytiharkan harta, untuk pengetahuan Ahli-ahli Parlimen, pada setakat ini, saya telah pun dimaklumkan bahawa semua Ahli Parlimen telah pun

mengisytiharkan harta mereka, Ahli Parlimen kerajaan. Hanya tidak dikemas kini buat setakat ini kerana ada yang masih, ada yang baru juga mengisytiharkan harta benda mereka kepada pihak SPRM dan bagi ...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Liew Vui Keong: Minta maaf. Saya menjelaskan di sini bahawa terdapat kurang lebih 10 orang Ahli Parlimen, termasuk juga Ahli Parlimen yang baru mengangkat sumpah pagi ini belum lagi isytihar harta mereka. Ini kerana mereka terutamanya Ahli Parlimen daripada Sandakan, dia baru juga menjadi Ahli Parlimen. Jadi tidak sempatlah dia kena isytiharkan harta dan juga pendapatan dia dan juga kepada Ahli Parlimen yang baru juga memasuki Pakatan Harapan. Jadi mereka belum lagi kurang lebih ada 10 orang daripada mereka yang belum lagi isytiharkan kepada pihak SPRM. Jadi ini ialah kedudukan Ahli Parlimen kerajaan buat setakat ini.

Seorang yang saya difahamkan iaitu Ahli Parlimen, seorang lagi dalam proses untuk menghantar borang pengisytiharan mereka kepada SPRM. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, walaupun terdahulu mereka tidak sempat untuk mengisytiharkan harta benda mereka kepada pihak SPRM, tidak ada kod etika yang boleh dikenakan kepada mereka. Jadi itulah sebab kita adakan usul hari ini untuk pastikan semua Ahli Parlimen yang telah tidak mengisytiharkan harta benda mereka dalam tiga bulan ini, maka satu tindakan bolehlah diambil oleh pihak Tuan Yang di-Pertua.

Untuk maklumat semua Ahli Parlimen, bahawa sekiranya seseorang Ahli Parlimen tidak mengambil peranan untuk mengisytiharkan harta dia dalam masa tiga bulan daripada hari ini, sekiranya diluluskan, maka pihak Tuan Yang di-Pertua akan memaklumkan bahawa seseorang Ahli Parlimen itu tidak mengisytiharkan.

■1800

Maka sebuah usul akan dibawa terhadap Ahli Parlimen itu. Sekiranya usul itu diluluskan oleh Dewan rakyat ini maka tindakan itu akan dibawa kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan untuk jawatankuasa tersebut mengambil tindakan sewajarnya terhadap Ahli Parlimen itu.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Liew Vui Keong: Ini bermakna dengan pihak daripada undang-undang yang pernah...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Boleh Pendang mencelah sedikit dalam isu ini? Ada sedikit sahaja.

Datuk Liew Vui Keong: Okey boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan Yang Berhormat Pendang.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua, kita melihat usul ini sebagai satu usul yang *motion* iaitu satu bukan rang undang-undang yang mana dia berkisar di *House of Parliament*. Sekiranya kita – katakanlah kita tidak mengisytiharkan harta-harta kita kepada pihak yang ditentukan, jadi hanya Parlimen sahaja yang boleh ambil tindakan. Akan tetapi kalau berlaku sesungguhnya salah laku rasuah dan sebagainya di luar sana, SPRM ataupun pihak berkuasa tidak boleh mengambil tindakan. Ini kerana apa? Ini kerana kalau kita serius untuk kita mengawal semua daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sehingga ke *MP* sebab dia ada dua, legislatif dengan eksekutif. Ini ada dua pemisahan.

Kalaulah kita serius, kita pinda. Kalau *if I'm not mistaken*, Akta 9 dalam SPRM kita boleh mengawal semua dan boleh mendakwa sekiranya berlaku salah laku ini. Usul ini hanya *motion* yang mengawal dalam *House of Parliament*. Saya ingat ia tidak ada kesan. Katakanlah kami, pembangkang *MP* yang tidak mengisytiharkan harta berdasarkan kepada usul yang diluluskan hari ini. Selepas tiga bulan, Tuan Yang di-Pertua akan mengambil tindakan semua dikeluarkan. Maknanya Parlimen tidak akan berfungsi dan mungkin dibubarkan sebab pembangkang sudah tidak ada. Macam mana hendak bergerak?

Ini kena lihat – sebab itu kita melihat, kita tidak membangkang usul ini tetapi teknikal yang perlu kita lihat keseriusan kerajaan untuk mengawal semua benda termasuk Perdana Menteri, Timbalan Menteri dan juga *MPs*. Tambah kami tidak ada – *we are not decision making*. Jadi tidak terlibat sangat dengan rasuah dan sebagainya bila kita tidak ada kuasa. Ini yang kita kata punca kuasa yang perlu kita cari tadi yang dibahaskan oleh kedua-dua pihak. Jadi kita minta Yang Berhormat Menteri supaya tangguhkan balik, bincang balik, tengok balik teknikal dan serah. Kalaulah serius, pinda Akta 9 SPRM dan *insya-Allah* semua akan terkawal dengan keseriusan kerajaan untuk mengawal daripada atas sehingga bawah *MPs* yang terlibat dalam perniagaan dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Ini bukan kereta barulah hendak *test*. Harta terus isytihar sahajalah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Lembah Pantai minta laluan.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Lembah Pantai.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Merbok dahulu. Yang Berhormat Merbok dahulu, kemudian baru Yang Berhormat Lembah Pantai.

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Saya cuma ada satu persoalan ya Yang Berhormat Menteri. Kalau kita faham jika usul ini berlaku, bermakna semua Ahli Parlimen perlu mengisytiharkan termasuk harta isteri-isteri mereka. Bermakna, Ahli Parlimen yang mempunyai lebih isteri mesti mengisytiharkan isteri mereka betulkah?

[Dewan ketawa]

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Isteri dan juga suaminya kalau ada ya. Tuan Yang di-Pertua, Lembah Pantai.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Lembah Pantai.

Datuk Liew Vui Keong: Ya, itu untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Merbok, itu terpulung sama ada Ahli Parlimen itu ada isteri ataupun suami.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Liew Vui Keong: Jadi, antara isteri ataupun suami yang perlu diisytiharkan.

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Kiranya maksud dia tidak tertakluk kepada usul itu. Maksudnya peraturan itu sekiranya dia mempunyai lebih daripada seorang isteri dan dia tidak isytihar. So, dia tidak - maksudnya itu keringanan?

Datuk Liew Vui Keong: Dia kena memasuki semua isteri yang sah ya.

[Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Lembah Pantai.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya ada dua persoalan. Pertama, semestinya ini bukan satu-satunya usaha pihak kerajaan untuk memastikan suasana amalan demokrasi di negara kita terutama berkait dengan membanteras rasuah ya. Ini bukan satu-satunya langkah yang akan diambil. Adakah Yang Berhormat Menteri boleh menyatakan kepada Dewan yang mulia ini bahawa memang pihak kerajaan komited untuk melakukan lebih banyak reformasi untuk memastikan dari segi membanteras ataupun memerangi rasuah. Kita memperkukuh institusi-institusi yang terbabit termasuklah SPRM seperti yang kita ada bahas pada hari ini. Kedua, jika Yang Berhormat Menteri boleh mungkin memberikan bayangan ataupun sedikit pandangan

apakah mungkin yang perlu kita lakukan untuk mengukuhkan usaha membanteras rasuah?

Kedua, saya agak bila kita mendengar hujah tentang punca kuasa atau tentang isu berkaitan landasan ataupun apakah sebab kuasa yang diberikan? Saya rasa mungkin Ahli-ahli Parlimen yang menggunakan hujah seperti ini, mungkin mereka kurang fasih tentang kepada siapa yang kita mengisytiharkan. Tadi dalam hujah saya ada menyebut kita mengisytiharkan kepada Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Dari situ kita lihat Peraturan Mesyuarat jelas berkaitan yang arahan ataupun peraturan yang ditetapkan, arahan daripada Tuan Yang di-Pertua adalah muktamad.

Maka dengan usul ini, ia menjadi arahan Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita ingkar dengan arahan, maka kita boleh dihadapkan ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Adakah ini pandangan yang tepat ataupun betul? Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Lembah Pantai. Sememangnya seperti Yang Berhormat Lembah Pantai sedia maklum bahawa sejak kerajaan baharu menerajui pentadbiran di negara ini, membanteras rasuah merupakan satu tunjang yang paling penting bagi Kerajaan Pakatan Harapan ini. Jadi, kerajaan sentiasa memastikan bahawa isu rasuah ini akan dapat diatasi seberapa cepat yang boleh. Itulah sebab kerajaan telah pun mengeluarkan beberapa RUU, termasuk usul ini pertama merupakan langkah yang pertama, Tuan Yang di-Pertua. Jadi selain daripada itu, langkah-langkah yang menaikkan akta ataupun membuat akta baharu akan dilakukan pada masa sesi persidangan Dewan ini.

Untuk menjawab Yang Berhormat Pendang yang telah pun mengatakan – yang menyoalkan bahawa salah laku rasuah tidak terjatuh di bawah usul ini. Untuk makluman Yang Berhormat Pendang, bahawa usul ini hanya tertakluk kepada pengisytiharan harta sahaja. Jadi, sekiranya ada apa-apa kesalahan di bawah Akta SPRM tetap boleh diambil tindakan di bawah akta tersebut. Akan tetapi seperti yang saya katakan tadi, di bawah seksyen 31(1), pihak berkuasa untuk memperoleh maklumat itu amat penting di mana mesti berdasarkan penyiasatan dijalankan oleh seorang pegawai suruhanjaya. Jadi, sememangnya mesti mahu ada penyiasatan yang telah pun dijalankan. Sekiranya tidak ada penyiasatan yang telah pun dijalankan, harta yang telah pun diisytiharkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ini ia tidak akan diganggu. Jadi, *rest assure* bahawa apa-apa siasatan sahaja akan mengikut perundangan sedia ada yang tertakluk di bawah Akta SPRM.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sibuti telah pun menyoal adakah pengisytiharan harta ini melibatkan pemilikan harta sebelum dilantik sebagai Ahli Parlimen ataupun selepas dilantik? Dalam konteks usul ini Tuan Yang di-Pertua, harta yang perlu diisytiharkan oleh Ahli Parlimen adalah harta yang dalam pemilikan semasa yang perlu diisytiharkan dalam tempoh tiga bulan selepas usul ini dipersetujui. Yang Berhormat Sibuti juga bertanya bahawa beliau menyarankan agar pengisytiharan harta ini dilakukan secara digital ataupun elektronik seperti membangunkan portal untuk memudahkan urusan berkaitan seperti di dalam portal HRMIS.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, cadangan untuk membangunkan platform pengisytiharan secara elektronik adalah cadangan yang baik dan kita akan mempertimbangkan cadangan tersebut. Selain daripada itu, Yang Berhormat Sibuti juga menyoal sama ada adakah terdapat had atau limit terhadap pemilikan harta oleh Ahli Parlimen seperti pembelian kenderaan dan juga saham? Adakah Ahli Parlimen perlu hidup dalam perbelanjaan yang minimum? Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tiada ketetapan dalam had atau limit bagi pemilikan harta oleh Ahli Parlimen.

■1810

Berkenaan dengan perbelanjaan Ahli Parlimen, kerajaan berpendapat bahawa apa-apa perkara berkaitan perbelanjaan tersebut adalah tertakluk kepada kemampuan ahli tersebut dan apa-apa peruntukan-peruntukan yang sedia ada. Selain daripada itu Yang Berhormat Rasah, Tuan Yang di-Pertua, telah pun menyarankan agar Jabatan Peguam Negara mula menggubal draf rang undang-undang berkaitan dengan pengisytiharan harta seperti yang telah dikatakan tadi bahawa pihak kerajaan akan melibatkan semua pihak berkepentingan untuk memuktamadkan draf peruntukan undang-undang berkaitan pengisytiharan harta tersebut sebelum dikemukakan kepada pihak Jabatan Peguam Negara.

Beliau iaitu Yang Berhormat Tebrau telah pun menyarankan agar memasukkan simpanan tetap bon selain saham sebagai hasrat yang perlu diisytiharkan. Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan akan mengambil maklum cadangan yang Yang Berhormat ini dan akan mempertimbangkan cadangan tersebut.

Selain daripada itu, ada juga cadangan daripada Yang Berhormat Subang yang menyarankan agar pindah format pengisytiharan harta. Seterusnya berkaitan had umur anak 21 tahun ke atas dan juga berkaitan *preference* ataupun *compatible share* juga perlu diisytiharkan. Jadi, cadangan tersebut juga akan saya ambil maklum.

Selain itu, Yang Berhormat Segamat telah pun menyarankan agar harta sepencarian juga dimasukkan dalam pengisytiharan harta. Seperti yang dikatakan tadi, ini adalah satu cadangan yang baik. Selain daripada itu, Yang Berhormat Segamat juga bertanya untuk pengisytiharan harta dilakukan setiap tahun. Untuk maklumat Yang Berhormat bahawa buat setakat ini, cadangan ialah untuk mengisytiharkan harta setiap dua tahun. Akan tetapi cadangan yang disarankan oleh pihak Yang Berhormat Segamat adalah satu cadangan yang kita akan ambil maklum.

Selain itu, pihak pengisytiharan harta dibuat kepada Speaker sahaja. Ini telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Lembah Pantai. Mengikut cadangan yang telah pun dibuat, akuan berkanun diangkat sumpah di hadapan Pesuruhjaya Sumpah dan dikemukakan kepada Tuan Yang di-Pertua dan salinan kepada Ketua Pesuruhjaya SPRM. Jadi, itu sahaja yang saya sempat untuk menjawab soalan-soalan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini. Saya sekali lagi mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Parlimen yang telah pun mengambil peranan dalam perbahasan usul ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri di bawah Perkara 1 hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Mahfuz bin Haji Omar]: Semua setuju. Allah S.W.T suruh isytihar. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Dengan demikian Ahli-ahli Yang Berhormat Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Selasa, 2 Julai 2019. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

[Dewan ditangguhkan pada pukul 6.13 petang]